



# **RUKUN NEGARA**

**Bahwasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,  
berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

# PENDIDIKAN MORAL

TINGKATAN  
**1**

**PENULIS**

Nur Munirah Teoh binti Abdullah

Chua Chu Tee

Abdul Pabil bin Adam

**EDITOR**

Siti Masni binti Kospin

**PEREKA BENTUK**

Jamilatul Salwa binti Shahrul

Safiyah binti Nazri

**ILUSTRATOR**

Ahmad Nazri bin Ahmad Razali



Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0061

KK 370-221-0102011-49-1121-30101

ISBN 978-983-49-1121-8

Cetakan Pertama 2016

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.

Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Visual Print Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Times New Roman  
Saiz Muka Taip Teks: 12/14 poin

Dicetak oleh:  
Attin Press Sdn. Bhd.,  
No.29, BS 7/1A,  
Kawasan Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Sri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua yang berikut:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai daripada Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SMK (Lelaki) Methodist, Kuala Lumpur.
- SMK Bandar Damai Perdana, Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.
- SMK Taman Seraya, Ampang, Selangor Darul Ehsan.
- SMK Meru Klang, Selangor Darul Ehsan.

# KANDUNGAN

## PENDAHULUAN

iv

## BIDANG 1: PENGENALAN MORAL

- Unit 1: Kenali Moral  
Unit 2: Insan Bermoral Pilihan Hidup  
Unit 3: Hidup Bermoral Pemangkin Kesejahteraan

## BIDANG 2: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN

- Unit 4: Hidup Beragama atau Berkepercayaan Membawa Berkat  
Unit 5: Serlahkan Potensi Diri  
Unit 6: Hubungan Mesra Keluarga Bahagia  
Unit 7: Bijaksana Memilih Sahabat

## BIDANG 3: HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

- 1 Unit 8: Warga Prihatin Sekolah Sejahtera 87  
13 Unit 9: Keselamatan Tempat Tinggal Tanggungjawab Bersama 99  
23 Unit 10: Kemudahan Awam Dijaga Bersama 111  
35 Unit 11: Masyarakat Prihatin Alam Terpelihara 123  
47 Unit 12: Remaja Berhemah Harapan Negara 135

## BIDANG 4: MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG

- 59 Unit 13: Patuhi Etiket Keluarga Harmoni 147  
73 Unit 14: Hindari Ketagihan Hidup Sejahtera 161  
Unit 15: Patuhi Peraturan Sekolah 173  
Unit 16: Kenali Hak Kanak-kanak 187  
Unit 17: Rasuah Musuh Negara 201

**SENARAI RUJUKAN**

**INDEKS** 217

# PENDAHULUAN

Buku Teks *Pendidikan Moral Tingkatan 1* Sekolah Menengah ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Tingkatan 1 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk insan berakhhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Buku teks ini berfokus kepada empat bidang, iaitu Bidang 1: Pengenalan Moral, Bidang 2: Diri, Keluarga dan Persahabatan, Bidang 3: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat dan Bidang 4: Moral, Peraturan dan Undang-undang. Bidang-bidang ini dibahagikan kepada 17 unit yang boleh berdiri sendiri sebagai satu modul. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran setiap unit mempunyai enam bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhkan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks terdapat senarai rujukan dan indeks. Semua unit mempunyai ciri seperti yang berikut:

## RANGSANGAN

Setiap unit akan dimulakan dengan halaman rangsangan. Halaman ini mengandungi hasil pembelajaran murid dan senarai nilai. Gambar yang terdapat pada halaman ini boleh dijadikan sebagai set induksi untuk memulakan sesuatu pembelajaran dalam unit tersebut.

## KONSEP

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid mengetahui dan memahami kandungan yang ada pada setiap unit. Bahagian ini juga merangkumi semua standard pembelajaran yang diperlukan dalam setiap unit.

## PENGUKUHAN

Bahagian ini bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran yang dikuasai oleh murid. Pelbagai aktiviti dan latihan diadakan untuk murid mengukuhkan pemahaman mereka terhadap kandungan yang dipelajari.

## PENGAYAAN

Bahagian ini bertujuan untuk meluaskan pengetahuan dan pengalaman serta mengukuhkan kemahiran yang sedang dipelajari oleh murid. Bahagian ini mengandungi pelbagai aktiviti dan latihan yang mencabar minda murid.

## PEMULIHAN

Bahagian ini bertujuan untuk membantu murid memahami sesuatu konsep dan kemahiran yang dipelajari dengan mudah. Sehubungan dengan itu, bahagian ini menyediakan aktiviti dan latihan yang lebih mudah untuk dilaksanakan oleh murid.

## PENILAIAN

Bahagian ini mengandungi aktiviti dan latihan yang bertujuan untuk menilai pemahaman murid tentang konsep dan kemahiran yang dipelajari. Pelbagai jenis aktiviti dan latihan penilaian disediakan pada akhir setiap unit seperti penilaian formatif, penilaian berasaskan projek, silang kata, melengkapkan peta minda, soalan struktur dan soalan esej.

Penulisan buku teks *Pendidikan Moral Tingkatan 1 KSSM* memberikan fokus utama untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia. Sehubungan dengan itu, buku teks ini menekankan tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai jenis aktiviti dan latihan yang disediakan di dalam buku ini. Guru boleh mengubah suai aktiviti dan latihan agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan juga keadaan persekitaran murid. Antara aktiviti yang terdapat di dalam buku teks ini termasuklah lakonan, jelajah ilmu, projek dan reka cipta.

Aktiviti dan latihan yang terdapat di dalam buku teks ini memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berinteraksi, bekerja dalam pasukan, bermaklumat dan memupuk sikap penyayang dan patriotik dalam diri murid.

Bersesuaian dengan hasrat KSSM untuk melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Pembelajaran Abad ke-21, buku teks ini turut memberikan fokus kepada empat tahap pemikiran dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kemahiran lain yang turut diterapkan di dalam buku teks ini ialah Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemahiran Kajian Masa Depan, Kemahiran Penyelesaian Konflik dan Kemahiran Kreativiti. Buku teks ini juga menyediakan pelbagai alat berfikir seperti peta pemikiran dan soalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir dalam setiap unit.

Selain itu, kandungan buku teks ini juga menyediakan maklumat tambahan bagi menjana idea murid. Yang berikut merupakan penerangan berkaitan dengan perkara tersebut.

### *Imbas Saya*



### SOALAN

Menguji kefahaman dan memperkuuh pembelajaran murid serta menggalakkan kemahiran berfikir.

**PERMINTAAN**

A. Baca dan laksana biografi tokoh di bawah.

**mercy**

Tan Sri Dr Azizah Aminah Maimunah merupakan tokoh yang disegani di seluruh dunia kerana dedikasinya yang besar terhadap pelajar. Yang

**Latar Belakang**

- Bukan pelajar Sekolah Pertama Asrama, Putrajaya.
- Penerima Sarjana Pendidikan dan Universiti Keberagaman Melayu (UKM) dan Sejajar
- Alif Pengaruh dan Gondolok pada tahun 1980.
- Penerima Gelaran Dato' dan Datin pada tahun 1990.
- Penerima Gelaran Datin dan Datin pada tahun 1995.
- Penerima Anugerah Ganding, King, Noda yang menghargai sumbangan beliau kepada
- Kemahiran
- Penerbit Angkatan Ganding, King, Noda yang menghargai sumbangan beliau kepada
- Kemahiran dan pengetahuan kebangsaan.
- Dipengaruh Dan Diketahui Pelajar, Salleh Mukalla (PSM) oleh Yang di-Pertua Agong
- Tan Sri Muzaaf Zaidi Abdillah yang mendekan gelar tan Sri.
- Penerima Anugerah Kemanusiaan Wanita yang pertama di Asia Tenggara (Kategori Peribadi)
- Sumbangan
- Keanggotaan Persekutuan Rantau Persuruh Melayu (Mercury Malaysia) pada Jan 1993.
- Maklumat berkaitan kemahiran dan kemandirian adalah sebahagian daripada maklumat yang menyediakan dan mendukung
- Mengurus delegasi MERCY Malaysia untuk menyampaikan batasan kemahiran berkenaan
- Sumbangan maklumat, pengetahuan, perkhidmatan peribadi dan sumbangan kemandirian sekolah.
- Menulis buku dan artikel tentang batasan kemahiran ke Korea pada tahun 1999.
- Inovasi dan NGAY yang pertama semasa sempena sambutan rakyat Arab yang dilangsung

**2 PERLAKU**

1. Semewahnya dan mewahnya yang dilakukan Tan Sri Dr Azizah Aminah Maimunah dalam bentuk Permaisuri Negara.

2. Ia bukanlah perkataan yang anda perlu didejaja Tan Sri Dr Azizah Aminah Maimunah.

B. Mempelajari bantuan dan buku rujukan, dapatkan maklumat tentang biografi tokoh yang anda kuasai. Berangkan sebab-sabab leluhur yang terdapat pada tokoh tersebut.

**Guru Mengajari Anggota Keluarga**

Memberikan layanan yang terbaik.

Berbagi masa sisa dan doa.

Mengambil bertanggungjawab atas keluarga.

Memberikan hadiah atau kaducap.

Fokus kepada masalah dan berjuang bersama.

Saling menghormati.

**GERBANG KINSA**

Tanpa ada gerbang, tanpa keluarga dan tanpa kerja sama, kita tidak akan mampu mendirikan negara yang kuat, berdaya dan berwibawa.


Mengandungi *QR Code* yang mengandungi maklumat tambahan. *QR Code* perlu diimbas dengan menggunakan gajet semasa bagi mengetahui maklumat yang terdapat di dalamnya.



### GERBANG MINDA

Menerangkan maksud atau memberikan maklumat tambahan tentang sesuatu perkataan yang digunakan di dalam teks.

Meningkatkan keupayaan dan kebolehan sedia ada pada murid untuk berfikir secara kreatif, kritis dan inovatif.




## Peta Pemikiran

Mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir murid untuk menjana idea dan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut.



## *Refleksi Diri:*

Membolehkan murid menilai diri berdasarkan pengalaman mereka.



### SEGMENT SANTAI



Membolehkan murid memberikan jawapan secara mudah dan ringkas.



NOTA GURU

Memberikan panduan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti, mengingatkan murid tentang aspek keselamatan dan peralatan yang perlu dibawa semasa melaksanakan sesuatu aktiviti.



## RENUNGAN

Mengandungi kata-kata hikmat untuk muhasabah diri ke arah insan bermoral.

Penulis berharap buku ini dapat memberikan pengetahuan, pemahaman dan penghayatan kepada murid untuk mengamalkan perlakuan bermoral secara bertanggungjawab dan berintegriti. Dengan ini diharapkan hasrat untuk mendidik murid menjadi insan yang bermoral, berakhhlak mulia, berpengetahuan, mengutamakan perpaduan dan bersemangat patriotik serta dapat menyumbang secara produktif terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara dapat dicapai.

Nur Munirah Teoh binti Abdullah  
Chua Chu Tee  
Abdul Pabil bin Adam

# Unit 1

## KENALI MORAL



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- maksud moral melalui contoh.
- perbezaan perlakuan baik, benar dan patut.
- kepentingan berkelakuan baik, benar dan patut.
- perasaan apabila berkelakuan baik, benar dan patut.
- cara perlakuan baik, benar dan patut.

### NILAI

- Rasional
- Baik Hati
- Kebebasan
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

Moral berasal daripada bahasa Latin, iaitu *mores*. Perkataan ini bermaksud tingkah laku yang baik, betul dan diterima, sejajar dengan kehendak agama, norma masyarakat, peraturan dan undang-undang seperti yang ditunjukkan dalam peta pemikiran di bawah.



Peta pemikiran menunjukkan definisi moral.



Individu yang bermoral seharusnya berkelakuan baik, benar dan patut dalam setiap tindakan mereka. Terdapat perbezaan antara perlakuan baik, benar dan patut. Tingkah laku tersebut dijelaskan dalam jadual di bawah.

Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat.

Baik

Tingkah laku yang betul berasaskan fakta dan bukti yang sah.

Benar

Tingkah laku yang sesuai dibuat dan diterima oleh masyarakat.

Patut

### Contoh perlakuan baik, benar dan patut

Jefri ternampak dua orang rakannya, iaitu Hoon Seng dan Irfan sedang menconteng dinding sekolah. Jefri melaporkan tindakan rakannya kepada guru disiplin. Hoon Seng dan Irfan telah mengakui perbuatan mereka. Guru disiplin telah menjatuhkan hukuman kepada Hoon Seng dan Irfan.

B  
a  
i  
k

Tindakan Jefri melaporkan kesalahan rakannya kepada guru disiplin merupakan perbuatan yang baik.

B  
e  
n  
a  
r

Hoon Seng dan Irfan telah bercakap benar kerana mengakui perbuatan mereka menconteng dinding sekolah.

P  
a  
t  
u  
t

Tindakan guru disiplin mengenakan hukuman ke atas Hoon Seng dan Irfan adalah patut setelah kesalahan mereka dibuktikan.

## KEPENTINGAN BERTINGKAH LAKU BAIK, BENAR DAN PATUT

Baik

Hubungan dengan orang lain akan menjadi lebih mesra.

Benar

Dipercayai dan diyakini oleh orang lain.

Patut

Membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat.

Semua orang perlu mengamalkan tingkah laku baik, benar dan patut dalam kehidupan harian. Pengamalan tingkah laku yang bermoral akan menjadikan kehidupan kita lebih bahagia dan sejahtera.

## A. Baca dan fahami dialog di bawah.



Michelle: Qistina, semalam saya tidak hadir ke sekolah kerana demam. Bolehkah saya meminjam buku kerja kamu?  
Boleh tetapi jangan lupa membawanya pada esok hari.  
Baiklah. Terima kasih.  
Nur Qistina: Sama-sama.

Pada keesokan harinya, Michelle terlupa untuk membawa buku tersebut. Akibatnya, Nur Qistina telah didenda oleh guru. Michelle berasa kesal dan berjumpa dengan Nur Qistina untuk memohon maaf.

Michelle: Qistina, saya minta maaf. Kelalaian saya telah menyebabkan kamu didenda oleh cikgu.

Nur Qistina: Baiklah, Michelle. Saya maafkan.



### SOALAN

- Dengan berdasarkan situasi, terangkan tingkah laku baik, benar dan patut yang ada pada Michelle dan Nur Qistina.
- Mengapakah Michelle dan Nur Qistina perlu bertingkah laku baik, benar dan patut?
- Andaikan anda ialah Nur Qistina. Apakah perasaan anda apabila kawan anda tidak menepati janji?



Pada pendapat anda, adakah dengan meminta maaf dapat menebus kesalahan yang anda lakukan?



### SEGMENT SANTAI

Berikan tiga kebaikan yang pernah anda lakukan terhadap rakan anda.

**B. Dengan melayari Internet, dapatkan maklumat yang berikut. Bentangkan maklumat tersebut secara kreatif.**

The image shows a Microsoft PowerPoint presentation titled "Presentation1". The slide has a purple and white geometric background. The title "Konsep dan pengertian moral" is at the top. Below it is a bulleted list of six items. A laptop in the foreground is displaying the same slide, showing the list on its screen. The laptop's keyboard is visible, and a hand is pointing at the screen. The PowerPoint ribbon is visible at the top, showing tabs like Home, Insert, and Review.



SOALAN

Berikan contoh situasi di sekolah dan jelaskan tingkah laku baik, benar dan patut dalam situasi tersebut.



Adakah pemahaman tentang maksud moral membantu anda membuat pilihan untuk bertingkah laku dalam kehidupan harian? Jelaskan.



## *Refleksi Diri:*

Adakah anda mengamalkan tingkah laku bermoral dalam kehidupan harian?

NOTA GURU

Bimbing murid yang tiada kemudahan Internet untuk mendapatkan sumber lain seperti buku rujukan di pusat sumber.

- A. Baca dan lakonkan situasi di bawah. Secara berkumpulan, bincangkan tingkah laku baik, benar dan patut yang berlaku sepanjang situasi tersebut.

Situasi 1

Baiklah, Kavi. Hati-hati semasa berjalan.

Saya pergi ke sekolah, mak.



Situasi 2

Sama-sama, pak cik.

Terima kasih, nak.



### Situasi 3

Cikgu, biar saya tolong bawa buku itu.

Terima kasih, Kavi.



### Situasi 4

Maafkan kami, cikgu. Kami tidak akan mengulanginya lagi.

Kamu berdua tidak sepatutnya berbuat bising semasa guru tiada. Perbuatan kamu telah mengganggu kelas lain yang sedang belajar. Kamu berdua patut mencontohi Kavi dan rakan yang lain mengulang kaji pelajaran semasa guru tiada.

- B. Secara berkumpulan, lakukan pemerhatian tentang tingkah laku baik, benar dan patut yang berlaku di kawasan sekolah. Dengan menggunakan borang di bawah, rekodkan hasil pemerhatian tersebut dan bentangkannya.

Kelas: \_\_\_\_\_

Lokasi Pemerhatian: \_\_\_\_\_

Nama Kumpulan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_ Masa: \_\_\_\_\_

#### Tingkah Laku

Bil.	Baik	Benar	Patut
1.			


Pengesahan

Nama Guru: \_\_\_\_\_ Tandatangan: \_\_\_\_\_

C. Secara berkumpulan, jalankan permainan roda moral di bawah.

#### Cara Menjalankan Aktiviti

1. Lantik seorang ketua bagi setiap kumpulan sebagai pemusing roda secara bergilir.
2. Apabila roda berhenti, ahli kumpulan perlu menjawab soalan yang telah ditetapkan.
3. Tulis jawapan dalam kertas sebak dan bentangkannya apabila semua soalan pada roda selesai dijawab.



**1**

Adakah semua orang mengamalkan tingkah laku bermoral? Bincangkan.

**2**

Rakan anda lemas ketika mandi di sungai. Bagaimanakah anda membantu rakan tersebut sekiranya anda sendiri tidak tahu berenang?

**3**

Seekor anak kucing jatuh ke dalam longkang. Jelaskan tindakan yang patut anda lakukan. Ceritakan perasaan anda apabila bertindak sedemikian.

**4**

Rakan anda mengadu sakit perut dan ingin menghubungi ibu bapanya. Anda membawa telefon bimbit ke sekolah. Perbuatan membawa telefon bimbit ke sekolah adalah salah dari segi peraturan sekolah. Wajarkah anda menggunakan telefon bimbit untuk membantunya? Jelaskan.

**5**

Guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan telah bertanya kepada anda tentang rakan anda yang tiada semasa aktiviti pendidikan jasmani. Rakan anda telah meminta anda berbohong dengan mengatakan bahawa dia berjumpa dengan guru kaunseling. Apakah tindakan yang patut anda lakukan?

**6**

Anda dan Abirami bersahabat baik. Semasa peperiksaan, Abirami cuba meminta jawapan daripada anda. Jelaskan tindakan yang patut anda lakukan.

**A. Baca dan fahami situasi di bawah. Kenal pasti tingkah laku bermoral yang terdapat pada keluarga Adi dengan melengkapkan maklumat di bawah.**

Adi dan adik-adiknya bermain bola sepak di halaman rumah. Sewaktu bermain, tendangan Adi telah terkena sebuah pasu bunga lalu pecah. Adi dan adik-adiknya berhenti bermain dan bekerjasama mengemasakan pasu bunga yang pecah. Oleh sebab bimbang dimarahi oleh ibu, Adi telah meminta adik-adiknya merahsiakan kejadian tersebut. Walau bagaimanapun, adik-adiknya telah menceritakan kejadian yang berlaku kepada ibu. Ibu memuji sikap adik-adiknya. Ibu menasihati Adi agar tidak mengajar adik-adiknya menyembunyikan perkara yang salah. Adi mengakui kesilapannya dan berjanji tidak akan mengulanginya lagi.

### **Senarai Tingkah Laku Bermoral dalam Keluarga Adi**

Tingkah Laku Baik

---

---

---

Tingkah Laku Benar

---

---

---

Tingkah Laku Patut

---

---

---



Pada pandangan anda, mengapa kita perlu bercakap benar kepada ibu bapa?



#### **RENUNGAN**

Orang yang paling berkuasa ialah orang yang dapat menguasai dirinya sendiri.

**B. Berdasarkan cerita di bawah, tandakan (✓) pada tingkah laku baik, benar dan patut.**



Bil.	Penyataan	Tingkah Laku		
		Baik	Benar	Patut
1.	Anak gembala membantu keluarganya dengan menggembala kambing biri-biri.			
2.	Penduduk kampung datang untuk membantu anak gembala.			
3.	Apabila mendengar orang meminta bantuan, kita harus segera berusaha membantu.			
4.	Penduduk kampung menasihati anak gembala supaya tidak menipu.			
5.	Anak gembala meminta bantuan apabila serigala datang menyerang kambing biri-birinya.			
6.	Anak gembala perlu memastikan keselamatan kambing biri-biri di bawah jagaannya.			
7.	Anak gembala mesti berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu perbuatan.			
8.	Anak gembala mesti memohon maaf kepada orang-orang kampung akan kesalahannya.			

**C. Bincangkan bersama-sama guru pilihan jawapan yang anda berikan bagi mengesahkan pilihan anda adalah tepat.**

**Bulatkan jawapan yang betul.**

1. Moral berasal daripada bahasa Latin *mores* yang membawa maksud \_\_\_\_\_.  
A. tingkah laku baik, betul dan diterima  
B. tingkah laku cermat dan berhati-hati  
C. tingkah laku yang diamalkan oleh masyarakat  
D. tingkah laku mengikut peraturan dan perasaan
  
2. Tingkah laku benar berasaskan \_\_\_\_\_ dan diterima oleh masyarakat.  
A. cakap-cakap      B. khabar angin      C. fakta      D. anggapan
  
3. Ranjeet Singh didenda oleh gurunya kerana keluar kelas tanpa mendapat kebenaran. Tindakan gurunya itu merupakan tingkah laku yang \_\_\_\_\_.  
A. benar      B. baik      C. patut      D. sesuai
  
4. Amir menghulurkan derma sempena Hari Pahlawan. Tindakan Amir merupakan tingkah laku yang \_\_\_\_\_.  
A. sahih      B. baik      C. benar      D. luhur
  
5. Seseorang yang mengamalkan tingkah laku bermoral akan berasa \_\_\_\_\_ dalam kehidupan.  
A. sedih      B. ragu-ragu      C. gelisah      D. tenang
  
6. Murid yang bertingkah laku baik akan \_\_\_\_\_ oleh orang lain.  
A. ditakuti      B. disenangi      C. dilindungi      D. dipulaukan
  
7. Setiap individu perlu sentiasa \_\_\_\_\_ kepada Tuhan agar menjadi orang yang baik.  
A. berdoa      B. berserah      C. bergembira      D. bertenang
  
8. Pilih tingkah laku bermoral.  
A. Berebut ketika menaiki bas.      C. Makan dengan gelojoh.  
B. Berbuat baik untuk dipuji.      D. Bercakap dengan sopan.
  
9. Rakan anda ponteng kelas. Apakah tindakan yang patut anda ambil?  
A. Merahsiakan daripada guru.      C. Menasihatinya agar tidak ponteng.  
B. Mengikutnya ponteng kelas.      D. Membiarkan tindakannya.
  
10. Kita dianggap tidak bercakap benar apabila kita \_\_\_\_\_.  
A. melaporkan salah laku rakan  
B. melaporkan maklumat yang palsu  
C. menjadi saksi salah laku orang lain  
D. mendiamkan diri walaupun mengetahui salah laku rakan

# Unit 2

## INSAN BERMORAL PILIHAN HIDUP



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- maksud insan bermoral.
- contoh ciri insan bermoral.
- kepentingan menjadi insan bermoral.
- keperluan menjadi insan bermoral.
- perlakuan insan bermoral dalam kehidupan masyarakat majmuk.

### NILAI

- Baik Hati
- Kejujuran
- Harga Diri
- Hemah Tinggi
- Kepercayaan kepada Tuhan

Tahukah anda maksud insan bermoral? Insan bermoral ialah individu yang berfikiran, berperasaan dan mengamalkan perlakuan baik dalam semua tindakannya. Rajah di bawah menunjukkan ciri insan bermoral.

## Ciri Insan Bermoral

### Pemikiran

- Berfikiran rasional
- Tahu membezakan betul atau salah
- Boleh membuat keputusan
- Dapat menyelesaikan masalah

### Perasaan

- Prihatin
- Empati
- Simpati
- Gembira
- Kecewa
- Sedih

### Perlakuan


- Bersikap adil
- Berperikemanusiaan
- Berbudi pekerti
- Hormat-menghormati
- Bertindak mengikut undang-undang

### Contoh tingkah laku insan bermoral.

1. Bersimpati terhadap mangsa banjir yang kehilangan harta-benda.
2. Menghormati amalan kepercayaan pelbagai kaum dan etnik.
3. Mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
4. Bersahabat tanpa rasa prasangka dengan rakan berlainan agama dan bangsa.
5. Sanggup mempertahankan dan menjaga imej negara.
6. Rajin ke sekolah untuk menimba ilmu.

Terdapat banyak kepentingan menjadi insan bermoral seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

## Kepentingan Menjadi Insan Bermoral



Sebagai seorang yang mempunyai ciri insan bermoral, kita hendaklah sentiasa bersikap adil, berperikemanusiaan dan bertindak mengikut undang-undang. Dengan ini, semua orang akan berasa gembira dan menikmati kehidupan yang sejahtera.



### RENUNGAN

Jadilah seperti pohon kayu yang berbuah lebat, dibaling dengan batu dibalas dengan buah.

## A. Baca dan fahami biografi tokoh di bawah.



Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood merupakan tokoh yang disegani di negara kita. Beliau antara tokoh yang patut kita teladani. Yang berikut ialah latar belakang beliau.



### Latar belakang

- Bekas pelajar Sekolah Perempuan Assunta, Petaling Jaya.
- Pemegang Ijazah Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Sarjana dalam bidang obstetrik dan ginekologi pada tahun 1986.
- Ahli Persatuan Obstetrik Diraja United Kingdom.
- Pensyarah Obstetrik dan Ginekologi di Fakulti Perubatan UKM sehingga tahun 1995.

### Kejayaan

- Penerima Anugerah Gandhi, King, Ikeda yang menghargai sumbangan beliau kepada kemanusiaan tanpa keganasan.
- Dianugerahkan Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yang membawa gelaran Tan Sri.
- Penerima Anugerah Keamanan Wanita yang pertama di Asia Timur (Kategori Perkhidmatan Kemanusiaan) di Manila.

### Sumbangan

- Mengasaskan Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) pada Jun 1999.
- Melakukan kerja-kerja kemanusiaan dan khidmat sukarela yang menyeluruh dan mengatasi sempadan geografi.
- Mengetuai delegasi MERCY Malaysia untuk memberikan bantuan kemanusiaan berbentuk bantuan makanan, pakaian, perkhidmatan perubatan, mendirikan klinik dan sekolah.
- Mengetuai misi kemanusiaan ke Kosovo pada tahun 1999.
- Individu dan NGO yang pertama sampai untuk membantu rakyat Aceh yang dilanda tsunami.

### *Imbas Saya*



MERCY Malaysia

### SOALAN

1. Senaraikan ciri insan bermoral yang terdapat pada Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood dalam bentuk peta pemikiran.
2. Jelaskan pengajaran yang anda peroleh daripada Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood.



Pilih satu sikap yang ada pada diri Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood yang anda kagumi. Jelaskan sebab pilihan anda.

## B. Dengan merujuk sumber Internet dan buku rujukan, dapatkan maklumat tentang biografi tokoh yang anda kagumi. Bentangkan amalan tingkah laku bermoral yang terdapat pada tokoh tersebut.

**C. Baca dan fahami petikan rencana di bawah.**

### Berhemah Menggunakan Internet

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melaporkan bilangan pengguna Internet aktif di negara ini pada tahun 2015 melebihi 20.1 juta orang dan sebanyak 16.8 juta daripadanya aktif dalam media sosial. Perkembangan itu berdasarkan kadar penembusan jalur lebar yang mencapai 72.2%. Pencapaian ini menunjukkan masyarakat Malaysia kini menuju ke arah gaya hidup digital. Mereka menggunakan Internet untuk melayari media sosial, menonton video, bermain permainan dalam talian, aplikasi berasaskan lokasi, enjin carian dan perbankan Internet. Walaupun gaya hidup digital ini menyumbang kepada unsur negatif dalam budaya masyarakat, tetapi nilai positifnya melebihi unsur negatif. Banyak kelebihan yang kita peroleh jika menggunakan Internet secara bijak dan berhemah.



#### SOALAN

1. Sebagai insan bermoral, bagaimakah anda menggunakan Internet secara berhemah?
2. Kawan anda menggunakan Internet untuk menyebarkan berita yang belum tentu kesahihannya. Bagaimakah anda memberikan nasihat kepadanya?



Penggunaan Internet mempunyai banyak kebaikan dan keburukan. Bincangkan.

**A. Secara berkumpulan, bincangkan cara menyelesaikan dilema di bawah dan lengkapkan jadual yang disediakan.**

Vernard seorang yang rajin belajar. Ketika mendapat keputusan peperiksaan akhir tahun, dia terkejut kerana gagal dalam beberapa mata pelajaran. Vernard berasa tertekan, kecewa dan bimbang akan reaksi ibu bapanya. Apakah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh Vernard?

1

Ryan seorang pengawas pusat sumber sekolah. Dia mendapati seorang rakan baiknya mengoyakkan buku rujukan di pusat sumber. Ryan menjadi serba salah. Apakah tindakan yang harus dilakukan oleh Ryan?

2

Faiz dan Sarjit membeli sepinggan mi goreng di gerai makan. Ketika hendak membayar makanan tersebut, Sarjit mendapati wangnya tidak mencukupi. Faiz mempunyai lebihan wang tetapi bercadang untuk menggunakan wang tersebut bagi membayar yuran kelas.

3

Murad terlewat untuk menghadiri temu duga. Semasa bergegas ke tempat tersebut, Murad ternampak seorang budak menangis tanpa ditemani oleh ibu bapanya.


4

**Jadual Penyelesaian Dilema**

Situasi	Cara Penyelesaian	Ciri Insan Bermoral
_____ _____ _____ _____	_____ _____ _____ _____	_____ _____ _____ _____

**B. Lakonkan cara penyelesaian tersebut.**

### C. Baca dan fahami maksud kata hikmat yang berikut.



#### SOALAN

1. Jelaskan maksud kata hikmat tersebut.
2. Apakah yang dapat anda pelajari daripada kata hikmat tokoh di atas?
3. Mengapa insan yang tidak bermoral tidak disukai oleh orang lain? Bincangkan.

### D. Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari kata hikmat yang mempunyai ciri insan bermoral daripada pelbagai tokoh. Pilih kata hikmat yang terbaik sebagai inspirasi anda menjadi insan bermoral. Pamerkannya di dalam kelas.


#### Contoh



Pendeta Za'ba



Mother Teresa



Mahatma Gandhi

#### Refleksi Diri:

Ceritakan perasaan anda sekiranya berjaya mengamalkan tingkah laku insan bermoral.

### A. Adakah anda insan bermoral? Uji diri anda.

Bil.	Penyataan	Ya/Tidak
1.	Saya sentiasa mencari peluang untuk membantu rakan-rakan.	
2.	Saya selesa berkawan daripada bersendirian.	
3.	Saya sentiasa memberikan salam kepada semua guru.	
4.	Saya suka melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.	
5.	Saya suka menolong orang tanpa mengira kaum.	
6.	Saya prihatin akan keadaan alam sekeliling saya.	
7.	Saya melibatkan diri dengan kerja amal bagi meringankan beban orang yang dalam kesusahan.	
8.	Saya sentiasa berfikiran positif.	
9.	Saya tidak suka membuang masa dengan sia-sia.	
10.	Saya akan berasa gembira jika rakan saya gembira dan akan berasa simpati jika rakan saya sedih.	
11.	Saya akan berdiri tegak apabila lagu Negaraku dinyanyikan.	
12.	Saya tidak akan membuang sampah di merata-rata tempat.	

#### Skala

7 - 12 - Syabas, anda insan bermoral!

0 - 6 - Berusaha lagi untuk menjadi insan bermoral.

### B. Secara berpasangan, bandingkan ciri insan bermoral yang ada pada anda dan rakan anda dengan menggunakan peta pemikiran.

**C. Kenal pasti ciri insan bermoral yang ingin anda amalkan dalam kehidupan.  
Hasilkhan ikrar dan tampakkannya di dalam kelas.**

## *Ikrar Diriku*

Bahawasanya saya \_\_\_\_\_ akan berusaha sedaya upaya saya untuk menjadi seorang insan yang bermoral dengan mengamalkan perlakuan seperti yang berikut:

1

2

3

4

5

6



( \_\_\_\_\_ )

Tarikh: \_\_\_\_\_

**Berdasarkan cerita di bawah, jawab soalan yang berikut.**

James Umbih berusia 30 tahun. Beliau merupakan Malim Gunung, iaitu orang yang membantu pendaki gunung. Beliau bertugas membawa pelancong mendaki Gunung Kinabalu. James merupakan pekerja yang disenangi oleh rakan sejawatnya kerana sikapnya yang peramah dan baik hati. Beliau juga merupakan seorang yang bersemangat tinggi, sentiasa ceria dan penyayang. Semasa gempa bumi melanda kawasan Gunung Kinabalu, James telah berusaha menyelamatkan dua orang pendaki dengan menghalang batu-batu tersebut daripada menghempap dua orang pendaki yang dibawanya. James telah ditemui dalam keadaan cedera parah di bawah runtuhan batu. Walaupun James cedera parah, dia bersyukur kerana dapat menyelamatkan salah seorang pendaki yang dibawanya. James Umbih sanggup menggadaikan nyawanya demi menyelamatkan orang lain. Dia mempunyai ciri insan bermoral yang patut dicontohi.

1. Mengapa James Umbih disenangi oleh rakan sejawatnya?

---

---

2. Jelaskan dua ciri insan bermoral yang ditunjukkan oleh James Umbih dalam usaha menyelamatkan pendaki yang dibawanya.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

---

---

3. Pada pandangan anda, mengapa James Umbih berusaha menyelamatkan pendaki yang dibawanya?

---

---

4. Andaikan anda adik James Umbih. Apakah perasaan anda terhadap sikapnya yang berusaha untuk membantu orang lain? Mengapa?

---

---

## Unit 3

# HIDUP BERMORAL PEMANGKIN KESEJAHTERAAN



Dalam unit ini, saya belajar tentang:


- kepentingan mempelajari moral.
- cara hidup bermoral dan tidak bermoral.
- manfaat mempelajari moral dalam kehidupan.
- cara mempraktikkan perlakuan bermoral dalam kehidupan sehari-hari.

### NILAI

- Toleransi
- Kejujuran
- Harga Diri
- Kerjasama
- Hemah Tinggi
- Berterima Kasih

Pendidikan Moral perlu dipelajari kerana dapat mendidik kita menjadi insan yang bermoral dan berakhhlak mulia. Terdapat banyak kepentingan mempelajari dan mengamalkan tingkah laku bermoral.

### Menjadi Insan Berakhhlak Mulia



Sebagai insan yang berakhhlak mulia, saya sentiasa berfikir dan bertingkah laku selaras nilai-nilai murni yang sepatutnya. Misalnya, saya sentiasa menjaga maruah diri dan keluarga dengan mentaati ibu bapa saya dan belajar sehingga berjaya. Saya juga mengamalkan perlakuan yang sopan pada setiap masa.

## Kepentingan Mempelajari Moral

### Mengamalkan Integriti

Sebagai seorang yang berintegriti, saya perlu berpegang teguh kepada agama, nilai dan peraturan ketika bertindak dan bertingkah laku dalam pelbagai situasi. Misalnya, saya menjalankan tanggungjawab saya dengan amanah.





### Mempunyai Nilai Sejagat

Sebagai seorang yang mengamalkan nilai-sejagat, saya sentiasa bersedia menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni yang diterima oleh semua. Misalnya, saya sentiasa menghormati sesama manusia dan menyayangi haiwan.

### Membentuk Perpaduan

Sebagai rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, bahasa, budaya dan agama, saya perlu berganding bahu untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu. Misalnya, saya sentiasa menghormati individu lain walaupun berbeza amalan dan pegangan daripada saya.



### Mengamalkan Kesejahteraan Sejagat

Sebagai seorang yang mementingkan kesejahteraan, saya perlu peka dan prihatin serta memainkan peranan dalam usaha mengatasi isu-isu-sejagat demi kesejahteraan kehidupan bersama. Misalnya, saya berusaha menjaga alam sekitar dan menghindari pertelingkahan demi keamanan dan keharmonian hidup.



Apabila kita mempelajari moral, kita akan berusaha mengamalkan cara hidup bermoral dalam kehidupan harian. Secara tidak langsung, kita akan dapat menghindari cara hidup yang tidak bermoral.

Cara hidup yang bermoral meliputi aspek fizikal, mental dan sosial seperti mengambil makanan yang seimbang dan berkhasiat, menjaga kesihatan diri serta melibatkan diri dalam aktiviti yang sihat.

## Cara Hidup Bermoral

**BERADAB**

**BIJAK  
MENANGANI  
STRES**

**SUKA  
MEMBANTU**

**BERINTEGRITI**

**BERSIKAP  
JUJUR**

**MENEPATI  
MASA**

*Imbas Saya*



Bahagian Pendidikan Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Cara hidup yang tidak bermoral pula akan memberikan kesan buruk sama ada dari segi kesihatan mahupun maruah diri seperti merokok, melakukan perbuatan sumbang dan lumba haram.

## Cara Hidup Tidak Bermoral

MENCURI

GANGSTERISME

MENIPU

MEMBULI

MEMBAZIR

MELEPAK



**A. Baca dan fahami pantun di bawah.**

Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum. Mereka meraikan pelbagai perayaan dan mengadakan rumah terbuka bagi memeriahkan sambutan perayaan tersebut. Sebagai seorang yang mengamalkan cara hidup bermoral, kita harus menjaga adab dan bersopan santun semasa menghadiri jamuan rumah terbuka.



Anak kambing meragut rumput,  
Gembala bersandar di pohon cermai;  
Adat bertandang jika dijemput,  
Berpakaian sopan di khalayak ramai.

Pergi ke sungai membawa pukat,  
Pukat diambil di atas para;  
Salam diberi tanda muafakat,  
Senyum dan sapa pembuka bicara.

Anak-anak berlari di bendang,  
Penat berlari pulang ke rumah;  
Banyak makanan sedia terhidang,  
Jamulah selera cara berhemah.



Kuih bahulu kuih cara,  
Untuk tetamu sebagai hidangan;  
Berbudi bahasa beramah mesra,  
Adat budaya buat junjungan.

Sauh diangkat layar terbuka,  
Kapal belayar menuju kuala;  
Terima kasih bermanis muka,  
Tetamu gembira tuan rumah suka.

Pantai Mersing lokasi bersuka,  
Pantainya bersih juga selesa;  
Harus bersyukur di rumah terbuka,  
Kukuh perpaduan seluruh bangsa.



### SOALAN

1. Pernahkah anda menghadiri rumah terbuka? Ceritakan pengalaman anda.
2. Dengan berdasarkan pantun di atas, kenal pasti tingkah laku bermoral semasa menghadiri rumah terbuka.
3. Senaraikan tingkah laku yang perlu dielakkan semasa menghadiri rumah terbuka.
4. Terangkan perasaan anda ketika menghadiri rumah terbuka.

### B. Kelas anda bercadang untuk mengadakan jamuan. Bincangkan menu yang sesuai dengan kehadiran pelbagai kaum.



Bagaimakah rumah terbuka dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia?



### SEGMENT SANTAI

Senaraikan makanan tradisional pelbagai kaum di negara kita.

## A. Baca dan fahami petikan akhbar di bawah.

### Berita Moral

#### Mat Rempit ditahan dalam sekatan jalan raya

**S** Shah Alam 5 Mac - Sekumpulan mat rempit yang cuba meloloskan diri daripada pemeriksaan polis dalam satu sekatan jalan raya menerima padah apabila terkandas selepas memasuki jalan mati dalam operasi di Shah Alam. Pihak polis berkata operasi yang bermula pada jam 12 tengah malam hingga empat pagi itu berjaya menahan 17 orang mat rempit yang menunggang dalam keadaan berbahaya.

Dalam operasi itu, dua daripada mereka berjaya meloloskan diri dengan meninggalkan motosikal di tepi jalan manakala yang lain tersekat tanpa menyangka memasuki jalan

mati. Siasatan mendapati kumpulan mat rempit tersebut berumur dalam lingkungan 13 hingga 22 tahun.

Mereka diarahkan untuk menolak motosikal masing-masing sejauh satu kilometer ke balai polis untuk siasatan lanjut. Hasil daripada siasatan tersebut, 10 orang telah dibebaskan selepas keterangan mereka diambil dan dikenakan tindakan saman. Tujuh lagi ditahan sehingga ibu bapa atau penjaga datang mengambil mereka kerana masih di bawah umur.




### SOALAN


Senaraikan tindakan menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh mat rempit dalam sekatan jalan raya.

## B. Lengkapkan peta pemikiran di bawah.

### Sebab



### Akibat



Remaja  
menunggang  
motosikal  
ditahan polis

## C. Secara kreatif, buat satu buku poket tentang undang-undang jalan raya yang patut anda patuhi.

**D. Berdasarkan situasi yang diberikan, jawab soalan yang berikut.**



1

Anda bersama-sama keluarga pulang ke kampung dengan menaiki kereta. Anda melihat ayah menggunakan telefon bimbit ketika memandu.

2

Anda telah menerima jemputan daripada rakan bagi meraikan majlis hari jadinya. Pada tarikh tersebut, anda perlu mengikut keluarga pulang ke kampung kerana menziarahi nenek yang sakit.



3

Anda ternampak sebuah kereta yang tertera pelekat OKU sedang menunggu untuk memasuki parkir khas untuk pemandu OKU. Anda mendapati parkir tersebut dipenuhi oleh pemilik kereta yang bukan OKU.



**SOALAN**

1. Sebagai insan bermoral, apakah tindakan yang patut anda lakukan dalam situasi di atas?
2. Mengapa anda perlu bertindak sedemikian?
3. Ramalkan kesan yang berlaku sekiranya anda tidak bertindak sedemikian.

**E. Secara berkumpulan, tunjuk cara anda menyelesaikan situasi tersebut.**



**RENUNGAN**

Milikilah hati yang tidak pernah membenci, senyuman yang tidak pernah menyakiti dan kasih sayang yang tidak pernah berakhir.

**A. Teliti dan fahami gambar di bawah.**

**Situasi 1**

Meneliti dan memilih barang

**Situasi 2**

Beratur ketika membayar

**Situasi 3**

Menerima lebihan bayaran

**Situasi 4**

Memulangkan baki lebihan



**SOALAN**

1. Ceritakan perlakuan bermoral yang diamalkan oleh watak di atas.
2. Jelaskan faedah yang diperoleh sekiranya anda bersikap jujur dalam kehidupan.

*Refleksi Diri:*

Pernahkah anda mengalami situasi di atas? Ceritakan.

**B. Kenal pasti perbuatan yang menunjukkan cara hidup bermoral dan cara hidup tidak bermoral dalam kehidupan. Tulis pilihan anda dalam ruangan yang disediakan.**

Boros

Bermuafakat

Berbalah

Bersangka baik

Berbohong

Menjaga kebersihan

Pemalas

Mematuhi undang-undang

Menipu

Amanah

Bertoleransi

Memfitnah

Mencemar alam

Berjudi

Bermaaf-maafan

Berfoya-foya

Berfikiran positif

Berintegriti

Bersengketa

Berbudi bahasa

### Cara Hidup Bermoral

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_
7. \_\_\_\_\_
8. \_\_\_\_\_
9. \_\_\_\_\_
10. \_\_\_\_\_

### Cara Hidup Tidak Bermoral

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_
6. \_\_\_\_\_
7. \_\_\_\_\_
8. \_\_\_\_\_
9. \_\_\_\_\_
10. \_\_\_\_\_

Tulis jawapan yang betul berdasarkan situasi yang diberikan.



Tindakan bermoral.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

Kebaikan kepada kumpulan.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

Tindakan bermoral.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

Kebaikan kepada jiran.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



Tindakan bermoral.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

Kebaikan kepada warga sekolah.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

Tindakan bermoral.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

Kebaikan kepada masyarakat.

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_



## Unit 4

# HIDUP BERAGAMA ATAU BERKEPERCAYAAN MEMBAWA BERKAT

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan rakyat Malaysia.
- cara menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan untuk memperkuuh perpaduan.
- kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan.
- cara menzahirkan perasaan apabila mengamalkan cara hidup beragama atau berkepercayaan.
- mempraktikkan hidup beragama atau berkepercayaan dalam kehidupan harian.

### NILAI

- Hormat
- Rasional
- Toleransi
- Hemah Tinggi
- Bertanggungjawab
- Kepercayaan kepada Tuhan

Negara Malaysia mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama dan kepercayaan. Yang berikut ialah amalan agama dan kepercayaan yang dianut oleh rakyat Malaysia.

Nama saya Shahrin Najmi bin Bustani. Saya beragama Islam. Saya bersolat lima kali sehari. Pada bulan Ramadan, saya akan berpuasa. Antara perayaan keagamaan yang saya sambut termasuklah Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.



Nama saya Eeswari a/p Chandra Segar. Saya beragama Hindu. Saya dan keluarga bersembahyang di kuil. Kami akan membawa buah-buahan, bunga dan buah kelapa untuk dipersembahkan kepada Tuhan kami. Selepas bersembahyang di kuil, kami akan duduk dan bertapa seketika.



Nama saya Ng Siew Eng. Saya beragama Buddha. Saya selalu mengikut keluarga saya bersembahyang di wat. Kami juga melakukan meditasi. Upacara keagamaan yang kami sambut ialah Hari Wesak.





Nama saya Margaret Kopong. Saya berketurunan Kadazan. Kami percaya kepada *Kinorohingan*, iaitu Tuhan kami yang dapat menghalang pengaruh kuasa ghaib seperti syaitan. Setiap tahun, kami akan mengadakan Pesta Kaamatan. Kami juga mengadakan upacara Magavau, iaitu upacara kesyukuran bagi menghormati semangat padi.



### Cara Menghormati Amalan Keagamaan atau Kepercayaan Orang Lain

Tidak mengejek amalan keagamaan atau kepercayaan rakan.

Tidak berbuat bising semasa rakan bersembahyang.

Tidak makan atau minum di hadapan rakan yang sedang berpuasa.

### Kepentingan Hidup Beragama atau Berkepercayaan

Mendekatkan diri dengan Tuhan.

Dapat membezakan amalan baik dan amalan buruk.

Menjadi manusia yang berakhlik mulia.

Mendapat kebahagiaan dan kesejahteraan hidup.

Setelah menyedari kepentingan agama atau kepercayaan, anda seharusnya mempraktikkan ajaran agama atau kepercayaan dalam kehidupan seharian.



Peta pemikiran menunjukkan amalan beragama dan berkepercayaan.



Nama saya Dino a/l Itam. Saya berketurunan Orang Asli Semai. Masyarakat saya percaya kepada kewujudan kuasa ghaib seperti kuasa *Nyenang* (Tuhan) dan kuasa *Nyanik* (syaitan). Kami percaya bahawa setiap keburukan dan kebaikan yang dilakukan oleh manusia pasti ada balasannya. Antara perayaan yang kami sambut termasuklah Hari Menuai.



Sekiranya semua orang mengamalkan tuntutan ajaran agama atau kepercayaan masing-masing, nescaya kehidupan akan menjadi lebih baik dan bahagia.

## Persembahkan bicara berirama di bawah secara kreatif.

Salam 1Malaysia  
Salam Perpaduan  
Salam Sehati Sejiwa  
Terimalah persembahan kami  
bicara berirama  
yang berjudul “Malaysia Tanah Airku”  
Kring! Kring!  
Helo, boleh bercakap dengan Vincent?  
Dia tak ada. Dia pergi gereja.  
Shahrin? Dia sembahyang di masjid.  
Chandran? Govind? Kuil dan gurdwara  
Tempat beribadat penganut Buddha? Wat



*Kami anak Malaysia*

*Kami anak Malaysia*

*(Nyanyi ikut melodi lagu Saya Anak Malaysia)*



Rakyat Malaysia rakyat bertuah  
Pelbagai agama dan kepercayaan  
Islam, Buddha, Kristian, Hindu, Sikh  
Tidak dilupa kepercayaan peribumi

Shhhh ... kawan-kawan kita sedang sembahyang  
Kita tak boleh bising!  
Kita perlu hormat



Amalan hidup rakyat Malaysia  
Pelbagai cara dan upacara  
Janganlah dihina dan dicaci  
Berbudi pekerti dalam pergaulan  
Hidup aman sejahtera selalu



*Kami anak Malaysia*

*Kami anak Malaysia*

*(Nyanyi ikut melodi lagu Saya Anak Malaysia)*



Musim perayaan kita rai bersama  
 Saling menziarahi sesama kita  
 Tidak kira apa-apa jua perayaan  
 Aidilfitri, Wesak, Deepavali, Vaisakhi  
 Krismas, Pesta Kaamatan, Pesta Gawai  
 Namakan sahaja  
 Semua datang dengan gembira  
 Selamat sejahtera  
*Vanakam, ni hao, kopiwosain, selamat berkelala*  
 Kami alu-alukan

 Mari adik mari abang (2 x)  
 Kecil besar tua muda (2 x)  
 Mari bersama kawan-kawan (2 x)  
 Moga kita bergembira

(Nyanyi ikut melodi lagu *Dikir Puteri*)



Kita semua rakyat Malaysia  
 Hidup beragama dan berkepercayaan  
 Ajaran agama dipatuhi  
 Hidup tenang membawa bahagia  
 Tiada sengketa tiada gangguan  
 Walau di mana kita berada  
 Malaysia, Dubai, London, Korea  
 Kita tetap anak Malaysia  
 Saling bertolak ansur  
 Hidup muafakat membawa berkat  
 Satu Malaysia kita jadikan realiti



Biarpun berbeza agama  
 Biarpun berlainan kepercayaan  
 Kita bersatu hati membentuk perpaduan  
 Demi kemakmuran negara tercinta



 Kita satu bangsa, kita satu negara  
 Kita satu matlamat, oooo...  
 Kita satu bangsa, satu negara  
 Kita satu Malaysia  
 (Nyanyi ikut lirik lagu *1Malaysia*)



### SOALAN

1. Mengapakah anda perlu hidup beragama atau berkepercayaan?
2. Ceritakan perasaan anda apabila mengamalkan cara hidup beragama atau berkepercayaan.
3. Kongsi pengalaman anda mengamalkan cara hidup beragama atau berkepercayaan bersama-sama rakan.

### Refleksi Diri:

Apakah ajaran agama atau kepercayaan yang selalu anda amalkan dalam kehidupan?

### A. Baca dan fahami perbualan di bawah.

Anda dan beberapa orang kawan telah dijemput oleh Abit untuk ke rumah terbuka bersempena dengan Perayaan Gawai.

Abit menjemput kita semua ke rumah terbukanya esok bersempena dengan sambutan Perayaan Gawai.

Wah, Perayaan Gawai! Saya tidak pernah pergi. Tidak sabar saya hendak pergi esok. Mesti meriah.



Amalan berkunjung ini bagus. Kita dapat mengenali lebih dekat perayaan mereka. Selain itu, kita juga dapat memupuk perpaduan.

Mestilah meriah. Perayaan ini biasanya disambut oleh masyarakat Iban dan Bidayuh untuk meraikan tamatnya musim menuai padi. Saya dengar banyak kawan kita akan turut serta.



#### SOALAN

1. Bagaimanakah anda dan rakan-rakan menghormati perayaan yang disambut oleh Abit dan keluarganya?
2. Jelaskan kepentingan menghormati perayaan yang disambut oleh Abit dan keluarganya.
3. Ceritakan perasaan anda apabila dapat meraikan perayaan yang disambut oleh rakan anda.



Bagaimanakah amalan kunjung-mengunjungi dapat memupuk perpaduan?



#### RENUNGAN

Hargai dan hormatilah orang lain jika kita ingin dihormati dan dihargai oleh orang lain.

**B. Secara berkumpulan, bincangkan cara menghormati amalan keagamaan atau kepercayaan dengan berdasarkan kad di bawah.**



Anda menjemput kawan yang terdiri daripada pelbagai kaum datang ke rumah bersempena dengan majlis kesyukuran yang diadakan oleh kakak anda kerana melahirkan bayi.

Saya mengikut kawan saya yang berlainan agama atau kepercayaan ke tempat beribadatnya.



Kad 2

Kad 3



Anda ialah pengurus kelab pingpong di sekolah. Semasa berlatih, beberapa orang ahli meminta kebenaran anda untuk keluar bersembahyang.



Kad 4

**C. Hasilkan folio tentang kepelbagaian agama atau kepercayaan yang dianuti oleh rakyat Malaysia. Pamerkan folio di sudut bacaan dalam kelas.**

Maklumat yang perlu anda masukkan dalam folio ialah:


- amalan keagamaan atau kepercayaan pelbagai kaum.
- cara menghormati amalan keagamaan atau kepercayaan pelbagai kaum.
- kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan dalam masyarakat pelbagai kaum.

Jalankan aktiviti berikut.



Alatan

### Cara Membuat




1. Lakarkan bentuk secara kreatif.



2. Guntingkan bentuk tersebut.



3. Tulis doa seperti yang ditunjukkan dalam gambar. Anda juga boleh menulis doa sendiri.



4. Sapu gam di belakang kertas doa.



5. Lekatkan kertas doa pada pinggan kertas.



6. Hiaskan doa tersebut secara kreatif.



7. Pamer atau gantungkan doa tersebut.



### SOALAN

1. Mengapa sekumpulan agama atau kepercayaan menggalakkan penganutnya berdoa?
2. Apakah perasaan anda apabila berdoa kepada Tuhan untuk kesejahteraan diri dan keluarga?

13.05.2016




### SEGMENT SANTAI

Semasa perhimpunan sekolah, bacaan doa sedang dijalankan. Apakah yang patut anda lakukan untuk menghormati bacaan doa tersebut?

### NOTA GURU

Aktiviti ini harus dirancang lebih awal kerana murid perlu menyediakan peralatan yang diperlukan.

**A. Lengkapkan silang kata di bawah.****MELINTANG**


1. Satu daripada agama yang dianuti oleh rakyat Malaysia.
3. Cara meminta pertolongan daripada Tuhan.
5. Kehidupan aman rakyat Malaysia.
8. Buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat.

**KE BAWAH**

2. Perasaan berterima kasih kepada Tuhan.
4. Tempat beribadat penganut agama Islam.
6. Ganjaran yang diberikan oleh Tuhan bagi setiap perbuatan baik.
7. Perhiasan yang dibuat daripada gabungan beras berwarna-warni.
9. Perayaan yang disambut oleh suku kaum di Sarawak untuk meraikan tamatnya musim menuai padi

**B. Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan jawapan yang sesuai.**

**Kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan**



## Unit 5

# SERLAHKAN POTENSI DIRI

# PI DATO PIALADIRAJA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- kekuatan dan kelemahan diri.
- cara membaiki kelemahan diri.
- contoh kekuatan diri.
- menghargai keistimewaan diri.
- mengaplikasikan potensi diri untuk kesejahteraan hidup.

### NILAI

- Kerajinan
- Kejujuran
- Harga Diri
- Hemah Tinggi
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

Setiap orang termasuk anda mempunyai potensi diri. Potensi diri bermaksud bakat, kebolehan atau kekuatan yang ada pada seseorang. Namun masih terdapat individu yang belum menyedari akan potensi yang ada pada mereka. Apabila anda sudah mengenali potensi diri anda, mudah untuk anda mencapai kejayaan dalam bidang yang anda ceburi.

### Cara mengenali potensi diri

Kenal pasti  
kekuatan dan  
kelemahan diri

Fikirkan  
cara untuk  
membaiki  
kelemahan diri

Hargai  
keistimewaan  
diri



KREATIF

PETAH  
BERBICARA

SUKA  
MELUKIS

Apakah potensi  
yang ada pada  
diri saya?

Saya mempunyai banyak idea. Saya melihat sesuatu dari pelbagai sudut. Saya berani mengambil risiko untuk menghasilkan sesuatu yang baharu.

Saya suka bercakap tentang pelbagai perkara yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan saya. Saya petah berkata-kata.

Saya mempunyai bakat dalam seni lukis. Saya boleh melukis dengan cantiknya. Saya sanggup menghabiskan masa yang lama untuk menghasilkan sesuatu lukisan.

## Cara Saya Mengembangkan Potensi

Kreatif

- Mencari idea baharu daripada pelbagai sumber seperti bahan bacaan dan Internet.
- Menyertai pertandingan reka cipta dan inovasi.

- Menonton cara orang lain berpidato dan berbahas.
- Meningkatkan pengetahuan dengan membaca pelbagai jenis bahan bacaan.

Petah  
Berbicara

Suka  
Melukis

- Mengikuti kelas seni lukis.
- Menyambung pelajaran dalam bidang seni lukis.

Di samping mengetahui potensi diri, kita juga perlu mengenal pasti kelemahan diri dan berusaha untuk membaikinya.

## Apakah Kelemahan Diri Saya?

### Pemalu

Saya malu bercakap di hadapan orang ramai. Saya bimbang orang akan mentertawakan saya.

### Lemah dalam bahasa Inggeris

Saya tidak pandai dan tidak mempunyai keyakinan untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

## Cara Saya Membaki Kelemahan Diri

- Saya perlu lebih kerap bergaul dengan orang lain.
- Saya perlu berlatih di hadapan cermin untuk meningkatkan keyakinan diri.

### Pemalu

### Lemah dalam bahasa Inggeris

- Saya perlu berani untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.
- Saya akan bertutur dengan guru dan rakan supaya mereka boleh membantu saya membetulkan kesalahan dan menambah kosa kata.

Setelah mengenal pasti kekuatan dan berjaya mengatasi kelemahan diri, anda boleh menentukan kerjaya yang ingin diceburi pada masa hadapan. Tahukah anda kerjaya yang bersesuaian dengan potensi yang dimiliki?



Ketika mengharungi kehidupan untuk mencapai kejayaan, kita pasti akan menghadapi pelbagai dugaan dan halangan. Kita jangan mudah berputus asa. Kita juga hendaklah sentiasa membaiki segala kelemahan yang ada. Serlahkan potensi yang dimiliki untuk terus mencapai kejayaan yang lebih gemilang.

- A. Berdasarkan borang senarai semak di bawah, bulatkan nombor yang berkaitan dengan diri anda dalam jadual potensi diri saya. Kira jumlah bulatan yang terdapat dalam setiap ruangan. Catatkan jumlah tersebut dalam setiap ruangan yang disediakan.**

### Borang Senarai Semak

1. Saya suka membaca buku.	13. Saya suka bersiul mengikut irama lagu yang saya minati.
2. Saya suka akan mata pelajaran Matematik dan Sains.	14. Saya berasa selesa walaupun berada di khalayak ramai.
3. Saya suka melukis dan mewarna.	15. Saya suka berfikir tentang diri saya.
4. Saya suka akan aktiviti di luar rumah.	16. Saya suka berkhemah dan mendaki bukit atau gunung.
5. Saya mempunyai suara yang merdu dan suka bernyanyi.	17. Saya petah berkata-kata.
6. Saya tidak suka bergaduh dengan orang.	18. Saya suka akan nombor dan data.
7. Saya mempunyai matlamat hidup.	19. Saya lebih mudah mengingati wajah seseorang daripada namanya.
8. Saya suka akan binatang.	20. Saya suka menjahit, mengukir atau membina model.
9. Saya suka menulis cerita, sajak dan laporan.	21. Saya selalu mendengar muzik atau lagu.
10. Saya suka akan benda yang teratur, tersusun dan kemas.	22. Saya pandai mencari kawan.
11. Saya pandai menyelesaikan teka-teki.	23. Saya suka berfikir sebelum bertindak.
12. Saya suka bermain dan bersukan.	24. Saya suka menanam dan menjaga pokok.

Potensi Diri Saya	Jadual Potensi Diri Saya							
	1	2	3	4	5	6	7	8
	9	10	11	12	13	14	15	16
Jumlah bulatan	17	18	19	20	21	22	23	24
	Bahasa	Logika Matematik	Visual Ruang	Kinestetik	Muzikal	Interpersonal	Intrapersonal	Naturalis

(Sumber: diubah suai daripada "Multiple Intelligence Checklist" by Dr. Armstrong)

Lihat jumlah bulatan yang anda peroleh. Kemudian, susun mengikut keutamaan jumlah bulatan yang paling banyak hingga jumlah bulatan yang paling rendah. Jumlah bulatan yang paling banyak menunjukkan anda mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang itu.



### SOALAN

Bagaimakah anda mengembangkan potensi diri anda?

B. Berdasarkan borang di bawah, kenal pasti kekuatan dan kelemahan rakan anda. Kemudian, cadangkan cara untuk membantu rakan anda membaiki kekurangan atau kelemahan yang ada padanya.



## Borang Potensi Diri Rakan

Nama Kawan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Kekuatan	Kelemahan
1. _____	1. _____
2. _____	2. _____
3. _____	3. _____

Saya akan membantu rakan saya membaiki kekurangan atau kelemahan yang ada pada dirinya dengan cara:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_



### SEGMENT SANTAI

Namakan dua orang murid yang ingin anda teladani dengan berdasarkan potensi yang ada pada mereka. Berikan sebab.



Adakah anda bersetuju dengan pandangan rakan terhadap anda? Mengapa?

- A. Wilfred bercita-cita untuk mewakili negeri dalam pertandingan catur. Bantu Wilfred untuk membaiki kelemahan diri bagi memenangi pertandingan catur berdasarkan maklumat yang diberikan dengan melengkapkan borang di bawah.

### Kekuatan

1. Tahu bermain catur.
2. Mendapat sokongan ibu bapa.

### Ancaman

1. Permainan komputer.
2. Sibuk dengan pelbagai aktiviti lain.



### Peluang

1. Banyak pertandingan catur diadakan sama ada pada peringkat sekolah, daerah mahupun negeri.
2. Sekolah mempunyai kelab catur.

### Kelemahan

1. Tidak tahu cara terbaik untuk bermain catur.
2. Kurang ilmu tentang catur.
3. Malas untuk menghadiri latihan catur.

#### Cara Wilfred membaiki kelemahan diri

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

#### Cara Wilfred mengatasi ancaman

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

#### Kebaikan yang diperoleh Wilfred

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

#### Refleksi Diri:

Bagaimakah anda membaiki kelemahan diri anda?

#### RENUNGAN

Jika anda dapat mengimpikannya, anda perlu berusaha untuk melakukannya.

B. Secara berkumpulan, pilih empat bahan daripada senarai di bawah. Hasilkan satu reka cipta yang menarik. Persembahkan reka cipta tersebut di hadapan kelas.



Botol air



Kotak tisu



Kertas warna



Penyedut minuman



Cawan plastik



Pinggan kertas



Reben



Pensel warna



### SOALAN

Apakah perasaan anda apabila kumpulan anda dapat menghasilkan reka cipta tersebut?

#### NOTA GURU

Aktiviti ini harus dirancang lebih awal kerana murid perlu menyediakan peralatan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti reka cipta.

Baca dan fahami kisah kehidupan Gan Ming Rui. Berpandukan maklumat tersebut, ceritakan cara anda mengembangkan potensi diri untuk berjaya pada masa hadapan dengan menggunakan peta pemikiran.



## Kehidupan Gan Ming Rui

### Umur 13 Tahun

Gan Ming Rui sangat berminat membaiki basikal. Dia juga selalu membantu abangnya membaiki motosikal. Dia bercita-cita menjadi seorang mekanik yang berjaya.

## Kehidupan Saya

### Umur 13 Tahun



### Umur 18 Tahun

Sementara menunggu keputusan peperiksaan, Gan Ming Rui bekerja di bengkel membaiki motosikal bagi menimba ilmu pengetahuan.

### Umur 18 Tahun



### Umur 19 Tahun

Gan Ming Rui mengambil kursus kemahiran asas mekanik di Institut Kemahiran Belia Negara.

### Umur 19 Tahun

## Umur 22 Tahun

## Umur 22 Tahun

Gan Ming Rui bekerja tetap di sebuah bengkel membaiki motosikal. Dia bekerja bersungguh-sungguh. Majikannya sangat sayang kepadanya.



## Umur 32 Tahun

## Umur 32 Tahun


Berkat kesungguhannya bekerja, Gan Ming Rui dapat mengumpul wang yang banyak. Gan Ming Rui membuka bengkel membaiki motosikalnya yang pertama. Dia telah mengupah beberapa orang pekerja untuk membantunya di kedai.



## Umur 57 Tahun

## Umur 57 Tahun

Hasil kerja kerasnya selama ini, akhirnya Gan Ming Rui telah berjaya membuka beberapa buah bengkel membaiki motosikal. Dia gembira kerana dapat mengembangkan potensi dirinya dalam kehidupan.



### SOALAN

1. Senaraikan sikap yang perlu anda amalkan untuk mengembangkan potensi diri anda.
2. Apakah perasaan anda apabila dapat menggunakan potensi diri dalam kehidupan?

## Penilaian Berasaskan Projek

- Secara berkumpulan, hasilkan sebuah buku skrap mengenai tokoh-tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang.  
Kandungan yang perlu dimasukkan dalam buku skrap:
  - Maklumat ringkas tentang latar belakang tokoh
  - Cara tokoh mempraktikkan potensi diri sehingga berjaya
  - Sikap atau nilai yang diamalkan oleh tokoh
  - Gambar atau keratan akhbar tentang kejayaan tokoh
- Buat refleksi diri:  
Bagaimanakah kejayaan tokoh tersebut boleh menjadi inspirasi kepada anda untuk meningkatkan potensi diri?
- Buku skrap akan dinilai oleh guru dengan menggunakan borang penilaian seperti yang di bawah.

### Borang Penilaian Buku Skrap

Bil.	Perkara yang dinilai	Penilaian Guru	
		Markah	Markah yang diberi
1.	Isi Kandungan	40	
2.	Kreativiti (bahan menarik dan sesuai)	30	
3.	Nilai/Pengajaran	20	
4.	Bahan sokongan (gambar/keratan akhbar/dokumen atau sumber rujukan)	10	
Jumlah		100%	

Jumlah markah	Tahap Pencapaian
76 – 100 markah	Cemerlang
51 – 75 markah	Kepujian
26 – 50 markah	Memuaskan
0 – 25 markah	Tidak mencapai tahap yang memuaskan

# Unit 6

## HUBUNGAN MESRA KELUARGA BAHAGIA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- cara menyayangi anggota keluarga.
- kepentingan menyayangi anggota keluarga.
- merangka aktiviti untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.
- menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap anggota keluarga.
- melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeratkan hubungan kekeluargaan.

### NILAI

- Hormat
- Toleransi
- Kasih Sayang
- Hemah Tinggi
- Berterima Kasih
- Bertanggungjawab

Anggota keluarga merupakan insan yang paling penting dalam hidup kita. Mereka banyak berjasa dan berkorban untuk kita. Oleh itu, kita mestilah menyayangi anggota keluarga.



### Cara Menyayangi Anggota Keluarga

Memberikan layanan yang sopan.



Meraikan hari istimewa keluarga.



Berkongsi masa suka dan duka.



Mengambil berat akan masalah keluarga.



Memberikan sokongan moral.



Memberikan hadiah atau kad ucapan.



Patuh kepada nasihat dan larangan keluarga.



Saling menghormati.



#### GERBANG MINDA

Terdapat dua jenis keluarga, iaitu keluarga asas dan keluarga kembangan. Keluarga asas terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak. Keluarga kembangan terdiri daripada anggota keluarga yang lain seperti datuk, nenek, bapa saudara dan sepupu.

Apabila anggota keluarga saling menyayangi, hubungan antara anggota keluarga akan menjadi erat. Rajah di bawah menunjukkan kepentingan menyayangi anggota keluarga.


### Kepentingan Menyayangi Anggota Keluarga



Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh aktiviti yang boleh mengeratkan hubungan kekeluargaan.



Pelbagai aktiviti yang menarik boleh dirangka untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan melahirkan keluarga bahagia. Yang berikut ialah panduan yang boleh anda gunakan untuk merancang aktiviti bersama-sama keluarga.



Apabila kita merancang aktiviti untuk keluarga, semua anggota keluarga akan berasa gembira kerana mereka berasa dihargai dan disayangi. Bagi memeriahkan suasana menyambut aktiviti yang dirancang, anggota keluarga haruslah melibatkan diri dan berganding bahu untuk menjayakan aktiviti tersebut.

Tanpa mereka, siapalah kita. Oleh itu, sewajarnya kita bersyukur kerana Tuhan menganugerahkan sebuah keluarga kepada kita. Sayangilah mereka dan jagalah mereka selagi mereka masih ada bersama-sama kita.



- A. Berdasarkan peta pemikiran di bawah, bincangkan kepentingan anggota keluarga mengamalkan ciri keluarga bahagia.



Peta pemikiran menunjukkan ciri keluarga bahagia.

- B. Pilih satu daripada ciri keluarga bahagia dan berikan cara anda mengamalkannya dalam keluarga.




**C. Baca dan fahami perbualan di bawah.**



**SOALAN**

1. Berikan pandangan anda tentang sikap yang diamalkan oleh anggota keluarga di atas.
2. Apakah yang akan terjadi jika anggota keluarga tidak mengambil berat antara satu sama lain?

D. Bincangkan cara anda dan rakan anda menyayangi ibu bapa. Persembahkan hasil perbincangan dalam bentuk peta pemikiran.



E. Secara berkumpulan, lengkapkan peta pemikiran di bawah.



Peta pemikiran menunjukkan sebab dan akibat ibu bapa dihantar ke rumah orang tua.



Sanggupkah anda meninggalkan ibu bapa di rumah orang tua? Jelaskan.

**A. Secara berkumpulan, main peranan situasi di bawah. Lengkapkan jadual yang diberikan di bawah.**

**1**

Adik tidak menutup pili air setelah menggunakaninya.  
Dia telah merajuk setelah dimarahi oleh ibu.

**2**

Dua orang adik anda sedang bergaduh kerana berebut alat mainan.

Main peranan cara anda meleraikan pergaduhan mereka.

**3**

Abang anda dimasukkan ke hospital kerana kemalangan motosikal.

Main peranan cara anda menjaga abang.

**4**

Kakak berasa sedih kerana tidak mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Main peranan cara anda memberikan sokongan kepada kakak.

**Situasi****Cara menyayangi anggota keluarga****Kepentingan mengambil berat keperluan anggota keluarga****Perasaan menyayangi anggota keluarga**


---



---



---



---



---



---



---



---



---



---



---




---

**Refleksi Diri:**

Pernahkah anda mengalami situasi seperti yang di atas? Ceritakan.

**B. Hasilkan sebuah catatan tentang cara anggota keluarga anda menyayangi antara satu sama lain seperti contoh di bawah. Kongsi catatan anda dengan rakan.**



16 Mac

Hujung minggu. Kami sekeluarga bergotong-royong membersihkan rumah. Saya membantu abah mencuci longkang. Kakak menyapu sampah serta membantu ibu membersihkan dapur dan bilik air. Adik melipat baju, mengemas buku dan alat permainan.

18 Mei

Hari ini ibu dimasukkan ke hospital akibat demam denggi. Kami sekeluarga berasa sangat sedih. Kami memberikan sokongan antara satu sama lain. Kami sekeluarga termasuk datuk dan nenek menziarahi ibu dan memberikan sokongan kepada ibu supaya ibu cepat sembuh.

17 September

Hari ini adik menyertai pertandingan robotik peringkat negeri. Ayah, ibu, kakak dan saya menemani adik semasa pertandingan. Kami sentiasa memberikan kata-kata semangat dan sokongan kepadanya. Walaupun adik tidak berjaya mendapat sebarang hadiah, kami sekeluarga berasa bangga terhadapnya kerana kami tahu adik sudah mencuba yang terbaik.



**SOALAN**

Bagaimanakah kehidupan anda sekiranya tiada kasih sayang keluarga?

C. Abang sulung anda yang bekerja di luar negara akan pulang ke tanah air. Anda sekeluarga bercadang untuk mengadakan majlis bagi menyambut kepulangan abang. Secara berkumpulan, bincangkan persiapan majlis tersebut dengan melengkapkan borang di bawah.

## Persiapan Majlis

Objektif majlis: _____		
Tarikh: _____	Tempat: _____	Masa: _____
Pengisian program:	1. _____ 2. _____	
Anggaran kos dan sumber kewangan:	_____	
Tugas	Ahli keluarga yang terlibat	Perkara
Menyediakan makanan		Senarai menu: 1. _____ 2. _____ 3. _____
Menyediakan atur cara majlis		Atur cara majlis: 1. _____ 2. _____ 3. _____
Menjemput tetamu		Senarai para jemputan: 1. _____ 2. _____ 3. _____



### RENUNGAN

Perkara yang paling indah dalam keluarga ialah saat semua anggota keluarga berkumpul.

**A. Secara berkumpulan, cari perkataan berdasarkan kod rahsia yang diberikan. Kemudian, lengkapkan rajah di bawah.**



#### Panduan Mencari Kod Rahsia

Kod dibina dengan memberikan nombor kepada abjad. Contohnya:  
 $A = 1, B = 2, C = 3, D = 4$  dan begitulah seterusnya sehingga  $Z = 26$ .

#### Aktiviti Keluarga Vijaya

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_

#### Kepentingan Aktiviti Tersebut kepada Keluarga Vijaya


1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_
5. \_\_\_\_\_




#### SEGMENT SANTAI

Apakah aktiviti yang anda dan keluarga lakukan pada hujung minggu?


**B. Dengan berpandukan langkah-langkah di bawah, hasilkan origami kasih sayang untuk anggota keluarga.**




### Cara Membuat

- 

1. Lipat kertas seperti yang ditunjukkan dalam gambar.



2. Lipat bahagian bawah kertas ke bahagian tengah.



3. Terbalikkan kertas. Lipat bahagian kanan dan kiri ke bahagian tengah.




4. Pada bahagian atas, sisi kiri dan kanan, lipat lagi ke tengah-tengah kertas.



5. Terbalikkan kertas. Lipat sisi kiri dan kanan ke bahagian tengah.



6. Masukkan sisi yang bertemu ke dalam.



7. Rapikan bahagian sebelah atas.



8. Lipat kertas seperti yang ditunjukkan dalam gambar.



9. Lipatkan bahagian atas ke dalam seperti yang terdapat dalam gambar.



10. Origami kasih sayang yang telah siap.



11. Lekatkan origami kasih sayang di atas kad ucapan.

12. Kad ucapan yang dihias dengan origami kasih sayang.



## SOALAN

1. Apakah perasaan anda apabila memberikan origami kasih sayang kepada anggota keluarga?
2. Cadangkan hadiah lain untuk diberikan kepada anggota keluarga bagi menunjukkan tanda kasih sayang.

### NOTA GURU

Aktiviti ini harus dirancang lebih awal kerana murid perlu menyediakan peralatan yang diperlukan bagi membuat origami kasih sayang dan kad ucapan.

**A. Fahami situasi di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**

Kebelakangan ini, saya dapati kakak saya selalu bersendirian dan mengurung dirinya di dalam bilik. Apakah yang saya patut lakukan?



1. Andaikan anda berada dalam situasi tersebut. Patutkah anda membiarkan kakak anda begitu sahaja? Berikan sebab.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Apakah yang sepatutnya anda lakukan untuk menunjukkan anda menyayangi kakak anda?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Jelaskan perasaan anda apabila melihat anggota keluarga saling menyayangi antara sama satu lain.  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**B. Gambar di bawah menunjukkan satu contoh aktiviti keluarga.**

Bagaimanakah aktiviti tersebut dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan? Huraikan.

  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

# Unit 7

## BIJAKSANA MEMILIH SAHABAT



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- membanding bezakan ciri sahabat positif dan negatif.
- kebaikan menjalin hubungan persahabatan.
- kesan memilih sahabat yang negatif.
- cara menjalin persahabatan tanpa mengabaikan hubungan kekeluargaan.
- menzahirkan perasaan bersyukur kerana mempunyai sahabat yang baik.
- amalan persahabatan yang positif demi perpaduan kaum.

### NILAI

- Hormat
- Toleransi
- Kerjasama
- Kasih sayang
- Kesederhanaan

Dalam kehidupan seharian, semua remaja mempunyai sahabat. Terdapat sahabat yang berciri positif dan berciri negatif. Peta pemikiran di bawah menunjukkan banding beza antara sahabat berciri positif dengan berciri negatif.



Peta pemikiran menunjukkan banding beza sahabat berciri positif dan berciri negatif.

Sahabat yang berciri positif akan memberikan pengaruh yang baik dan membentuk tingkah laku yang mulia dalam diri anda. Mereka akan sentiasa menegur dan memberikan nasihat kerana mereka tidak mahu melihat anda berbuat salah. Mereka juga akan sentiasa membantu dan memberikan dorongan kepada anda untuk sama-sama berusaha demi mencapai kejayaan dan menikmati masa depan yang cerah.



Terdapat banyak kebaikan menjalankan perhubungan persahabatan yang positif. Antara kebaikannya adalah seperti yang berikut.

## **Kebaikan Memilih Sahabat Positif**

Tidak berasa sunyi dan keseorangan.

Contohnya, bersama-sama berkongsi kegembiraan dan kesedihan.

Bersama-sama melakukan aktiviti.

Contohnya, bermain badminton pada waktu lapang.

Dapat menjalin silaturahim dan perpaduan dengan sahabat yang pelbagai kaum.

Contohnya, mengetahui dan memahami adat resam yang diamalkan semasa berkunjung ke rumah sahabat.

Dapat belajar bersama-sama.  
Contohnya, mengulang kaji pelajaran semasa peperiksaan.

Mendapat bantuan dan sokongan moral secara ikhlas.

Contohnya, mendapat bantuan semasa dalam kesusahan.

Sahabat yang negatif akan memberikan kesan yang tidak baik terhadap anda. Rajah di bawah menunjukkan kesan memilih sahabat yang negatif.



Ketika bersahabat, janganlah bersikap keterlaluan sehingga mengabaikan keluarga.



## Cara Menjalinkan Persahabatan Tanpa Mengabaikan Keluarga

Meluangkan masa yang lebih untuk keluarga daripada sahabat.

Meminta izin daripada keluarga sebelum berjanji kepada sahabat.

Mengutamakan keluarga daripada sahabat apabila perlu membuat pilihan.

Menjaga perasaan keluarga dan menerima nasihat yang diberikan.

Tidak bertindak keterlaluan demi memenuhi kehendak sahabat sehingga mengabaikan kepentingan diri dan keluarga.

Oh, barulah saya faham! Saya tidak akan mengabaikan keluarga apabila bersahabat.

Baguslah. Ayah harap kamu dapat menjalinkan persahabatan yang positif.

### RENUNGAN

Sahabat boleh dicari. Keluarga tidak boleh diganti.

**A. Lakonkan drama di bawah.****Babak 1****Masa: Petang****Tempat: Sekolah**

Galong: Apa khabar Joo Soon, kamu kerap tidak hadir ke sekolah pada bulan ini. Adakah kamu tidak sihat? Jika kamu mempunyai masalah ceritalah kepada kami.

Joo Soon: Terima kasih. Saya bersyukur kerana mempunyai sahabat yang prihatin. Saya dapat rasa keikhlasan dan kasih sayang kamu walaupun kita berlainan kaum jika dibandingkan dengan sahabat baharu saya. Mereka tidak pernah mengambil berat terhadap diri saya. Mereka menyuruh saya berbohong kepada guru kelas kerana hendak menutup kesalahan ponteng sekolah yang kami lakukan bersama-sama.

Roshan: Baguslah Joo Soon, jika kamu telah sedar. Sebagai sahabat, kami sungguh gembira kerana dapat membantu kamu kembali ke pangkal jalan.

Galong: Joo Soon, jauhi sahabat yang bersikap negatif. Mereka suka mengajak kita melakukan perbuatan yang salah. Kelak kita juga yang susah.

Roshan: Betul kata Galong. Sebagai sahabat, kami akan sentiasa bersama-sama kamu.



**Masa:** Malam

**Tempat:** Di rumah Joo Soon

Joo Soon: Mama, maafkan saya. Saya tidak patut mengutamakan sahabat sehingga mengabaikan kepentingan keluarga. Saya tidak sepatutnya berbohong kepada mama demi menurut kata sahabat baharu yang saya kenali. Saya menyebabkan mama sedih dan kecewa. Saya berjanji tidak akan ponteng sekolah dan menghabiskan wang yang diberikan oleh mama untuk ke kafe siber lagi.



Mama: Syukurlah kamu telah insaf, Joo Soon. Kamu hendaklah bijaksana ketika memilih sahabat. Dekatilah sahabat yang berciri positif seperti Galong dan Roshan yang tidak suka membuang masa dan patuh kepada peraturan sekolah. Mereka akan menjadi pendorong dan membantu kamu untuk berjaya dalam hidup.

Joo Soon: Terima kasih, mama.



### SOALAN

1. Huraikan kebaikan apabila Joo Soon mempunyai sahabat berciri positif.
2. Ramalkan kesan terhadap Joo Soon apabila menjalinkan persahabatan dengan sahabat yang negatif.

**B. Nyatakan cara anda menjalinkan persahabatan tanpa mengabaikan hubungan kekeluargaan dengan melengkapkan rajah di bawah.**



Sahabat yang berciri positif akan mendorong kita untuk berjaya. Sebaliknya, sahabat yang berciri negatif akan memusnahkan masa depan kita. Bincangkan.

### C. Baca dan fahami kes di bawah.

#### Kes 1

Sharmala berjumpa dengan guru kaunseling kerana menghadapi masalah untuk menolak ajakan sahabatnya, Jesy yang selalu mengajak dia melakukan perbuatan negatif seperti ponteng dan melepak selepas waktu sekolah. Sharmala memberitahu guru kaunseling bahawa dia tidak tahu cara untuk mengatakan tidak kepada ajakan sahabat negatifnya.

#### Kes 2



Yi Wen merupakan murid yang tidak berminat untuk belajar. Sahabat baiknya, Yoshini sering mengambil berat terhadap Yi Wen. Dia menasihati Yi Wen untuk mengubah sikapnya. Dia juga berusaha untuk membantu Yi Wen dalam pelajarannya. Sikap Yoshini yang prihatin terhadapnya telah menyebabkan Yi Wen berminat untuk belajar. Dia juga ingin mencontohi sikap Yoshini yang prihatin dan rajin belajar.




#### SOALAN

1. Apakah pengaruh negatif yang dibawa oleh sahabat Sharmala?
2. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya Sharmala mengikut ajakan sahabat negatifnya.
3. Andaikan anda guru kaunseling. Apakah nasihat anda kepada Sharmala untuk menolak ajakan negatif sahabatnya?
4. Bagaimanakah Yi Wen boleh berubah menjadi murid yang rajin belajar?




Bagaimanakah hubungan persahabatan dapat menjalin perpaduan?

D. Banding beza ciri positif dan ciri negatif yang terdapat pada Jesy dan Yoshini dengan melengkapkan peta pemikiran di bawah.



E. Sahabat anda suka membuang masa dengan berkunjung ke kafe siber. Dia terpengaruh dengan ajakan sahabatnya yang negatif. Ramalkan kesan yang akan berlaku terhadap sahabat anda dengan melengkapkan rajah di bawah.

Kesan sekiranya saya mengikut ajakan sahabat ke kafe siber.



**SOALAN**

Apakah nasihat anda kepada sahabat yang suka membuang masa di kafe siber?

**A. Secara berkumpulan, bincangkan situasi yang diberikan dengan melengkapkan borang di bawah.**

1. Sahabat mengajak anda menemaninya ke kedai untuk membeli hadiah hari lahir ibunya sedangkan ibu bapa anda tiada di rumah.

2. Guru meminta murid di dalam kelas anda supaya duduk dalam kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum. Salah seorang sahabat anda enggan berbuat demikian.

3. Sahabat mengajak anda mandi di sungai. Dia meminta anda merahsiakannya daripada pengetahuan keluarga.

4. Anda mahu berbasikal bersama-sama sahabat. Pada masa yang sama, bapa telah meminta anda membantunya memberikan makanan kepada ikan di sangkar.

5. Sahabat anda telah membawa barang larangan ke sekolah. Semasa pemeriksaan oleh pengawas sekolah, sahabat anda meminta anda menyembunyikan barang larangan yang ada padanya.

Situasi	Tindakan yang Sepatutnya Saya Lakukan	Kepentingan
1.	Meminta izin daripada keluarga sebelum berjanji kepada sahabat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menjaga perasaan keluarga.</li> </ul>

**NOTA GURU**

Minta murid memberikan situasi positif dan negatif yang sesuai berdasarkan pengalaman dalam bentuk perbincangan.

**B. Berdasarkan panduan di bawah, jalankan aktiviti forum yang bertemakan “Persahabatan Tanpa Mengabaikan Keluarga”.**



**Persediaan Mengadakan Forum**

1. Bentukkan lima kumpulan murid.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membincangkan isi berdasarkan kad yang diberikan.

<b>Kad Panel 1</b>	Membincangkan ciri sahabat positif dan negatif.	<b>Kad Panel 2</b>	Membincangkan cara menjalinkan persahabatan yang sihat tanpa mengabaikan keluarga.
<b>Kad Panel 3</b>	Membincangkan kesan mengabaikan keluarga dalam menjalinkan persahabatan.	<b>Kad Panel 4</b>	Membincangkan kepentingan menjalinkan persahabatan tanpa mengabaikan keluarga.
<b>Kad Pengerusi</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Memulakan majlis.</li><li>- Mengendalikan majlis.</li><li>- Menutup majlis.</li></ul>		

**Langkah Mengadakan Forum**

1. Pilih seorang pengerusi untuk mengendalikan forum.
2. Pilih seorang ahli daripada setiap kumpulan untuk menyertai forum.




**SOALAN**

Apakah rumusan yang anda peroleh daripada hasil perbincangan forum yang diadakan?

Hari Persahabatan Sedunia diraikan pada hari Ahad, minggu pertama pada bulan Ogos. Bersempena dengan hari tersebut, hasilkan bekas epal untuk dihadiahkan kepada sahabat anda.

## Bekas Epal untuk Sahabat



Alatan

### Cara Membuat



1. Tebus botol dengan menggunakan pisau bagi memudahkan botol digunting.

2. Gunting kedua-dua botol tersebut.



3. Ambil bahagian botol yang tidak diperlukan. Gunting menjadi dua bentuk daun dan satu bentuk tangkai untuk hiasan.



4. Lekatkan daun dan tangkai dengan menggunakan gam. Kemudian lekatkan daun dan tangkai tersebut pada bekas epal.



5. Bekas epal yang telah siap.

*Terima kasih kerana sedia  
membantu apabila saya  
memerlukan bantuan.*



6. Tulis kata-kata penghargaan pada sekeping kertas.



7. Lekatkan nota penghargaan tersebut pada tangkai epal dan serahkan kepada sahabat anda.

### RENUMANGAN


Sahabat ialah seseorang yang selalu menyampaikan kebenaran walaupun kadangkala menyakitkan.

### NOTA GURU

Rancang lebih awal persediaan untuk membuat aktiviti kerja tangan. Utamakan keselamatan murid ketika menjalankan aktiviti reka cipta. Sekiranya murid menggunakan botol yang sudah berwarna, murid tidak perlu mewarnakan botol tersebut.

Cari lima ciri sahabat positif yang terdapat dalam kotak di bawah. Senaraikan ciri dan kepentingan mempunyai sahabat tersebut dengan melengkapkan jadual yang diberi.

K	P	E	N	Y	A	B	A	R	Q
R	K	I	S	A	I	N	S	R	M
B	E	I	K	H	L	A	S	B	P
E	D	B	D	A	U	N	M	R	R
R	E	A	A	T	I	N	I	K	I
S	K	S	R	W	C	H	A	R	U
O	U	B	W	A	A	N	R	A	L
P	T	E	F	T	O	S	A	M	A
A	N	C	I	R	O	A	N	A	I
N	A	N	S	P	A	P	R	N	S
J	S	K	A	C	U	L	I	A	O
U	I	N	L	H	Z	L	M	H	S
P	E	N	D	I	A	M	E	K	R
J	A	B	M	N	D	B	S	A	E
U	P	E	R	A	M	A	H	Q	B



# Unit 8

## WARGA PRIHATIN SEKOLAH SEJAHTERA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- ciri warga sekolah yang sejahtera.
- cara meningkatkan kesejahteraan warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- kepentingan meningkatkan kesejahteraan warga sekolah.
- menzahirkan perasaan apabila kesejahteraan warga sekolah terpelihara.
- mengamalkan cara hidup sejahtera sebagai warga sekolah yang terdiri daripada pelbagai kaum.

### NILAI

- Hormat
- Toleransi
- Kerjasama
- Kasih Sayang
- Hemah Tinggi
- Bertanggungjawab

Warga sekolah terdiri daripada barisan pentadbir, guru, murid, kerani sekolah, tukang kebun, tukang sapu, pembantu makmal, pengawal keselamatan, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pengusaha kantin. Semua warga sekolah sepatutnya mengamalkan ciri warga sekolah yang sejahta demikian mewujudkan persekitaran sekolah yang selesa, harmoni dan perasaan gembira untuk ke sekolah. Yang berikut adalah antara ciri warga sekolah yang sejahtera.




Mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah sememangnya merupakan perkara yang diutamakan di sekolah. Yang berikut adalah antara cara yang boleh dilakukan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga sekolah.

### Cara Meningkatkan Kesejahteraan Warga Sekolah

- Memantapkan kawalan keselamatan oleh pengawal sekolah.
- Memastikan kemudahan dan peralatan sekolah berfungsi dan dapat digunakan dengan selamat.
- Memastikan persekitaran sekolah ceria, selesa, bersih dan cantik.
- Menyediakan persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk pembelajaran dan pengajaran.
- Menguatkuasakan peraturan dan undang-undang sekolah.
- Mewujudkan kerjasama yang erat sesama warga sekolah termasuk dengan ibu bapa dan komuniti yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- Memastikan maklumat yang hendak disampaikan kepada warga sekolah dapat diterima dengan cepat dan jelas.

Terdapat banyak manfaat dan kepentingan apabila semua warga sekolah bersatu padu serta bekerjasama menjayakan aktiviti yang diadakan di sekolah. Contohnya, aktiviti gotong-royong yang diadakan di sekolah turut dijayakan oleh ibu bapa dan pihak sekolah.





Peranan setiap warga sekolah adalah penting. Oleh itu, semua warga sekolah perlulah rajin, bertanggungjawab dan berusaha memastikan persekitaran sekolah kondusif dan ceria. Hal ini dikatakan demikian kerana tugas menjaga persekitaran sekolah merupakan tanggungjawab bersama-sama.

### Pengetua



Saya mengawal lalu lintas di hadapan sekolah supaya tidak berlaku kemalangan.

### Pengawal Keselamatan

Saya sentiasa mengawasi murid-murid ketika bermain di padang supaya semuanya berada dalam keadaan selamat.

### Guru Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan



Saya berasa gembira dan bangga melihat sekolah bersih, ceria dan selamat. Oleh itu, saya bersama-sama rakan sentiasa menjaga kebersihan persekitaran sekolah.

### Murid



- A. Berdasarkan e-mel di bawah, berbincang dengan rakan tentang cara untuk meningkatkan kesejahteraan warga sekolah di sekolah anda. Bentangkan hasil perbincangan secara kreatif.**

<input type="button" value="Send"/>	<b>From</b> <input type="text" value="darvindsatish.damaiskp@joogle.com"/>
	<b>To...</b> <input type="text" value="lizani@joogle.com.my"/>
	<b>Cc...</b> <input type="text"/>
<b>Subject:</b>	Cadangan meningkatkan kesejahteraan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Damai

Kepada Puan Pengetua yang dihormati,

Saya mewakili ahli Persatuan Moral, Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Damai menulis e-mel ini bertujuan untuk mengemukakan cadangan bagi meningkatkan kesejahteraan warga sekolah kita.

Dua minggu lepas, Persatuan Moral telah mengadakan projek meninjau kawasan sekolah bagi memilih kawasan yang sesuai untuk kami menjalankan aktiviti kerja amal. Hasil daripada laporan ahli persatuan, kami dapat dinding di sebelah kantin kotor dan warna catnya juga telah pudar. Keadaan ini menimbulkan pandangan yang tidak ceria kepada pelawat dan warga sekolah.

Oleh itu, kami ingin meminta kebenaran daripada puan untuk melakukan kerja amal dengan melukis mural dan mengecat dinding di bahagian kantin sekolah. Bagi menampung kos mengecat, kami merancang untuk mengadakan jualan amal kuih tradisional pelbagai kaum. Keuntungan yang diperoleh ini diharapkan dapat digunakan untuk membeli cat dan peralatan bagi mengecat dinding di kawasan kantin sekolah. Kami juga telah berbincang dengan guru penasihat tentang cadangan ini. Kami berharap agar puan dapat meluluskan permohonan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**DARVIND SATISH**

Pengerusi Persatuan Moral,  
Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Damai.



### SEGMENT SANTAI

Apakah sumbangan yang pernah anda berikan untuk kesejahteraan warga sekolah?

**B. Baca dan fahami dialog di bawah. Berdasarkan dialog tersebut, kenal pasti aktiviti yang boleh dilakukan bagi mewujudkan kesejahteraan warga sekolah dan jelaskan kepentingan diadakan aktiviti tersebut dengan mengisi borang yang diberikan.**

Selamat pagi dan salam sejahtera semua hadirin. Tujuan kita mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ini adalah untuk membincangkan program Gotong-royong Perdana yang akan diadakan. Tujuan program ini adalah untuk membersihkan kawasan asrama sekolah dan menambah baik kawalan keselamatan. Adakah apa-apa cadangan daripada hadirin sekalian?

Sebagai pengetua, saya merakamkan terima kasih kepada semua yang memberikan kerjasama. Saya berharap semoga usaha kita dapat meningkatkan kesejahteraan warga sekolah.

Saya akan menyediakan peralatan untuk membersihkan kawasan longkang.

Saya boleh mengajak jiran-jiran yang tinggal berdekatan supaya datang membantu membersihkan asrama.

Saya bekerja di syarikat yang memasang alat keselamatan, iaitu Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV) dan alat penggera kebakaran. Oleh itu, saya boleh membantu pihak sekolah memasang alat keselamatan tersebut.

Saya boleh menyediakan makanan tradisional kaum Kadazan di Sabah, iaitu Hinava atau dipanggil Hinata. Bahan utama makanan ini ialah isi ikan dan buah bambangan. Makanan ini untuk semua warga sekolah yang terlibat dalam gotong-royong.

Tentu sedap masakan tersebut. Saya yakin bahawa murid-murid kita seronok dan tidak sabar menanti program ini. Saya akan menguruskan murid-murid pada hari gotong-royong.

	Aktiviti Meningkatkan Kesejahteraan Warga Sekolah	Kepentingan
1.	Memasang CCTV di kawasan sekolah.	Menjaga keselamatan murid daripada penjahat atau penceroboh.



### GERBANG MINDA

Buah bambangan juga dikenali sebagai buah mawang, buah embang, buah embawang atau mangga liar.

- A. Kawasan sekolah yang bersih, cantik, harmoni dan mempunyai keselamatan yang terjamin merupakan antara ciri sekolah yang sejahtera. Oleh itu, sebagai warga sekolah yang bertanggungjawab, anda ingin mengadakan tinjauan tentang kebersihan dan keselamatan di persekitaran sekolah dengan mengisi borang senarai semak di bawah. Borang yang telah diisi harus diserahkan kepada guru untuk diambil tindakan selanjutnya.

### Borang Senarai Semak Tinjauan di Kawasan Sekolah

Tarikh: \_\_\_\_\_

Masa: \_\_\_\_\_

Aspek	Perkara	Memuaskan	Tidak Memuaskan	Cadangan Penambahbaikan
Kantin	Kebersihan lantai			
	Kebersihan longkang			
	Kebersihan meja makan			
	Kebersihan tempat meletakkan pinggan			
	Kebersihan tempat mencuci tangan			
	Kebersihan diri pekerja			
	Kebersihan makanan			
Bilik Darjah	Jadual bertugas			
	Pencahayaan dan pengudaraan			
	Kebersihan lantai			
	Kebersihan tingkap			
	Meja kerusi bersih dan teratur			
Keselamatan	Kawalan di pagar keselamatan			
	Pencahayaan di tangga			
	Padang dan gelanggang			
	Terdapat tatacara keselamatan			
	Alat pemadam api			

#### Refleksi Diri:

- Apakah perasaan anda setelah selesai membuat tinjauan di persekitaran sekolah anda? Mengapakah anda berkata demikian?
- Adakah tinjauan yang dilakukan ini memberikan faedah kepada anda?

#### NOTA GURU

Elemen yang sesuai dengan persekitaran sekolah boleh ditambah pada borang sebelum diedarkan kepada murid.

**B. Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) merupakan perkara yang dititikberatkan oleh pihak sekolah bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang sejahtera. Berdasarkan situasi dan persekitaran yang berlaku di sekolah, nyatakan cara anda bertindak dan kesan daripada tindakan tersebut dengan melengkapkan jadual di bawah.**

Aspek	Situasi	Tindakan Saya	Kesan
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bakul sampah penuh dengan kertas, botol air dan plastik.</li> <li>Pam tandas rosak.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu guru menyediakan tong kitar semula di koridor kelas.</li> <li>Membuat kraf dan perhiasan daripada bahan buangan tersebut supaya boleh dijual.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sampah berkurangan di kawasan sekolah.</li> <li>Memperoleh sumber kewangan untuk kelas.</li> </ul>
Kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang berminat untuk bersenam.</li> <li>Murid mengamalkan cara pemakanan yang tidak sihat seperti suka makan makanan yang bergoreng dan minuman air sirap.</li> </ul>		
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sekolah berhampiran dengan jalan raya yang sibuk.</li> <li>Lantai simen yang berlubang.</li> </ul>		

**C. Kenal pasti masalah lain yang dihadapi oleh murid di sekolah anda. Cadangkan sumbangan yang boleh anda berikan bagi meningkatkan kesejahteraan murid.**



Mengapakah amalan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K) dititikberatkan di setiap sekolah?

# TAMAT

50

49

Kamu dapat suis kipas  
telah terkeluar  
wayarnya. Apakah  
tindakan kamu?

48

47

46

## Laluan Sekolah Sejahtera

### Peralatan

- |               |                |
|---------------|----------------|
| 1. Dadu       | 2. Penanda     |
| 3. Kad Soalan | 4. Kad Bintang |

### Cara Menjalankan Permainan

1. Lantik seorang hakim.
2. Pemain terdiri daripada tiga hingga empat orang pemain.
3. Jalankan undian untuk menentukan giliran bermain.
4. Pemain yang menjawab soalan dengan betul akan mendapat sekeping kad bintang daripada hakim.
5. Pemain yang memberikan jawapan yang salah, tidak dibenarkan bermain untuk satu pusingan.
6. Pemenang ialah pemain yang paling cepat tiba di garisan penamat dan mendapat paling banyak kad bintang.

Nyatakan satu kepentingan untuk memastikan sekolah sejahtera.

4

3

2

1

# MULA

6

7

8

Kawasan berhampiran sekolah telah diisytiharkan sebagai kawasan denggi.  
Apakah yang patut warga sekolah lakukan?

9

10



### RENUNGAN

Kesempatan yang kecil untuk berbakti merupakan permulaan kepada peluang untuk berbakti yang lebih besar.

## Penilaian Berasaskan Projek

### Cara Menjalankan Projek

1. Projek ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu memilih satu sudut di dalam kelas untuk diceriakan.
3. Masa diberikan dua minggu.
4. Pemarkahan diberikan dengan berdasarkan kriteria berikut.
 

a. Keceriaan	b. Bermaklumat	c. Kerajinan	d. Kerjasama
e. Kreatif	f. Menggunakan bahan kitar semula		

### BORANG PENILAIAN

(Diisi oleh Guru)

Nama Projek: \_\_\_\_\_ Bilangan ahli: \_\_\_\_\_

Tempoh masa menyiapkan projek: \_\_\_\_\_

Kumpulan: \_\_\_\_\_

Keceriaan (10 markah)	Bermaklumat (10 markah)	Menggunakan bahan kitar semula (5 markah)	Kreatif (10 markah)	Kerjasama (5 markah)	Kerajinan (10 markah)	Jumlah Markah (50 markah)

Dinilai oleh,

( \_\_\_\_\_ )

Tarikh: \_\_\_\_\_

# Unit 9

## KESELAMATAN TEMPAT TINGGAL TANGGUNGJAWAB BERSAMA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- ancaman keselamatan di kawasan kediaman.
- kepentingan mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman.
- langkah-langkah untuk mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman.
- menzahirkan perasaan apabila keselamatan di kawasan kediaman terjamin.
- pelibatan diri dalam aktiviti menjaga keselamatan di kawasan kediaman tanpa mengira kaum.

### NILAI

- Berdikari
- Toleransi
- Kerjasama
- Kejujuran
- Keberanian
- Bertanggungjawab

Keselamatan di kawasan kediaman merupakan perkara yang dititikberatkan oleh semua golongan. Keadaan ini berlaku disebabkan timbulnya perasaan bimbang setiap kali media massa melaporkan kejadian jenayah seperti pecah rumah, rompakan, penculikan dan kes ragut. Perhatikan keratan akhbar di bawah. Berita-berita sebegini sudah pasti menyebabkan kita berada dalam kebimbangan. Oleh itu, kita harus bersama-sama memikul tanggungjawab untuk menjaga keselamatan kawasan kediaman.

# Curi, ragut berleluasa

Penduduk apartmen semakin bimbang keselamatan

**G**EORGETOWN: Lebih 2,000 penduduk di 600 unit apartmen di Taman Seri Perak, Jalan Slim di sini, semakin bimbang keselamatan mereka berikutan kerap berlakunya kes kecurian dan ragut.

Penduduk mendakwa kes kecurian motosikal, alat ganti, topi keledar dan minyak motosikal kini semakin berleluasa berbanding sejak mereka meninggalkan apartmen itu lapan tahun faida.

Walasupan terdapat pengawal ditugaskan mengawasi dua blok kediaman itu, namun orang luar bebas keluar dan masuk sekali guna mengandung berlaku kes kurciciat.

Dalam kejadian pada 21 November lalu, penduduk, Ong Pit Wong, 21, kerjaya RM1,200 apabila menjadi mangsa ragut selepas keluar dari lif jam 11.30 malam ketika turun dari tingkat 17 ke tingkat 16.

dari Taman Seri Perak, Jalan Slim, semalam. Ong berkata, dia cuba mengejar lelaki terbabit tetapi dia dapat melarikan diri selepas menali motosikal bersama seorang lagi rakan ny.

Penduduk, Ong Pit Wong, 29, berikutan kejagalan punggawa berugas mengawal bertugas mengikut Seksyen 302 Kanun kesaksian dan memperuntukkan hukuman ganjung mandatori dan motosikal dipercuryak di sekitar bangunan itu.

**G**EORGETOWN: Seorang penganggur didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas tuduhan membunuh anak perempuan berasia tuncuh tahon dan melakukan sumbuang mahrum dengan seorang lagi anak perempuan berusia 14 tahun pada 2004.

Tertuduh, 40, didakwa mendorong seorang motosikalnya yang tidak ditutupkan bolak-baliknya di sebuah rumah di Medan Angsara 1, Bandar Baru Air Itam di sini antara jam 7 pagi hingga 7 malam, 11 November 2004. Dia juga dituduh membuka kan pintu setubuh dengan anaknya dalam sebuah tanah lelate di Tingkap Rambutan, Kompleks Tarlim, Air Itam di sini, kira-kira jam 12.30 tengah hari, 7 Februari lalu.

Bantuan perhubungan dia dicabut selepas dituduh bunuh dan rogoz dua anaknya, semalam.

ANEH

# Lelaki didakwa bunuh, rogoz anak jiran

Seorang (7 tahun) didera hingga mati; seorang lagi (14 tahun) mangsa sumbang mahram

ring pengakuan dicabut selepas perhubungan dia dicabut keributan di depan Mabsut Noor Ami Yusof.

Terdakwa yang berbangga-bangga dan seharusnya mengakui

selepas dituduh bunuh dan rogoz dua anaknya, semalam.

ANEH

# Suspek 15 kes samun, pecah rumah dicekup

**N**IBONG TEBAL: Selepas dua bulan memburu suspek yang mempunyai 15 rekod kes samun dan pecah rumah, polis akhirnya menahan lelaki berkenaan yang berada di bawah pengaruh dadah ketika serbuan di sebuah hotel dekat Simpang Ampat di sini, Sabtu lalu.

Suspek berusia 39 tahun itu bukan saja menjalankan kegiatan jahatnya di Pulau Pinang, malah dia bersama beberapa turut melakukan jenayah di Kedah dan Perak sebelum menjual barang diukup kepada pihak lain.

Suspek berasal dari Lunas, Kulim, Kedah ditahan kira-kira jam 11 pagi oleh sepasukan polis selepas mendapat maklumat Pasukan Rondaan Sukarela, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Simpang Ampat/Bukit Tam-bun.

Ketua Polis Daerah Seberang Prai Selatan, Superintendant Shafien Mamat, berkata polis yang menjalankan pemeriksaan dalam bilik hotel disewa suspek menemui lima paket heroin dan syabu manakala satu kunci kereta Proton Wira ketika pemeriksaan badan.

Katanya, dalam kereta terabit terdapat barang yang dicuri sekitar Pulau Pinang, Perak dan Kedah seperti komputer riba, kad kredit, beg pinggang yang semuanya dianggarkan bernilai RM30,000 serta empat kunci kereta termasuk kunci Toyota Camry juga dipercayai dicuri dalam kes pecah rumah.

“Polis turut menemui sebilah pedang samurai dalam kereta suspek dipercayai digunakan sebagai senjata apabila keadaan terdesak. Pemeriksaan dalam kereta pulu menemui sebuah skuter elektrik Shark XP juga dicuri

dalam kes pecah rumah. “Dalam kejadian pecah sebuah rumah bulan lalu, polis mengesan cap jari pencorong dan siasatan lanjut mendapati ia milik suspek yang ditahan Sabtu lalu,” katanya

pada sidang akhbar di sini, semalam.

Shafien berkata, ujian air kencing mendapati suspek positif heroin dan dikehendaki polis Kedah dan Perak berhubung kes samun dan

pecah rumah.


“Kami sedang memburu dua lagi rakan suspek yang berasal dari Pulau Pinang dan Perak dan berharap dapat mengesan mereka tidak fama lagi,” katanya.

**TAJAM**  
...Shafien memegang pedang samurai yang dirampas daripada penjenayah.

Ancaman yang menjadikan keselamatan di kawasan kediaman boleh dikategorikan seperti yang berikut.




Kebanyakan penduduk di kawasan kediaman bergantung kepada jiran, pengawal keselamatan, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Rukun Tetangga (RT) untuk menjaga keselamatan kawasan persekitaran dan mengelakkan ancaman jenayah. Keadaan ini tidak sewajarnya berlaku kerana tanggungjawab menjaga keselamatan kawasan kediaman merupakan tanggungjawab bersama. Oleh itu, semua pihak perlulah bekerjasama dan mengambil langkah untuk menjaga keselamatan diri, keluarga dan kawasan kediaman.



Sebagai remaja, anda juga boleh memainkan peranan bagi menjaga keselamatan diri dan keselamatan di kawasan kediaman daripada ancaman jenayah. Rujuk rajah di bawah untuk mengetahui peranan yang boleh anda lakukan.

### Peranan Anda untuk Membantu Mengelakkan Keselamatan



Banyak faedah dan kepentingan yang diperoleh apabila semua pihak sanggup memainkan peranan menjaga keselamatan di kawasan kediaman. Antara kepentingannya adalah seperti yang berikut.



- A. Beberapa program telah dicadangkan oleh penduduk bagi menjaga keselamatan di kawasan kediaman anda. Bincangkan kepentingan program dan peranan anda sebagai penduduk di kawasan tersebut.



Bersih dan Nyaman



Kami Prihatin



Sayangi Jiran



Jom Ronda

#### Program: Bersih dan Nyaman

Kepentingan:

1. Kawasan kediaman bebas daripada penyakit seperti wabak denggi.
2. Kawasan kediaman cantik dan udara segar.

Peranan Saya:

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_

- B. Sebagai Ahli Jawatankuasa Persatuan Penduduk di kawasan tempat tinggal anda, cadangkan program lain bagi menjaga keselamatan di kawasan tersebut.

- A. Jalankan soal selidik dengan ketua kampung atau jawatankuasa di tempat kediaman anda tentang langkah-langkah yang dilakukan oleh penduduk bagi mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman anda.

### BORANG SOAL SELIDIK TENTANG KESELAMATAN KAWASAN KEDIAMAN

Nama Taman/Kampung: \_\_\_\_\_

#### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Nama: \_\_\_\_\_

Umur: \_\_\_\_\_

Kelulusan: \_\_\_\_\_

Pekerjaan: \_\_\_\_\_

#### BAHAGIAN B: PANDANGAN RESPONDEN

1. Adakah kawasan kediaman ini selamat? Ya / Tidak

2. Mengapakah encik/puan berpendapat sedemikian?

3. Apakah contoh ancaman yang kerap berlaku di kawasan ini?

4. Adakah langkah keselamatan diwujudkan di kawasan kediaman ini? Jika ada, tandakan ( ✓ ), jika tiada, tandakan ( X ).

Pengawal Keselamatan	_____
-------------------------	-------

RELA/SRS/RT/ Persatuan penduduk	_____
------------------------------------	-------

Rondaan Polis	_____
------------------	-------

Langkah keselamatan lain (sekiranya ada).

5. Adakah penduduk setempat juga memainkan peranan bagi mengadakan program untuk menjaga keselamatan di taman ini? Ya /Tidak. Jika ya, nyatakan program/aktiviti.

Jika tidak, nyatakan alasan.

6. Apakah kesan positif daripada langkah keselamatan yang diadakan?

7. Cadangan untuk penambahbaikan bagi mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman.

#### NOTA GURU

Jelaskan kepada murid kepentingan mengutamakan keselamatan diri ketika menjalankan soal selidik. Aktiviti ini perlu dilakukan secara berkumpulan.

**B. Baca dan fahami maklumat di bawah.**



Dilancarkan oleh Tun Abdul Razak pada 29 Ogos 1975.

**Konsep Rukun Tetangga (RT)**

1975  
Keselamatan

1984  
Kejiranan

2001  
Pembangunan Komuniti

2010  
Perpaduan, Ekonomi,  
Keselamatan, Pendidikan dan  
Kualiti hidup

*Imbas Saya*



Jabatan Perpaduan  
Negara dan Integrasi  
Nasional



**Moto: Bersama dan Bersatu**

**Objektif Penubuhan Rukun Tetangga**

- Membantu untuk membanteras jenayah di kawasan setempat.
- Mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan dan perasaan muhibah antara anggota masyarakat.

**Aktiviti/Program dan Kepentingannya**

- Mengadakan rondaan sekitar taman bagi memastikan keadaan persekitaran sentiasa selamat daripada penjenayah.
- Mengadakan gotong-royong bagi menjaga kebersihan kawasan kediaman.
- Mengadakan program sambutan Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan sebagainya bagi mengeratkan hubungan kejiranan dan menjalin perpaduan.



## SOALAN

1. Mengapakah Rukun Tetangga perlu diwujudkan di kawasan kediaman?
2. Apakah perasaan anda apabila aktiviti Rukun Tetangga tidak mendapat sambutan daripada penduduk? Jelaskan

**C. Berdasarkan panduan menjaga keselamatan di rumah, hasilkan sebuah brosur bagi menjaga keselamatan di kawasan kediaman anda. Maklumat yang boleh dimasukkan dalam brosur adalah seperti:**

- i) ancaman keselamatan yang berlaku di kawasan kediaman anda.
- ii) kepentingan mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman.
- iii) langkah membanteras ancaman keselamatan di kawasan kediaman.

### Panduan Menjaga Keselamatan Rumah

- Memastikan pintu rumah sentiasa dikunci.
- Tidak meninggalkan sebarang tanda bahawa anda tiada di rumah.
- Nyalakan lampu sekiranya anda meninggalkan rumah pada waktu malam.
- Batalkan langganan seperti surat khabar jika tiada di rumah selama beberapa hari.
- Maklumkan kepada jiran dan polis sekiranya anda meninggalkan rumah atau bercuti.



Cadangkan cara yang boleh dilakukan untuk menggalakkan lebih banyak sukarelawan menjadi Ahli Rukun Tetangga.

D. Tulis laporan tentang langkah-langkah mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman anda. Bentangkan laporan dengan menggunakan Power Point secara kreatif.

A screenshot of Microsoft PowerPoint showing a slide titled "Presentation1". The slide contains a list of four items:

- Tajuk laporan.
- Ancaman di kawasan kediaman.
- Langkah yang diadakan untuk mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman.
- Cadangan dan penambahbaikan.

### Contoh Laporan

A screenshot of Microsoft PowerPoint showing a slide titled "Presentation1". The slide features a main title "Keselamatan Kawasan Kediaman Tanggungjawab Semua" and a subtitle "Ancaman di Kawasan Kediaman" followed by a bulleted list:

- Pencuri, perompak dan peragut
- Penagih dadah
- Penculik



#### SEGMENT SANTAI


Nyatakan nombor telefon kecemasan yang boleh anda hubungi jika melihat rumah jiran dimasuki pencuri.

## A. Teliti dan fahami gambar di bawah.



Sheng Jie menunggang basikal seorang diri di luar rumahnya. Tanpa disedari dua orang lelaki sedang memperhatikannya.

Semasa Sheng Jie leka bermain, salah seorang penjahat telah keluar dari kereta dan melarikannya.



Sheng Jie meronta-ronta dan cuba menjerit tetapi mulutnya telah ditutup oleh penjahat tersebut. Sheng Jie telah dibawa ke dalam kereta penjahat.



### SOALAN

Anda ternampak kejadian tersebut semasa anda hendak mengunci pintu pagar rumah.

1. Sebagai jiran, apakah tindakan anda?
2. Ramalkan kesudahan cerita ini.

### Refleksi Diri:

Apakah perasaan anda setelah dapat membantu jiran yang memerlukan pertolongan?

### NOTA GURU

Bersama-sama murid, bincangkan ancaman seperti penculikan, rompakan, rogol dan pembunuhan yang melibatkan kanak-kanak sebagai mangsa. Tegaskan kepada murid kepentingan menjaga keselamatan diri. Didik murid supaya menyimpan nombor telefon pihak yang boleh dihubungi apabila berlaku kecemasan.

1. Baca berita di bawah dan jawab soalan yang diberikan.

IPOH: Polis menahan dua orang remaja lelaki dipercayai meragut beg tangan seorang wanita di kawasan perumahan Buntong di sini. Mangsa berkata, kejadian tersebut berlaku lebih kurang jam 6.30 pagi, ketika dia berjalan sendirian. Dia telah diekori oleh dua orang remaja terbabit yang menunggang motosikal.

- a. Jelaskan ancaman yang berlaku dalam berita di atas.
- 
- b. Terangkan dua cara yang boleh dilakukan oleh penduduk setempat bagi membendung jenayah tersebut.
- 
- c. Mengapakah usaha perlu dilakukan bagi mengekalkan keselamatan di kawasan kediaman?
- 
2. Berdasarkan kotak misteri:
- cari pihak yang bertanggungjawab meningkatkan keselamatan di kawasan kediaman.
  - nyatakan peranan setiap pihak tersebut dengan mengisi jadual di bawah.

D	M	A	S	Y	A	R	A	K	A	T
A	V	P	S	K	J	K	C	E	M	J
H	A	A	D	E	V	R	H	H	J	D
A	B	U	O	L	J	I	E	U	B	A
N	S	P	T	U	R	I	F	L	E	H
R	E	O	S	A	L	E	R	D	A	A
L	L	L	E	R	W	M	N	A	O	N
H	Q	I	B	G	S	G	T	X	N	A
N	F	S	I	A	V	D	N	O	M	Y
P	E	N	G	A	W	A	L	S	H	A
L	O	D	F	U	I	J	B	B	Q	S

BIL.	PIHAK	PERANAN
i.		
ii.		
iii.		
iv.		
v.		

# Unit 10

## KEMUDAHAN AWAM DIJAGA BERSAMA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat.
- cara menjaga kemudahan awam secara bersama-sama.
- kesan vandalisme terhadap masyarakat dan negara.
- perasaan berbangga akan kemudahan awam yang disediakan.
- menzahirkan perasaan apabila kemudahan awam dirosakkan.
- menjaga kemudahan awam secara bersama-sama.

### NILAI

- Kerjasama
- Patriotisme
- Kesederhanaan
- Berterima Kasih
- Bertanggungjawab

Sebagai rakyat Malaysia, kita bersyukur dan berbangga akan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan untuk kemudahan dan kebaikan kita bersama-sama. Gambar di bawah menunjukkan beberapa contoh kemudahan awam yang terdapat di Malaysia dan kepentingannya kepada masyarakat.



Hospital memudahkan masyarakat mendapatkan rawatan.

Transit Aliran Ringan (LRT) memudahkan pergerakan masyarakat ke sesuatu destinasi.



## Kemudahan Awam



Pusat Transformasi Bandar (UTC) memudahkan masyarakat membuat pelbagai urusan.



Perpustakaan memudahkan masyarakat membaca dan membuat rujukan.



Taman permainan sebagai tempat beriadah.


Dewan Orang Ramai memudahkan masyarakat mengadakan aktiviti kemasyarakatan.




Apabila memandangkan kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat, orang ramai perlu bertanggungjawab untuk menjaga kemudahan ini.




Kita berasa sedih apabila mengetahui terdapat pihak yang tidak bertanggungjawab telah melakukan vandalisme terhadap kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan. Rajah di bawah menunjukkan beberapa contoh perbuatan vandalisme.





Antara kesan vandalisme dapat diperhatikan dalam rajah di bawah.



Disebabkan perbuatan vandalisme memberikan kesan terhadap masyarakat dan negara, kita sebagai rakyat Malaysia sewajarnya berganding bahu untuk menjaga kemudahan awam dengan baiknya. Kita juga boleh melaporkan kepada pihak berkuasa jika berlaku kerosakan kemudahan awam. Selain itu, kita juga boleh menasihati rakan agar tidak melakukan perbuatan vandalisme.

Akhirnya kita berharap agar kemudahan awam yang disediakan dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh orang ramai.



Adakah rakyat Malaysia menggunakan kemudahan awam dengan baiknya? Berikan bukti untuk menyokong pendapat anda.

**A. Baca dan fahami pengalaman Zheng Ning menaiki Kereta Api Laju (ETS).**

### Pengalaman Menaiki ETS dari Kuala Lumpur ke Padang Besar

Semasa cuti sekolah yang lalu, saya mengikut keluarga saya ke Padang Besar, Perlis. Kami menaiki kereta api laju atau *Electric Train Service* (ETS) dari Kuala Lumpur Sentral ke Padang Besar, Perlis.

Saya berasa sangat teruja menaiki ETS kerana ini merupakan pengalaman pertama saya menaiki kereta api yang mempunyai kelajuan mencecah 140 kilometer sejam. Perjalanan yang biasanya mengambil masa kira-kira lapan jam untuk sampai, kini hanya lima jam setengah dengan menggunakan perkhidmatan ETS. Pertama kali menjelaskan kaki ke dalam kereta api ini, saya berasa kagum akan keadaan dan kemudahan yang disediakan. Keadaan di dalam kereta api sangat bersih dan kemas. Tiada cebisan sampah di atas lantai maupun di bawah kerusi. Pelbagai kemudahan disediakan untuk penumpang. Antaranya televisyen LED, litar tv tertutup (CCTV), rak bagasi, tandas dan kafe yang menjual pelbagai jenis makanan dan minuman. Terdapat juga ruangan khas untuk orang kurang upaya (OKU). Ruangan ini boleh memuatkan empat kerusi dan tandas khas untuk mereka.

Saya dan keluarga berasa selamat dan selesa menggunakan perkhidmatan ini. Saya juga sempat mengambil beberapa keping gambar di sepanjang perjalanan. Sebagai rakyat Malaysia, saya sangat bangga akan kemudahan yang disediakan ini. Lebih membanggakan saya apabila beberapa orang pelancong asing turut memuji kemudahan dan perkhidmatan ETS semasa mereka menaiki kereta api ini. Syabas Malaysia!



#### SOALAN


1. Apakah perasaan anda apabila membaca pengalaman Zheng Ning menaiki ETS?
2. Mengapa kerajaan menyediakan perkhidmatan ETS kepada rakyat?
3. Bagaimanakah anda menjaga kemudahan yang disediakan di dalam pengangkutan awam?



#### SEGMENT SANTAI


Berikan dua contoh pengangkutan awam yang anda kagumi. Mengapa?

B. Secara berkumpulan, bincangkan sebab dan akibat vandalisme dengan menggunakan peta pemikiran di bawah.



C. Dalam kumpulan yang sama, cari dan kumpul maklumat tentang peranan pelbagai pihak untuk menangani masalah vandalisme. Lengkapkan peta pemikiran di bawah.

#### Peranan Pelbagai Pihak Menangani Vandalisme



Guna dan jagalah segala kemudahan yang disediakan  
sebagaimana kita menjaga harta benda sendiri.

- A. Secara berkumpulan, jalankan tinjauan tentang kemudahan awam yang terdapat di kawasan sekolah atau kawasan kediaman. Bentangkan hasil tinjauan secara kreatif dengan menggunakan borang yang disediakan di bawah.

### Borang Tinjauan Kemudahan Awam

1. Kawasan: Tandakan (✓) pada kotak yang berkenan.

Sekolah

Kediaman

2. Senaraikan kemudahan awam yang terdapat di kawasan tersebut.

- (i) \_\_\_\_\_  
 (ii) \_\_\_\_\_  
 (iii) \_\_\_\_\_

3. Nyatakan kepentingan kemudahan awam tersebut kepada warga sekolah atau masyarakat.

- (i) \_\_\_\_\_  
 (ii) \_\_\_\_\_

4. Adakah kemudahan awam tersebut masih dalam keadaan baik? Jika tidak, berikan alasan anda.

---



---

5. Cadangkan cara menambah baik kemudahan awam di situ.

- (i) \_\_\_\_\_  
 (ii) \_\_\_\_\_

#### NOTA GURU

Perbanyak borang tinjauan untuk digunakan oleh murid.

B. Berdasarkan dapatan tinjauan, hasilkan risalah seperti contoh di bawah untuk memberikan panduan kepada warga sekolah atau kawasan kediaman tentang cara menjaga kemudahan awam.



## Taman Rekreasi Saujana Impian

### Panduan Menjaga Taman Rekreasi

#### 1. Kebersihan Taman

- Buang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan.
- Kutip sampah yang terdapat di situ
- Jaga kebersihan longkang di sekeliling taman permainan.

#### 2. Alatan Permainan

- Gunakanlah alatan ini dengan berhati-hati.
- Tidak dibenarkan menconteng atau merosakkan alatan permainan.
- Kanak-kanak bawah umur 12 tahun sahaja dibenarkan menggunakan alatan permainan.

#### 3. Kemudahan Awam

- Jaga kebersihan tandas awam.
- Tidak merosakkan peralatan.
- Tidak merosakkan landskap.
- Jangan merosakkan papan tanda.

#### 4. Tempat Meletak Kenderaan

- Letak motosikal dan basikal di tempat yang disediakan.

Semoga kita dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan kemudahan yang terdapat di taman rekreasi kita.

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA DAN KEPRIHATINAN ANDA SEMUA.

#### ● *Refleksi Diri:*

Apakah perasaan anda apabila dapat membantu pihak sekolah atau penduduk kawasan kediaman menjaga dan menambah baik kemudahan awam? Mengapa?

#### NOTA GURU

Minta murid mengedarkan risalah di sekolah atau di kawasan kediaman.

C. Secara kreatif, lakarkan satu bentuk kemudahan awam di bawah untuk masa 20 tahun yang akan datang. Bentangkan lakaran ini di dalam kelas.

### Kereta Api



### Alatan Permainan



### Tempat Menunggu Bas



Sekiranya kemudahan awam tidak dijaga dan digunakan dengan baik, ramalkan kesan yang akan berlaku dalam masa 10 tahun akan datang.

- A. Lukis poster yang bertemakan vandalisme atau kemudahan awam. Pamerkan poster di Sudut Pendidikan Moral.



Alatan

### Cara Membuat



1. Lakarkan slogan di atas sekeping kertas lukisan.



2. Warnakan slogan dengan pen berdakwat.



3. Lukis simbol yang sesuai.



4. Warnakan simbol dengan cat air.



5. Slogan yang telah siap.



6. Hias poster secara kreatif.


#### NOTA GURU

Contoh slogan lain: Katakan TIDAK kepada vandalisme, Kemudahan Awam Tanggungjawab Bersama.

- A. Berdasarkan gambar di bawah, nyatakan kepentingan dan cara anda menjaga kemudahan awam tersebut.**

Bil.	Kemudahan Awam	Kepentingan Menjaga Kemudahan Awam	Cara Anda Menjaga Kemudahan Awam
1.	Lif 		
2.	Tempat Parkir OKU 		
3.	Kawasan R & R 		

- B. Ramalkan kesan vandalisme dalam setiap situasi di bawah.**



## Unit 11

# MASYARAKAT PRIHATIN ALAM TERPELIHARA

Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- cara menjaga alam sekitar.
- kepentingan menjaga alam sekitar.
- kesan jika tidak menjaga alam sekitar.
- menzahirkan perasaan apabila menjaga alam sekitar.
- penglibatan diri secara proaktif ketika mengurus alam sekitar secara bersama.

### NILAI

- Rasional
- Kerjasama
- Patriotisme
- Kasih Sayang
- Bertanggungjawab
- Kepercayaan kepada Tuhan

Tuhan telah mencipta alam ini dengan begitu indah sekali. Oleh hal yang demikian, wajarlah kita menjaga alam kurniaan Tuhan dengan baik agar tidak berlaku kerosakan. Alam sekitar yang paling dekat dengan kita ialah kawasan tempat tinggal kita.



- Fikir sebelum membuang sesuatu barang.
- **Contoh:**
  - Memastikan barang buangan masih boleh dibaiki atau dikitar semula.

### FIKIR SEMULA (RETHINK)




- Membaih pulih barang yang rosak dan menggunakan semula.
- **Contoh:**
  - Membaih jam yang rosak.

### BAIKI (REPAIR)



Terdapat pelbagai cara untuk menjaga keindahan dan kebersihan kawasan tempat tinggal. Antaranya seperti bergotong-royong membersihkan kawasan perumahan, menceriakan kawasan persekitaran dengan menanam pokok bunga dan mengadakan program 5R, iaitu *rethink*, *repair*, *reduce*, *reuse* dan *recycle*.



Pelbagai usaha telah diambil oleh pelbagai pihak untuk menjaga alam sekitar, namun masih terdapat segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab mencemarkan alam sekitar. Tindakan mereka telah memberikan kesan kepada kehidupan manusia dan alam sekitar.



- Kesan rumah hijau
- Menjejaskan kualiti air
- Menjejaskan kesihatan manusia
- Pemanasan global
- Penipisan lapisan ozon

- Menjejaskan kualiti air
- Menjejaskan kesihatan manusia
- Menjejaskan hidupan akuatik

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersama-sama melibatkan diri secara proaktif dalam penjagaan alam sekitar.


## **KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR**

Persekutuan  
menjadi  
lebih sihat dan  
bersih.

Menjimatkan  
kos, sumber dan  
tenaga.

Baca dan fahami kisah di bawah.

### Kisah Manusia dengan Pokok Mangga



Kalau begitu, engkau petiklah buah mangga yang ada padaku dan kawan-kawanku. Engkau juallah untuk mendapatkan wang. Dengan wang itu, engkau belilah barang permainan yang engkau inginkan.

Masa cepat berlalu. Akhirnya kanak-kanak itu menjadi remaja. Dia ingin membina sebuah rumah. Lalu berkatalah kanak-kanak itu kepada pokok tersebut.




Selang beberapa tahun, remaja tersebut menjadi orang dewasa. Dia ingin belayar. Lalu dia datang berjumpa dengan pokok mangga tersebut.




Aku sudah dewasa. Aku mempunyai cita-cita untuk belayar. Malangnya, aku tidak mempunyai kapal. Bolehkah engkau menolongku?

Aku tidak mempunyai kapal untuk diberikan kepada engkau. Engkau boleh memotong batang pokok ini dan batang pokok kawan-kawan aku untuk dijadikan kapal. Engkau akan belayar dengan gembira.



Setelah beberapa lama, orang dewasa itu meningkat tua. Dia kemudian kembali semula kepada pokok mangga tersebut. Dia terkejut melihat keadaan pokok mangga.



Aku tidak lagi mempunyai apa-apa untuk diberikan kepada engkau. Engkau tengoklah keadaan diri aku dan kawan-kawan aku.



Ramalkan kesudahan kisah di atas.



### SOALAN

1. Apakah pengajaran yang anda pelajari daripada kisah tersebut?
2. Jelaskan akibat yang dihadapi sekiranya pokok yang ditebang tidak ditanam semula.

- A. Sekolah anda bercadang untuk mengadakan sambutan Hari Bumi. Sambutan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran murid tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Secara berkumpulan, lakukan aktiviti di bawah.

## KUMPULAN 1

### Membuat Promosi Sambutan Hari Bumi

- \* Menghasilkan poster yang mengandungi butiran seperti yang berikut:
  - Tarikh, tempat dan masa.
  - Aktiviti yang dijalankan.
- \* Menampal poster di tempat yang strategik di kawasan sekolah.
- \* Memuat naik butiran aktiviti dalam laman sesawang sekolah.

## KUMPULAN 2

### Mengadakan Program Kitar Semula

- \* Memaklumkan bahan kitar semula yang boleh dibawa ke sekolah semula seperti surat khabar dan tin minuman.
- \* Mengumpul bahan di sekolah yang boleh dikitar semula.
- \* Meletakkan kotak kitar semula di setiap bilik darjah.
- \* Menghubungi pusat kitar semula.
- \* Mengasingkan bahan mengikut kategori.
- \* Meletakkan tong kitar semula di beberapa sudut di kawasan sekolah.
- \* Mengadakan kempen jualan barang terpakai.

## KUMPULAN 3

### Menganjurkan Program Gotong-royong

- \* Mengutip sampah di kawasan sekolah.
- \* Membersihkan padang, pondok bacaan dan kantin.
- \* Menanam pokok hiasan.
- \* Mengecat bangku dan pasu bunga.



### SOALAN

1. Apakah perasaan anda apabila melibatkan diri dalam sambutan Hari Bumi peringkat sekolah?
2. Kenal pasti perubahan yang berlaku di sekolah anda selepas sambutan Hari Bumi.



### GERBANG MINDA

Hari Bumi disambut pada 22 April setiap tahun.



### RENUNGAN

Kita tidak mewarisi alam ini daripada datuk nenek kita, tetapi kita meminjamnya daripada anak cucu kita.

- B. Lakukan temu bual dengan beberapa orang penduduk mengenai masalah alam sekitar dengan menggunakan borang di bawah. Bentangkan hasil temu bual tersebut.**

### Borang Temu Bual Masalah Alam Sekitar

1. Pada pendapat anda, kawasan manakah yang menghadapi masalah alam sekitar? Tandakan (✓) pada kotak yang sesuai.

Pasar

Pusat Beli-belah

Kawasan Rekreasi

Tempat Lain (Nyatakan): \_\_\_\_\_

2. Apakah masalah alam sekitar yang dihadapi oleh penduduk di sini?

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

3. Apakah kesannya kepada kehidupan penduduk di kawasan ini?

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

4. Bagaimanakah penduduk mengatasi masalah yang dihadapi?

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

5. Apakah kepentingan menjaga alam sekitar di kawasan ini?

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_

6. Nyatakan cara anda mengatasi masalah alam sekitar yang berlaku di kawasan ini.

(i) \_\_\_\_\_  
(ii) \_\_\_\_\_



#### SEGMENT SANTAI

Apakah yang perlu anda lakukan apabila berlaku jerebu di kawasan tempat tinggal anda?



Sikap manusia lebih penting daripada penguatkuasaan undang-undang. Bincangkan.

#### NOTA GURU

Edarkan borang untuk digunakan oleh murid semasa menjalankan aktiviti temu bual.

Mari bermain.

## PENGEMBARAAN BETUL ATAU SALAH

Cara bermain.

1. Tentukan giliran bermain.
2. Gerakkan penanda mengikut turutan.
3. Sekiranya jawapan anda betul, anda dikehendaki maju setapak.
4. Sekiranya jawapan anda salah, anda hilang satu pusingan.
5. Pemenang ialah orang yang paling awal sampai di garisan penamat.



**1**

Barangan yang boleh dikitar semula ialah sampul surat. Betul atau Salah?

Cara untuk menjaga alam sekitar:

- A. Gotong-royong membersihkan longkang.
- B. Mengurangkan penggunaan beg plastik
- C. Mengadakan lawatan ke taman botani

Jawapan: C  
Betul atau Salah?

**4**

Agensi yang bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Betul atau Salah?

**2**

**3**

Tong kitar semula yang berwarna coklat adalah untuk tin minuman. Betul atau Salah?

**10**

Cara untuk mengurangkan pencemaran udara adalah dengan menghentikan pembakaran terbuka. Betul atau Salah?

Aktiviti yang memusnahkan alam ialah penanaman semula.  
Betul atau Salah?

9

Hari Bumi disambut pada 21 April setiap tahun.  
Betul atau Salah?

11

Asap dari kilang ialah punca pencemaran air. Betul atau Salah?

5

Anda ternampak beberapa orang membuang sisa toksik ke dalam sungai. Anda bertindak menghalangnya daripada membuang sisa toksik tersebut.  
Betul atau Salah?

8



7

Kebaikan mengadakan Kempen Menanam Pokok adalah untuk mengurangkan pembuangan sampah. Betul atau Salah?

6

Bagaimakah anda memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih?  
A. Menggunakan sapu tangan  
B. Mengurangkan kertas tisu  
C. Menggunakan kedua-dua belah muka surat semasa menulis  
Jawapan C.  
Betul atau Salah?

# TAMAT

Semua orang perlu menjaga alam sekitar supaya alam bebas daripada pencemaran. Betul atau Salah?

12

**A. Berdasarkan perbualan di bawah, jawab soalan yang diberikan.**

Beberapa orang penduduk Taman Selasih melahirkan kekecewaan mereka terhadap sikap segelintir penduduk di situ.



1. Andaikan anda tinggal di kawasan tersebut. Apakah kesannya terhadap anda dan alam sekitar jika keadaan itu berlarutan?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Pada pendapat anda, apakah yang patut dilakukan bagi menyelesaikan masalah tersebut?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Apakah sikap yang perlu diamalkan untuk memastikan kawasan perumahan sentiasa bersih?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**B. Berdasarkan papan tanda di bawah, huraikan kepentingan semua pihak mematuhi peraturan yang terdapat pada papan tanda tersebut.**



# Unit 12

## REMAJA BERHEMAH HARAPAN NEGARA

Our Founder  
Dr. William T. Kenett

Our Founder  
Celebration in 1973



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- ciri remaja berhemah.
- kepentingan menjadi remaja berhemah.
- kaitan antara remaja berhemah dengan imej negara.
- perasaan bangga menjadi remaja harapan negara.
- perlakuan remaja berhemah dalam masyarakat.

### NILAI

- Rasional
- Harga Diri
- Kebebasan
- Kasih Sayang
- Kesederhanaan

Golongan remaja merupakan aset penting kepada negara pada masa hadapan. Sehubungan dengan itu, remaja perlulah memiliki ciri berhemah seperti yang ditunjukkan dalam slaid di bawah.



PATUH KEPADA AJARAN AGAMA	GIGIH BERUSAHA	BERILMU PENGETAHUAN	BERSEMANGAT PATRIOTIK
<ul style="list-style-type: none"> <li>Berpegang teguh kepada nilai-nilai agama</li> <li>Tidak melakukan perbuatan yang ditegah oleh agama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa berusaha bersungguh-sungguh</li> <li>Tabah menghadapi cabaran</li> <li>Sanggup mengorbankan masa dan tenaga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berdaya saing</li> <li>Mempersiapkan diri dengan teknologi terkini</li> <li>Berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berbangga sebagai rakyat Malaysia <ul style="list-style-type: none"> <li>Menghargai dan mengamalkan budaya bangsa</li> <li>Menjaga dan mempertahankan maruah bangsa dan negara</li> </ul> </li> <li>Bersemangat setia negara <ul style="list-style-type: none"> <li>Sedia berkorban untuk bangsa dan negara</li> <li>Sanggup mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara</li> </ul> </li> <li>Bersemangat kekitaan <ul style="list-style-type: none"> <li>Bersatu padu dan berharmoni</li> <li>Bertolak ansur dan berintegriti</li> </ul> </li> </ul>
		2	3
		1	4

## KEPENTINGAN MENJADI REMAJA BERHEMAH

- Mempunyai jati diri
- Menjadi insan kamil
- Menjaga nama baik negara
- Membantu memajukan negara
- Dihormati dan dipandang mulia
- Memperkuuh perpaduan negara

5

## KAITAN ANTARA REMAJA BERHEMAH DENGAN IMEJ NEGARA

- Meningkatkan imej negara
- Mengharumkan nama negara
- Dipandang mulia dan disegani oleh orang lain

6

## PERLAKUAN REMAJA BERHEMAH DALAM MASYARAKAT

- Berpakaian sopan
- Bertingkah laku sopan
- Menghormati lambang-lambang negara
- Mematuhi peraturan dan undang-undang
- Berusaha bersungguh-sungguh dalam bidang yang diceburi
- Memberikan sokongan dan melibatkan diri dalam pembangunan negara

7

## RUMUSAN

- Remaja berhemah menjadi kebanggaan keluarga dan negara
- Amalkan ciri remaja berhemah dalam kehidupan seharian
- Berbangga menjadi remaja berhemah

8

### RENUNGAN

Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini.



**A. Baca dan fahami teks di bawah.**



Kristina dianugerahi Tokoh Sukarelawan kategori remaja oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang bergiat aktif dalam aktiviti kesukarelawanan. Anugerah tersebut diperoleh kerana dia aktif dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan sama ada pada peringkat sekolah, negeri maupun negara.

Sebagai sukarelawan, Kristina sering melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan seperti menceriakan rumah anak yatim. Dia juga membantu golongan orang kurang upaya masalah penglihatan dengan membaca buku agar mereka menaip bahan tersebut semula dalam huruf *Braille*. Selain itu, Kristina juga sering menyertai program Ziarah Amal Hospital untuk menceriakan pesakit di wad kanak-kanak.

Sejak menyertai aktiviti kesukarelawanan, Kristina berpeluang mempunyai banyak kawan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Anugerah yang diperolehnya membakar semangatnya untuk terus memberikan komitmen dan sumbangan demi agama, bangsa dan negara. Dia berharap agar lebih banyak lagi remaja yang akan menyertai aktiviti kesukarelawanan.



**SOALAN**

1. Apakah ciri-ciri yang perlu ada pada remaja yang ingin menjadi sukarelawan?
2. Remaja yang menyertai aktiviti kesukarelawan boleh menaikkan imej negara. Berikan pendapat anda.



Adakah anda akan menyahut seruan Kristina untuk melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan? Huraikan pendirian anda.

**B. Secara berkumpulan, bincangkan perlakuan berhemah yang sepatutnya anda amalkan dengan berdasarkan situasi yang diberikan. Lengkapkan borang di bawah.**

Beberapa kawasan di tempat tinggal anda dilanda banjir. Banyak harta benda rosak dan musnah. Penghuni di kawasan tersebut telah dipindahkan ke pusat pemindahan banjir tidak jauh dari rumah anda.

**01**

**02**

Anda dan kawan-kawan bermain bola sepak di sebuah padang. Tiba-tiba anda terdengar bunyi dentuman yang kuat. Satu kemalangan telah berlaku. Sebuah kereta telah melanggar seorang kanak-kanak yang sedang mengayuh basikal. Pemandu kereta tersebut mlarikan diri. Kanak-kanak itu cedera parah.

Anda mengikut keluarga ke suatu kawasan rekreasi. Semasa sampai di sebuah pondok, anda ternampak sebuah beg. Di dalam beg tersebut terdapat dua pasport antarabangsa dan beberapa keping duit mata wang negara asing.

**03**


**04**

Anda ternampak seorang wanita sedang mengangkat banyak kotak. Beberapa buah kotak yang dipegangnya terjatuh ke lantai.

#### **BORANG PERLAKUAN BERHEMAH**

Situasi	Perlakuan berhemah yang sepatutnya saya amalkan	Kepentingan mengamalkan perlakuan berhemah	Perasaan apabila mengamalkan perlakuan berhemah
1			
2			
3			
4			

- C. Terdapat segelintir remaja yang terlibat dalam aktiviti yang tidak sihat seperti pergaulan bebas. Aktiviti seperti ini perlu dijauhi oleh remaja kerana memberikan kesan kepada remaja seperti yang dipaparkan dalam peta pemikiran di bawah.



Peta pemikiran menunjukkan sebab akibat pergaulan bebas.

- D. Berdasarkan contoh di atas, hasilkan sebuah peta pemikiran tentang gejala gangsterisme dalam kalangan remaja. Terangkan tindakan yang sepatutnya anda ambil sebagai remaja yang berhemah untuk menjauhi aktiviti yang tidak bermoral.



### SEGMENT SANTAI

Nyatakan beberapa contoh aktiviti tidak bermoral yang perlu dijauhi remaja.

**A. Secara berkumpulan, lakukan aktiviti main peranan dengan berdasarkan situasi di bawah.**

1

Rakan anda mendapat tawaran belajar di luar negara.

**Aktiviti**

Main peranan untuk memberikan nasihat kepada rakan anda supaya mengamalkan perlakuan berhemah semasa berada di luar negara.

2

**Aktiviti**

Main peranan untuk menasihati rakan anda supaya menjadi remaja berhemah.

Rakan anda mengajak anda ponteng aktiviti kokurikulum kerana ingin menyaksikan perlawanan bola sepak yang menjadi kegemaran anda berdua.

3

Rakan mengajak anda menemaninya ke kedai untuk membeli sepasang kasut. Dia bercadang untuk membeli kasut import kerana pada pandangannya barang import berkualiti dan berjenama berbanding dengan kasut buatan Malaysia.

**Aktiviti**

Main peranan untuk meyakinkan rakan anda secara berhemah supaya membeli kasut buatan Malaysia.

4

Semasa bercuti di sebuah pulau, anda dan keluarga tinggal di inap desa. Anda dan keluarga terjumpa dengan beberapa pelancong asing yang turut menginap di sana. Pelancong tersebut meminta pandangan anda tentang makanan dan tempat-tempat yang menarik untuk dilawati.



**SOALAN**

1. Apakah ciri remaja berhemah yang ditunjukkan dalam setiap situasi di atas?
2. Adakah penting bagi seseorang remaja mengamalkan perlakuan berhemah dalam kehidupan? Berikan sebab.

**B. Kumpulkan maklumat tentang remaja pelbagai kaum yang berjaya mengharumkan nama sekolah atau negara dalam pelbagai bidang. Hasilkannya satu biodata tentang mereka dengan menggunakan borang di bawah.**

### **BORANG MAKLUMAT REMAJA HARAPAN NEGARA**

Nama : \_\_\_\_\_

Kaum : \_\_\_\_\_ Agama: \_\_\_\_\_

Umur: \_\_\_\_\_ Sekolah: \_\_\_\_\_

Pencapaian (sekolah/negeri/kebangsaan/antarabangsa):

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

Perasaan beliau apabila mendapat Anugerah Remaja Harapan Negara:

  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Nasihat beliau kepada remaja lain:

  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Ciri remaja berhemah yang boleh saya teladani daripada beliau:

1. \_\_\_\_\_

2. \_\_\_\_\_

3. \_\_\_\_\_

● *Refleksi Diri:* ●

Apakah perasaan anda apabila membaca berita tentang kejayaan remaja negara kita di luar negara? Mengapa?



**A. Secara berkumpulan, bincangkan kepentingan amalan berhemah dalam situasi di bawah.**

**Remaja menghadiri majlis Hari Anugerah Cemerlang peringkat sekolah**

- Berpakaian sopan
- Tidak berbuat bising semasa majlis berlangsung
- Berjalan dengan sopan ke arah pentas
- Mengucapkan terima kasih selepas menerima hadiah
- Mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah

**Remaja berurusan di pejabat pos**

- Mengucapkan salam
- Memberikan senyuman
- Menggunakan bahasa yang sopan
- Menggunakan nama panggilan seperti encik atau puan
- Sabar menunggu giliran
- Mengucapkan terima kasih

**Remaja berada di tempat beribadat**

- Tidak berbuat bising
- Menjaga kebersihan tempat beribadat
- Memakai pakaian yang sesuai
- Mematuhi peraturan di tempat beribadat
- Tidak bercakap dengan suara yang kuat

**Remaja bersama pemimpin negara**

- Memberikan senyuman
- Mengucapkan salam
- Menggunakan panggilan yang sesuai seperti Yang Berhormat
- Bertingkah laku sopan
- Menggunakan bahasa yang sopan



**SOALAN**

Nyatakan perasaan anda apabila mengamalkan perlakuan berhemah dalam setiap situasi.

## B. Mari bermain.

<b>MULA DI SINI (300 POIN)</b>	<b>1</b> Anda menggunakan bahasa yang sopan semasa bercakap dengan orang lain. + 50 poin	<b>2</b>	<b>3</b> Anda menganjurkan kutipan derma untuk membantu golongan miskin. +80 poin	<b>4</b>
<b>27</b> Anda mengambil bahagian dalam aktiviti sambutan Hari Kebangsaan peringkat negara. +80 poin	<b>ALATAN</b> 1. Dadu 2. Penanda 3. Pensel atau pen 4. Kertas kosong	<b>BILANGAN PEMAIN</b> • Bebas	<b>PETUNJUK</b> • + Tambah poin • - Tolak poin	<b>DALAM KELAS TAHANAN DAN CARA KELUAR</b> • Pemain yang dihantar ke kelas tahanan akan hilang satu pusingan dan didenda 100 poin sebelum dibenarkan bermain semula.
<b>26</b>	<b>KELAS TAHANAN</b> -100 poin	<b>HILANG SATU PUSINGAN</b> • Pemain akan hilang satu pusingan dan didenda 30 poin.		
<b>25</b> Anda tidak suka melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. -90 poin	<b>21</b> Anda telah menjuarai pertandingan bahas peringkat antarabangsa. Syabas! Anda mengharumkan nama negara. + 150 poin	<b>20</b> Anda tidak menyiapkan projek yang diberikan oleh guru. -90 poin		<b>19</b>
<b>24</b> Anda menasihati rakan supaya tidak terlibat dalam pergaulan bebas. + 50 poin				

<b>5</b>	<b>6</b> Anda berpakaian tidak sesuai semasa menghadiri kem membaca peringkat negara. -100 poin	<b>7</b>	<b>8</b> Anda berlatih bersungguh-sungguh untuk memenangi pertandingan yang anda sertai. + 90 poin	<b>9</b> <b>KE KELAS TAHANAN</b> (Pergi ke petak 23)
	<b>CARA BERMAIN</b>			<b>10</b> Anda tidak suka menyertai aktiviti kokurikulum di sekolah anda. -80 poin
	1. Guru menetapkan masa untuk bermain. 2. Setiap pemain akan diberi 300 poin. 3. Setiap pemain bergilir-gilir melemparkan dadu. Pemain yang mendapat angka paling tinggi akan memulakan permainan di petak "MULA DI SINI". 4. Semua pemain akan bermain mengikut giliran. 5. Setiap pemain akan melemparkan dadu dan menggerakkan penanda mengikut bilangan angka yang tertera pada dadu. 6. Setiap kali pemain berhenti di petak "MULA DI SINI" atau lalu di situ, dia akan mendapat 300 poin lagi. 7. Permainan diteruskan sehingga masa yang diberikan oleh guru tamat. 8. Pemain yang dapat mengumpul poin yang paling tinggi akan menjadi juara remaja berhemah.			<b>11</b>
<b>12</b>				<b>BERGERAK KE PETAK 15</b>
<b>13</b>				Anda berbangga menjadi remaja harapan negara. + 30 poin
<b>18</b>	<b>17</b> Anda menyerahkan telefon bimbit yang anda jumpa di kaunter pasar raya. +80 poin	<b>16</b> <b>HILANG SATU PUSINGAN</b> -30 poin	<b>15</b>	<b>14</b> Anda seorang remaja yang bertanggungjawab. + 40 poin

A. Lengkapkan peta minda di bawah dengan jawapan yang sesuai.



B. Terangkan kepentingan anda mengamalkan perlakuan berhemah berdasarkan situasi di bawah.

- 1 Semasa berurusan di pejabat sekolah Kepentingan
- 2 Semasa berurusan di jabatan kerajaan Kepentingan
- 3 Semasa mewakili negara dalam program pertukaran pelajar ke luar negara Kepentingan

# Unit 13

## PATUHI ETIKET KELUARGA HARMONI



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- pelbagai etiket di rumah.
- kepentingan etiket di rumah.
- kesan sekiranya etiket di rumah tidak dipatuhi.
- cara menzahirkan perasaan apabila mengamalkan etiket di rumah.
- cara mempraktikkan etiket di rumah sebagai amalan dalam kehidupan harian.

### NILAI

- Hormat
- Rasional
- Hemah Tinggi
- Kesederhanaan
- Bertanggungjawab

Etiket bermaksud peraturan tingkah laku atau sopan santun sama ada dalam kehidupan harian, dalam hubungan antara satu sama lain atau dalam majlis yang berbentuk formal atau tidak formal. Etiket di rumah merupakan peraturan tingkah laku atau sopan santun yang diamalkan dalam kehidupan harian bagi keluarga masing-masing. Etiket di rumah disampaikan secara lisan atau bertulis oleh ibu bapa dan anggota keluarga yang lebih tua seperti datuk atau nenek. Etiket yang diamalkan sejajar dengan peraturan dan norma masyarakat.



Di rumah, kita ada beberapa etiket yang perlu diamalkan. Contohnya etiket di meja makan.

Kita juga ada etiket menghormati keluarga, etiket menggunakan peralatan di rumah dan etiket melayan tetamu.

Ibu gembira kerana jiran memuji kamu berdua mengamalkan etiket melayan tetamu.

Terdapat pelbagai etiket di rumah yang perlu diamalkan oleh anggota keluarga bagi menjaga keharmonian dalam institusi kekeluargaan. Antara contoh etiket di rumah adalah seperti yang berikut.



### **Etiket Menghormati Keluarga**

- Memanggil anggota keluarga dengan panggilan yang betul. Contoh: kakak, adik, mak cik dan datuk.
- Menerima nasihat dan tidak menyinggung perasaan anggota keluarga.
- Bersuara lembut dan berbahasa sopan semasa bertutur.
- Meminta pandangan dan mendengar nasihat daripada anggota keluarga.
- Memberikan layanan yang baik kepada mereka yang lebih tua daripada kita.

### **Etiket di Meja Makan**

- Berpakaian bersih dan kemas di meja makan.
- Makan apabila semua anggota keluarga sudah hadir di meja makan.
- Mendahulukan orang yang lebih tua mengambil makanan.
- Mengambil makanan yang terdekat dengan anda.
- Mengambil makanan secukupnya dan tidak berlebihan.
- Mengunyah makanan dengan mulut tertutup dan tidak mengeluarkan bunyi.
- Menutup mulut sekiranya bersin.

### **Etiket Menghormati Tetamu**

- Mengukir senyuman manis semasa menyambut kehadiran tetamu.
- Bersalam mengikut kesesuaian.
- Mempersilakan tetamu masuk ke rumah.
- Memberikan layanan yang baik dan ikhlas terhadap tetamu.
- Menghidangkan makanan kepada tetamu.
- Menjemput tetamu makan.

Etiket dikatakan peraturan dan cara hidup yang benar serta beretika kerana berjaya mendidik kita untuk memelihara hubungan baik antara satu sama lain. Misalnya, dengan mematuhi etiket menghormati tetamu, kita telah mengambil kira perasaan tetamu yang mendapat layanan baik semasa berkunjung ke rumah kita. Yang berikut merupakan kepentingan mematuhi etiket di rumah.



Dalam usaha mendidik dan memupuk nilai murni serta etiket di rumah, ibu bapa mungkin menghadapi masalah terutama bagi menyediakan anak-anak dengan budaya hidup dan peraturan. Oleh itu, kesabaran ibu bapa semasa dalam usaha mendidik anak-anak harus dihargai dan dipatuhi oleh anak-anak demi mengekalkan keharmonian hidup dalam keluarga. Ibu bapa sudah tentu akan berasa gembira dan bangga apabila melihat anak-anaknya bersopan santun menghormati anggota keluarga dan tetamu yang berkunjung ke rumah.

### A. Deklamasikan puisi di bawah.



Kata ayahandaku  
Dalam keluarga kita ada etiket

Yang menjadi amalan setiap anggota keluarga  
Mematuhi etiket membawa hidup aman sejahtera  
Melanggar etiket menjelaskan hubungan yang ada

Kata bondaku  
Kita ada etiket di meja makan  
Jemputlah ayahanda bonda sebelum makan  
Kita juga ada etiket menghormati keluarga  
Terima teguran kakak dan abang tanpa berkira  
Kita ada etiket menghormati tetamu  
Mereka yang berkunjung perlulah dijamu

Kata nendaku  
Mematuhi etiket di rumah  
Meningkatkan keyakinan di mana sahaja berada  
Mematuhi etiket di rumah  
Menjulang maruah diri dan keluarga  
Hidup berasa gembira perasaan pun lega



Kataku pada keluarga  
Etiket di rumah sentiasa menjadi amalan  
Anggota keluarga yang tua, sentiasa kuhormati  
Anggota keluarga yang kecil, sentiasa kusayangi  
Keakraban yang terjalin membina keluarga harmoni

Kataku pada keluarga  
Tetamu berkunjung akan kusambut mesra  
Duduk bersopan layanan diberikan  
Tidak lupa hidangan disaji  
Persilakan tetamu makan seikhlas hati

Kata ayahanda bonda  
Bangganya hati mendengar janjiku itu  
Jadikan etiket di rumah sebagai amalan  
Menjulang nama baik keluarga di mana juar berada



### SOALAN

1. Jelaskan contoh etiket menghormati keluarga yang terdapat dalam puisi.
2. Nyatakan perasaan anda apabila mengamalkan etiket di rumah.



Ramalkan kesan sekiranya anda tidak mematuhi etiket di rumah.

## B. Mari bermain.

### Cara Menjalankan Permainan

Lokasi permainan: Padang/Kawasan yang luas

#### Alatan Permainan

1. Kad situasi bagi setiap stesen.
2. Peralatan seperti kerusi, meja dan makanan (biskut, air).
3. Wisel bagi enam orang pengadil yang berada di enam stesen.
4. Kad markah bagi setiap kumpulan yang bertanding.

#### Cara Bermain


1. Lantik enam orang murid sebagai pengadil untuk berada di enam stesen. Setiap pengadil diberi satu kad situasi.
2. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga hingga empat orang dan dilantik seorang ketua.
3. Ketua kumpulan diberi sekeping kad markah. Ketua kumpulan diminta mencabut nombor bagi menentukan stesen pertama yang harus disinggahi.
4. Pengadil akan meniup wisel sekali dan memberikan markah kepada kumpulan sekiranya jawapan yang diberikan adalah betul. Kumpulan tersebut akan bergerak ke stesen seterusnya.
5. Jika jawapannya salah, wisel akan ditiup dua kali. Ahli kumpulan perlu menjawab soalan sehingga betul sebelum dibenarkan bergerak ke stesen seterusnya.
6. Kumpulan yang berjaya mendapat markah paling banyak dan berjaya singgah di semua stesen dalam masa yang paling cepat dianggap pemenang.



# STESEN 1

## ETIKET DUDUK

1. Yang manakah etiket duduk yang betul?
2. Demonstrasikan etiket duduk yang betul. (Sediakan kerusi)
3. Ramalkan satu kesan jika anda tidak mematuhi etiket duduk.



# STESEN 4

## ETIKET MENGHORMATI KELUARGA

Kamu balik dari sekolah dalam keadaan lapar. Apabila membuka tudung saji, kamu dapati tiada makanan disediakan oleh ibu. Main peranan cara kamu bertanya kepada ibu.

# STESEN 5

## MAIN PERANAN ETIKET DI MEJA MAKAN

1. Tunjukkan cara susun atur set makan di meja makan.
2. Tunjukkan etiket di meja makan  
(Peralatan yang diperlukan: roti atau biskut, sudu, garpu, cawan, piring, kerusi dan meja)

Markah diberikan berdasarkan:

- tangan kanan yang memegang makanan
- tiada bunyi yang keluar semasa mengunyah makanan

# STESEN 6

## ETIKET MENGHORMATI TETAMU

Kawan bapa berkunjung ke rumah. Tunjukkan etiket kamu ketika menyambut tetamu tersebut.

## STESEN 2

### ETIKET MENGHORMATI KELUARGA

1. Lakonkan contoh etiket menghormati keluarga yang anda amalkan.
2. Terangkan kepentingan etiket itu diamalkan.

## STESEN 3

### ETIKET BERJALAN

1. Mengapa kita tidak patut berjalan menghentakkan kaki dengan kuat atau mengheret kaki ketika berjalan? Berikan alasan.
2. Demonstrasikan etiket berjalan yang sepatutnya.
  - Ayunkan langkah kaki dengan sewajarnya.
  - Berjalan dengan tegak.
  - Memandang ke hadapan.



### SOALAN

Apakah pengajaran yang anda dapat daripada permainan ini?

#### NOTA GURU

Permainan ini harus dirancang lebih awal kerana memerlukan persediaan peralatan. Guru juga perlu memberikan taklimat dan jawapan kepada pengadil. Permainan ini juga boleh dimainkan dalam kelas bergantung kepada kreativiti guru.

Baca dan fahami maklumat di bawah. Secara berkumpulan, cari maklumat lain bertemakan etiket di rumah bagi mengadakan aktiviti jelajah ilmu.

### ETIKET MENJAWAB TELEFON

- Menjawab panggilan telefon dengan segera apabila telefon berdering.
- Berbicara dengan jelas, sopan dan mesra.
- Mengucapkan terima kasih dan salam sebelum meletakkan telefon.
- Meletakkan gagang telefon dengan perlahan jika menggunakan talian tetap.

### ETIKET MENGGUNAKAN TANDAS DI RUMAH

- Berhati-hati semasa berjalan di dalam tandas yang lantainya licin atau basah.
- Memastikan tisu atau benda tidak dibuang ke dalam singki atau mangkuk tandas.
- Memastikan tandas dipam selepas menggunakannya.
- Memastikan paip air sentiasa ditutup selepas menggunakannya.
- Memastikan lantai tandas sentiasa bersih sebelum keluar dari tandas.

### ETIKET MENGGUNAKAN PERALATAN DI RUMAH

- Mengambil barang yang hendak digunakan dengan cermat dan berhati-hati.
- Meletakkan dan menyusun peralatan yang telah digunakan di tempat yang sepatutnya secara teratur.
- Sekiranya peralatan yang digunakan telah kotor, lap atau bersihkan peralatan sebelum disimpan.
- Sekiranya peralatan yang digunakan telah rosak, lapor dan minta izin daripada ibu bapa sebelum membuang peralatan tersebut.

## Langkah Mengadakan Aktiviti Jelajah Ilmu

Bahagikan murid kepada lima kumpulan.

Setiap kumpulan perlu mengumpul maklumat tentang etiket di rumah. Contoh: etiket di meja makan, etiket duduk, etiket menonton televisyen, etiket makan dan etiket melayan tetamu.

Persembahkan maklumat yang dikumpul pada kertas sebak atau kad manila secara kreatif dan menarik.

Pamerkan maklumat tersebut pada sudut yang telah ditetapkan mengikut kumpulan masing-masing.

Murid-murid akan melawat ke setiap stesen. Wakil kumpulan akan memberikan penjelasan tentang maklumat yang dikumpulkan. Ahli kumpulan lain yang melawat ke setiap stesen dibenarkan untuk memberikan maklumat tambahan. Kumpulan yang memberikan penjelasan dengan baik akan diberi bintang.

Umumkan kumpulan terbaik berdasarkan maklumat yang jelas, persembahan yang kreatif serta mendapat paling banyak bintang.



### SOALAN

1. Apakah faedah yang anda peroleh daripada aktiviti jelajah ilmu yang diadakan?
2. Pernahkah anda melanggar etiket di rumah? Jelaskan kesan apabila etiket tersebut tidak dipatuhi.



Anak-anak yang mematuhi etiket di rumah mampu mengharumkan nama baik keluarga. Bincangkan.

### NOTA GURU

Aktiviti jelajah ilmu ini harus dirancang awal. Berikan tempoh masa yang sesuai supaya murid mempunyai masa yang cukup membuat persediaan bagi mengumpul maklumat. Galakkan murid berkongsi maklumat dengan sahabat pelbagai kaum supaya murid boleh mengetahui perbezaan etiket di rumah dalam masyarakat majmuk.

**Baca dan fahami cerita di bawah.**

Si Comel tinggal bersama-sama ibunya berhampiran dengan sebuah hutan. Semasa ibunya bekerja, Si Comel akan menyapu lantai, menjemur baju yang telah dicuci oleh ibunya dan mengemas ruang tamu mengikut pesanan ibunya.



Suatu hari, Si Comel mendapat berita bahawa neneknya telah jatuh sakit. Si Comel ingin menziarahi dan menjaga neneknya. Sebelum keluar rumah, ibunya berpesan kepada Si Comel supaya sentiasa berhati-hati ketika dalam perjalanan. Si Comel juga tidak dibenarkan singgah di mana-mana atau bercakap dengan orang yang tidak dikenali.





Si Comel terlupa dan tidak mematuhi etiket yang diberikan oleh ibunya kerana singgah melihat bunga-bunga yang cantik di hutan. Apabila didatangi seorang lelaki yang tidak dikenali, dia telah berbual-bual dengan lelaki tersebut. Si Comel bercerita mengenai neneknya yang sakit dan tinggal seorang diri di rumah. Dia juga telah memberikan alamat rumah neneknya apabila ditanyakan oleh lelaki tersebut.



### SOALAN

Ramalkan kesudahan cerita sekiranya Si Comel:

1. mematuhi etiket semasa berada di luar rumah.
2. tidak mematuhi etiket semasa berada di luar rumah.

### Refleksi Diri:

Sekiranya anda Si Comel, apakah yang akan anda lakukan dalam perjalanan ke rumah nenek ?



### RENUNGAN

Tingginya darjat seseorang adalah pada akal dan adabnya.



**A. Jawab soalan di bawah.**

Bil.	Perlakuan di rumah	Tandakan (✓) pada perlakuan yang menunjukkan etiket di rumah	Kebaikan mengamalkan etiket di rumah	Akibat tidak mengamalkan etiket di rumah
1.	Bertutur dengan lembut dan sopan.			
2.	Menonton televisyen sehingga lewat malam.			
3.	Mengucapkan terima kasih apabila menerima bantuan.			
4.	Menjemput anggota keluarga makan sebelum anda makan.			
5.	Bermain gajet sambil makan.			
6.	Bercakap ketika mulut penuh dengan makanan			
7.	Mengelap pinggan supaya bersih sebelum dihidang kepada tetamu.			
8.	Semasa berbual, sabar mendengar pendapat tetamu tanpa mencelah.			
9.	Duduk dengan menjulurkan kaki semasa berbual dengan tetamu.			

**B. Etiket menghormati keluarga merupakan etiket di rumah yang paling penting dalam sesebuah keluarga. Huraikan pendapat anda.**


---



---

# Unit 14

## HINDARI KETAGIHAN HIDUP SEJAHTERA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- contoh perlakuan ketagihan yang membawa mudarat.
- kesan ketagihan terhadap diri remaja.
- cara mengatasi dan menghindari ketagihan yang memudaratkan remaja.
- menzahirkan perasaan apabila ketagihan yang memudaratkan diri dapat diatasi.
- cara mengamalkan gaya hidup sihat supaya bebas daripada ketagihan.


### NILAI

- Rasional
- Harga Diri
- Kebebasan
- Kasih Sayang
- Kesederhanaan

Remaja merupakan harapan negara yang seharusnya menjalani kehidupan secara sihat dan beretika. Namun, terdapat sebahagian remaja memilih gaya hidup yang tidak sihat sehingga terlibat dengan ketagihan yang memudaraskan diri seperti merokok, berjudi, minum arak dan melayari Internet tanpa batasan. Ketagihan ini sepatutnya dihindari oleh remaja kerana remaja akan berasa gian dan sanggup menghabiskan wang untuk memenuhi keinginannya. Perasaan gian yang dialami menyebabkan remaja tidak dapat mengawal diri dan fikiran, terdedah kepada pergaulan yang tidak sihat, menimbulkan masalah sosial sehingga menjaskankan pelajaran, maruah dan masa depan remaja.

## KETAGIHAN MEROKOK

Sebagai remaja yang mengutamakan kesihatan, mereka sudah tentu akan menjauhi rokok kerana rokok mengandungi banyak bahan beracun yang boleh menyebabkan penyakit berbahaya. Didapati 90% mangsa yang mati akibat kanser paru-paru terdiri daripada perokok. Selain itu, nikotin yang terdapat pada rokok akan menyebabkan perokok mengalami ketagihan.




### GERBANG MINDA

Tahukah anda?

- Satu kesalahan jenayah bagi remaja untuk merokok, membeli rokok atau memiliki bahan yang dihasilkan daripada tembakau.
- Merokok dilarang di tempat awam seperti sekolah, hospital, klinik, bangunan kerajaan, lif, di dalam kapal terbang dan pawagam.
- Gian bermaksud sangat ingin akan sesuatu, ketagih.


Yang berikut merupakan kesan ketagihan merokok yang dialami oleh seseorang remaja.



Bahan beracun yang terdapat dalam rokok dan pengambilan tembakau telah menyebabkan perokok meninggal dunia sebelum usia tua. Oleh itu, amalkan gaya hidup sihat dengan membebaskan diri daripada ketagihan merokok. Cara yang boleh dilakukan oleh remaja bagi mengatasi ketagihan adalah seperti yang berikut.



# Ketagihan Penggunaan Internet



Internet juga boleh menyebabkan ketagihan dan membahayakan kesihatan jika dilayari secara berlebihan. Remaja sepatutnya bertanggungjawab ketika menggunakan Internet agar mendatangkan kebaikan kepada mereka. Mereka perlu mengelakkan diri daripada melayari Internet terlalu lama. Perbuatan melayari Internet tanpa had telah menjadikan remaja ketagihan terhadap laman sosial seperti Facebook, twitter dan Instagram. Perlakuan ini memberikan kesan yang buruk kepada remaja.

## KESAN KETAGIHAN INTERNET TERHADAP REMAJA

Kesihatan terjejas seperti mata menjadi rabun dan wujud obesiti.

Pencemaran minda kerana mudah terdedah kepada maklumat yang tidak berfaedah.

Berasa letih, mengantuk, lemah badan dan hilang tumpuan terhadap pelajaran.

Leka dan membuang masa sehingga mengabaikan tanggungjawab.

Ketagihan Internet mendorong kesan buruk kepada remaja seperti mengurung diri dalam bilik sehingga mengabaikan masa berkualiti bersama keluarga. Oleh itu, langkah drastik haruslah dilakukan untuk mengelakkan remaja terjerumus dalam masalah yang lebih serius. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh remaja adalah seperti yang berikut.



## KETAGIHAN ARAK

Selain itu, remaja juga terdedah kepada ketagihan arak. Pengambilan minuman beralkohol sepatutnya tidak dilakukan oleh remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana selain memabukkan, arak juga tergolong sebagai dadah, yang dapat memberikan kesan kepada sistem saraf dan otak. Kandungan bahan kimia dalam arak bertindak balas dan memberikan kesan terhadap tubuh badan anda seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah.

## Kesan Ketagihan Arak Terhadap Remaja

### Hilang Pertimbangan Diri

Contoh: Mudah marah sehingga boleh mencederakan ahli keluarga.

### Kesihatan Terjejas

Contoh: Penyakit gastrik, hilang ingatan dan koma.

### Masa Depan Terjejas

Contoh: Didenda dan dibuang sekolah.

### Hilang Harga Diri

Contoh: Tidak disukai kawan

Berdasarkan kesan buruk yang memudaratkan diri, remaja sewajarnya mengetahui cara untuk mengatasi masalah ketagihan arak.



Sebagai remaja yang beretika, anda harus menyayangi diri dengan tidak terlibat dalam perlakuan ketagihan yang memudaratkan diri.



### RENUNGAN

Mengetahui perkara yang betul tidak memadai dan bermakna jika tidak melakukan perkara yang betul.

**A. Adakah anda seorang yang ketagihan menggunakan media sosial? Baca dan fahami pernyataan di bawah. Tandakan (✓) jika Ya dan (✗) jika Tidak.**

Bil.	Penyataan	Ya	Tidak
1.	Saya selalu menggunakan media sosial lebih lama dari masa yang dirancang.		
2.	Saya selalu mengabaikan tugas dan tanggungjawab yang diberikan apabila melayari media sosial.		
3.	Saya selalu tidak sedar perkara yang berlaku di sekeliling kerana terlalu seronok melayari media sosial.		
4.	Saya kerap dimarahi oleh ibu bapa kerana terlalu lama melayari media sosial.		
5.	Pencapaian saya di sekolah merosot kerana terlalu lama menggunakan media sosial.		
6.	Saya mesti menggunakan media sosial terlebih dahulu sebelum membuat tugas lain.		
7.	Hidup saya pasti bosan dan menjemu tanpa media sosial.		
8.	Saya berasa mengantuk di sekolah kerana melayari media sosial sehingga lewat malam.		
9.	Saya kerap rasa terganggu, tidak selesa dan marah jika ada yang menyapa saya ketika saya sedang asyik melayari media sosial.		
10.	Saya cuba mengurangkan masa melayari media sosial tetapi gagal.		
11.	Saya kerap memilih untuk terus melayari media sosial daripada makan atau keluar bersama-sama keluarga.		
12.	Saya berasa murung, tertekan atau gemuruh apabila tidak dapat melayari media sosial.		
Jumlah			

Jumlahkan jawapan yang ditandakan ‘Ya’.

- 0-5: Tahniah! Anda menggunakan media sosial dengan bijak. Kemudahan media sosial benar-benar memanfaatkan anda.
- 6-7: Anda sedang menuju ke arah mengalami masalah disebabkan media sosial. Anda perlu segera bertindak dan menyedari kesan buruk ketagihan media sosial terhadap diri anda.
- 8-12: Anda ketagihan menggunakan media sosial. Anda perlu segera mendapatkan bantuan untuk mengatasi masalah ketagihan.

**B. Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda ketagihan menggunakan media sosial, apakah langkah awal yang harus anda lakukan?**

 *Refleksi Diri:*

Apakah perasaan anda apabila membaca berita banyak remaja terlibat dalam ketagihan menggunakan media sosial? Nyatakan alasan anda.

**C. Baca dan fahami situasi di bawah dan nyatakan kesan yang berlaku akibat perlakuan ketagihan yang memudaratkan diri dengan menggunakan peta pemikiran. Cadangkan cara untuk menyelesaikan masalah ketagihan tersebut.**

1. Josephine asyik berlatih bermain bola tampar bersama-sama rakan sehingga selalu lambat balik ke rumah. Apabila tiba di rumah, dia berasa letih dan tidak menolong ibunya menjaga adik. Josephine juga tidak dapat menyiapkan kerja sekolah kerana dia hilang tumpuan dan kepenatan akibat menyertai latihan bola tampar.
2. Setiap hari Echai akan menonton televisyen berjam-jam lamanya. Dia selalu lambat tiba ke sekolah. Dia telah diberi surat amaran oleh guru disiplin.
3. Meena diizinkan membuka media sosial oleh bapanya setelah dia berjanji akan melayarinya pada hari minggu sahaja. Bagaimanapun, Meena tidak menuaikan janjinya. Setiap hari, dia bersempang dengan rakan-rakannya melalui media sosial. Meena telah ditegur oleh ibu bapanya kerana tidak mempunyai masa untuk bersama-sama keluarga.

### **Contoh penyelesaian**

Josephine asyik berlatih bermain bola tampar

Berasa penat dan tidak membantu ibunya

Tidak membuat kerja sekolah kerana hilang tumpuan

- Pelajaran merosot
- Dimarahi ibu
- Ditegur guru

Peta pemikiran menunjukkan kesan ketagihan Josephine.

### **Cadangan penyelesaian masalah ketagihan Josephine**

1. Josephine perlu mengurangkan masa berlatih bermain bola tampar dengan membuat jadual waktu.
2. Bersikap sederhana dengan menyeimbangkan jadual untuk kokurikulum dan kurikulum.

- A. Kumpulkan maklumat dan adakan satu pameran mini di sekolah anda bertemakan “Ketagihan Membawa Mudarat”.**

## Ketagihan Berjudi Memusnahkan Diri Anda

### Apakah maksud ‘judi’ ?

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, judi bermaksud permainan dengan memakai wang dan lain-lain sebagai taruhan. Hal ini bermaksud pemain yang terlibat akan menggunakan harta atau material lain sebagai taruhan. Pihak yang menang akan mengambil dan merampas harta atau material daripada pihak yang kalah. Pihak yang kalah pula akan kehilangan harta atau material. Dengan berdasarkan perbuatan yang merugikan ini, tabiat berjudi menjadi larangan dalam setiap agama.

### Apakah kesan ketagihan berjudi?

- Tidak dapat memberikan tumpuan kepada perkara lain.
- Gangguan emosi kerana risau dan gelisah untuk mendapatkan wang.
- Sanggup berbohong, mencuri atau menjatuhkan maruah diri untuk mendapatkan wang.
- Terdedah kepada pelbagai masalah sosial apabila berkawan dengan rakan yang negatif.
- Menjejaskan masa depan apabila ditangkap polis atau dibuang sekolah.

### Cara Menjalankan Aktiviti

1. Bahagikan tugas kepada setiap ahli untuk mengurus persiapan tempat bagi mengadakan pameran, bahagian promosi dan bahagian menyediakan maklumat untuk pameran.
2. Cari maklumat berikut:
  - Ketagihan rokok, arak, Internet.
  - Kesan ketagihan yang memudaratkan diri, keluarga dan negara.
  - Cara mengelakkan diri daripada ketagihan.
  - Amalan gaya hidup sihat.
3. Maklumat yang dipamerkan haruslah tepat, sahih dan dipersembahkan secara kreatif.

### NOTA GURU

Galakkan murid mengumpul maklumat melalui pelbagai sumber seperti buku rujukan, Internet dan temu bual dengan pihak yang terlibat. Berikan masa yang mencukupi bagi murid menyiapkan pameran tersebut.

B. Berdasarkan jadual yang disediakan, buat analisis kesan daripada ketagihan dan cadangkan langkah-langkah untuk mengelakkan diri daripadanya.


JADUAL ANALISIS KESAN KETAGIHAN DAN CADANGAN MENGATASINYA			
Perlakuan yang memudaraskan	Kesan		Cadangan mengatasi
	Diri	Keluarga	
<b>Berjudi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kehabisan wang</li> <li>• Ber hutang</li> <li>• Dipandang rendah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak bahagia</li> <li>• Menjatuhkan maruah keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak berkawan dengan rakan yang berjudi</li> <li>• Katakan 'Tidak' pada ajakan rakan untuk berjudi</li> </ul>
<b>Minum arak</b>			
<b>Menghisap rokok</b>			
<b>Ketagih Internet</b>			
<b>Ketagih menonton televisyen</b>			
<b>Ketagihan lain (Nyatakan)</b>			

C. Kongsi hasil dapatan anda dan rakan tentang kesan ketagihan dan cara mengatasinya. Bentangkan.



Pada pendapat anda, jenis ketagihan yang manakah yang paling banyak berlaku dalam kalangan remaja? Mengapa?

Berdasarkan kad yang disediakan, cantumkan kad tersebut untuk mendapatkan cogan kata yang hendak disampaikan.



### Cara Menjalankan Aktiviti

1. Setiap kumpulan terdiri daripada tiga hingga empat orang murid.
2. Ketua kumpulan mengambil kad cantuman daripada guru dan mencantumkan kad tersebut bersama-sama ahli kumpulan.
3. Bincangkan mesej yang terdapat pada kad cantuman tersebut.



### SEGMENT SANTAI

Sekiranya anda mempunyai tanda-tanda ketagihan, kepada siapakah anda meminta bantuan?



1. a. Nyatakan dua contoh perbuatan ketagihan yang memudaratkan remaja.

- 
- b. Jelaskan kesan ketagihan terhadap:

i. diri

---

ii. keluarga


---

- c. Cadangkan cara untuk menghindari diri daripada ketagihan yang memudaratkan remaja.
- 
- 

2. Pada pendapat anda, mengapakah remaja tidak wajar terlibat dalam perbuatan negatif yang menyebabkan ketagihan?
- 
-

# Unit 15

## PATUHI PERATURAN SEKOLAH



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- peraturan sekolah.
- kesan jika tiada peraturan di sekolah.
- akibat jika peraturan sekolah dilanggar.
- kepentingan mematuhi peraturan sekolah demi mengekalkan keharmonian sekolah.
- cara menzahirkan perasaan apabila mematuhi peraturan sekolah.
- perlunya memberikan kerjasama dalam pelaksanaan peraturan sekolah tanpa mengira kaum.

### NILAI

- Hormat
- Rasional
- Toleransi
- Kebebasan
- Kerjasama
- Hemah Tinggi
- Bertanggungjawab

Tatacara ialah peraturan yang baik dan telah ditetapkan serta harus dipatuhi. Di sekolah terdapat peraturan atau undang-undang yang perlu dipatuhi oleh murid. Tujuan diadakan peraturan ini adalah untuk mengekalkan ketenteraman, keharmonian dan kelancaran aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah.

## Kesan Jika Tiada Peraturan Sekolah



### **Persekutaran Sekolah:**

Kotor dan sampah merata-rata.

### **Kesihatan:**

Warga sekolah menghidap penyakit kerana persekitaran yang kotor.

### **Keselamatan:**

Perasaan tidak selamat dan rasa risau kerana tiada penguatkuasaan undang-undang.

### **Pembelajaran dan Pengajaran:**

Tidak berkesan dan terganggu dengan sikap murid yang tidak akur akan arahan guru.

### **Disiplin:**

Berlakunya pergaduhan, perbuatan vandalisme, kecurian, buli dan pelbagai salah laku yang mengganggu kesejahteraan hidup warga sekolah.

## KEPENTINGAN PERATURAN SEKOLAH

Melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Membentuk akhlak murid yang terpuji dan berdisiplin.

Mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan hidup warga sekolah.

Merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berakhlaq mulia.

Memupuk perpaduan antara kaum.

Peraturan sekolah sangat penting bagi memastikan pengurusan di sekolah dapat dilaksanakan secara teratur dan mencapai matlamat yang dirancang. Yang berikut ialah contoh peraturan sekolah dan akibat melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.



Sebagai remaja yang berfikiran matang, sudah tentu dapat membuat pilihan sama ada menjadi murid yang mematuhi peraturan sekolah atau sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak kesan positif apabila menjadi seorang remaja yang berdisiplin dan mematuhi peraturan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



### Ikrar saya untuk mengekalkan keharmonian sekolah

- Sentiasa mematuhi peraturan sekolah.
- Melibatkan diri dalam kempen dan program yang diadakan.
- Memberikan nasihat kepada sahabat yang terlibat dalam salah laku supaya berubah sikap.
- Bergaul mesra dengan warga sekolah tanpa mengira perbezaan kaum.
- Bersopan santun ketika bertutur supaya tidak menyinggung perasaan orang lain.

Mematuhi peraturan sekolah sepatutnya dapat dilakukan oleh semua warga sekolah demi kebaikan bersama. Murid yang mematuhi peraturan sekolah akan dihormati ramai. Selain itu, dengan berdisiplin dan mematuhi peraturan sekolah, murid juga mudah memberikan tumpuan terhadap pelajaran dan mencapai kejayaan dalam perkara yang dilakukan. Kegagalan mematuhi peraturan dan undang-undang membawa banyak kesan negatif terhadap murid dan menyebabkan murid mudah terlibat dengan gejala sosial yang menjelaskan masa depan mereka.



Mereka yang tidak boleh mematuhi peraturan bererti tidak boleh menjadi pemimpin.

Benjamin Franklin

A. Berdasarkan jadual di bawah, buat analisis tentang kebaikan mematuhi peraturan sekolah dan akibat tidak mematuhi peraturan sekolah dengan melengkapkan borang di bawah.

Bil.	Peraturan Sekolah	Kebaikan Mematuhi Peraturan Sekolah	Akibat Tidak Mematuhi Peraturan Sekolah
1.	Tidak membuat bising di dalam kelas semasa guru sedang mengajar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dapat mendengar dengan jelas pengajaran guru.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terganggu dan tidak dapat memahami pengajaran guru.</li> </ul>
2.	Tidak dibenarkan memakai barang-barang kemas.		
3.	Membeli makanan hanya dibenarkan pada waktu rehat sahaja.		
4.	Sentiasa menjaga kebersihan kawasan sekolah.		
5.	Dilarang menghisap rokok atau menyalahgunakan dadah.		
6.	Tidak dibenarkan menconteng dinding bilik darjah, tandas dan di mana-mana tempat dalam kawasan sekolah.		



### SOALAN

- Huraikan jenis salah laku yang sering berlaku di sekolah anda.
- Nyatakan kesan akibat melanggar peraturan sekolah.
- Jelaskan perasaan anda sekiranya sekolah anda diisytiharkan sifar ponteng.



Cadangkan langkah-langkah berkesan bagi membantu pihak sekolah menguatkuasakan peraturan sekolah.

### NOTA GURU

Minta murid membawa Buku Peraturan Sekolah bagi menjayakan aktiviti dalam unit ini. Bagi aktiviti mengisi jadual di atas, guru boleh sesuaikan peraturan dan jenis salah laku merujuk persekitaran di sekolah masing-masing.

## B. Lakon dan lengkapkan dialog di bawah.



Mary, bolehkah kita berjumpa untuk berbincang tentang kerja kursus Sejarah selepas sekolah esok? Dua minggu lagi kita perlu menghantarnya. Saya risau kita tidak dapat menyiapkannya.

Janganlah risau Usak. Jika mahu, esok kita boleh menghantar kerja kursus itu. Kebetulan, tajuk yang diberikan oleh cikgu sama dengan tajuk yang pernah dibuat oleh kakak saya. Jadi, apa salahnya kita plagiat sahaja kerja kursus kakak saya?



Plagiat? Setahu saya, perbuatan plagiat ialah kita meniru hasil kerja orang lain dan menjadikannya sebagai hasil kerja kita. Oleh itu, tidak eloklah kita buat begitu, Mary. Saya cadangkan kita berbincang dan membuat kerja kursus itu.

Saya tidak setuju dengan cadangan awak. Lebih baik ikut sahaja cadangan saya. Kita plagiat kerja kursus kakak saya, cepat dan mudah.



### SOALAN


1. Adakah anda bersetuju dengan tindakan Mary? Nyatakan alasan anda.
2. Berikan pendapat anda mengenai sikap Usak.

### NOTA GURU

Bimbing murid memahami seriusnya perbuatan plagiat agar murid tidak menjadikannya sebagai amalan dalam kehidupan harian.

C. Fahami dan jelaskan peraturan semasa berlakunya kebakaran dengan berdasarkan carta alir di bawah.

### **CARTA ALIR SEMASA BERLAKU KEBAKARAN**



#### **SOALAN**

1. Ramalkan kesan yang berlaku sekiranya murid tidak mematuhi peraturan semasa kebakaran.
2. Apakah perasaan anda setelah berjaya mematuhi peraturan sekolah seperti yang ditunjukkan dalam carta alir?

- A. Telefon bimbit merupakan kemudahan komunikasi yang penting pada masa kini. Namun, membawa telefon bimbit dalam kalangan murid di sekolah menjadi isu hangat yang masih dibahaskan.**



### Peraturan Perbahasan

1. Lantik tiga orang ahli sebagai pihak pencadang dan tiga orang ahli sebagai pihak pembangkang.
2. Lantik seorang ketua bagi setiap kumpulan.
3. Lantik tiga orang pengadil untuk menilai aspek isi, gaya penyampaian dan kerjasama pasukan.
4. Seorang penjaga masa disediakan. Loceng akan dibunyikan satu kali untuk menandakan masa tinggal satu minit lagi dan loceng dibunyikan dua kali bagi menandakan masa telah tamat.
5. Peserta pertama sehingga peserta ketiga diberi masa selama tujuh minit untuk mengemukakan isi.
6. Peserta pertama atau kedua daripada pihak pencadang dan pembangkang diberi masa selama empat minit bagi menggulung atau merumuskan isi.

## **PANDUAN ISI BAGI PIHAK PENCADANG: (KEBAIKAN MEMBAWA TELEFON BIMBIT KE SEKOLAH)**

- Pencadang pertama: Pembelajaran tidak membosankan apabila menggunakan telefon di dalam bilik darjah.
- Pencadang kedua: Murid boleh mendapat maklumat dengan segera melalui pencarian di Internet.
- Pencadang ketiga: Murid boleh menghubungi ahli keluarga pada bila-bila masa, terutama ketika kecemasan.
- Penggulung: Jelaslah bahawa terdapat kebaikan apabila telefon dibawa ke sekolah kerana boleh menarik minat murid untuk belajar. Secara tidak langsung, murid juga akan lebih berpengetahuan dalam teknologi.

## **PANDUAN ISI BAGI PIHAK PEMBANGKANG (KEBURUKAN MEMBAWA TELEFON BIMBIT KE SEKOLAH)**

- Pembangkang pertama: Memberikan tekanan dan rasa rendah diri kepada murid yang tidak mempunyai telefon bimbit.
- Pembangkang kedua: Penyalahgunaan kamera dan telefon bimbit untuk tujuan yang tidak baik.
- Pembangkang ketiga: Internet digunakan sesuka hati tanpa batasan menyebabkan murid tidak menumpukan perhatian semasa pengajaran guru.
- Penggulung: Sesungguhnya, terdapat banyak masalah disiplin di sekolah seperti kecurian telefon dan penyebaran video lucah disebabkan kesukaran guru untuk memantau apabila murid membawa telefon bimbit ke sekolah.

**B. Kumpulkan maklumat dan adakan perbahasan bertajuk “Hukuman buang sekolah terhadap murid tidak relevan lagi kini”.**



### **SEGMENT SANTAI**

Nyatakan peraturan sekolah yang sentiasa anda patuhi.

### **NOTA GURU**

Bagi memastikan murid terlibat dalam aktiviti perbahasan, guru boleh membahagikan murid kepada beberapa kumpulan dengan mempelbagaikan tajuk perbahasan. Pilih kumpulan terbaik untuk pertandingan akhir, termasuk juga pertandingan antara kelas.

### C. Lakonkan temu bual di bawah.

Pei Chia: Tahniah Kaviraj kerana menerima anugerah "Tokoh Murid Budiman". Saya Pei Chia daripada Sidang Redaksi Majalah Sekolah ingin mengetahui apakah faktor yang menyebabkan Kaviraj terpilih menerima anugerah ini?

Kaviraj: Terima kasih Pei Chia. Saya berpegang kepada prinsip bahawa sebagai seorang murid haruslah sentiasa menghormati guru dan semua warga sekolah. Saya telah membaca Buku Peraturan Sekolah berkali-kali kerana tidak mahu melanggar mana-mana peraturan yang ditetapkan. Sebagai Pembimbing Rakan Sebaya, saya juga sentiasa membantu dan memberikan nasihat kepada rakan-rakan supaya tidak melanggar peraturan sekolah.

Pei Chia: Bolehkah Kaviraj jelaskan kebaikan mematuhi peraturan sekolah?

Kaviraj: Apabila murid mematuhi peraturan di kelas, pembelajaran dan pengajaran akan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Ini sudah tentu dapat meningkatkan pencapaian akademik murid. Sebaliknya, kelas yang muridnya menimbulkan masalah disiplin, pengajaran guru terpaksa diberhentikan untuk menangani masalah disiplin yang berlaku. Oleh itu, tindakan murid yang melanggar peraturan telah merugikan semua murid di kelas tersebut.

Pei Chia: Saya setuju dengan pandangan Kaviraj. Baiklah, apakah perasaan saudara apabila dipilih sebagai Tokoh Murid Budiman?

Kaviraj: Saya bersyukur dan sangat gembira apabila menerima ucapan tahniah daripada guru serta rakan. Keluarga saya juga sudah tentu berasa bangga akan anugerah ini.



#### SOALAN

1. Mengapakah Kaviraj terpilih sebagai tokoh "Murid Budiman" di sekolahnya?
2. Sebagai murid, mengapakah anda perlu mematuhi peraturan sekolah?

### D. Bagi menyokong pelaksanaan peraturan sekolah, anda dikehendaki mengenal pasti seorang murid yang sentiasa mematuhi peraturan di kelas atau di sekolah anda. Temu bual murid tersebut dan bentangkan hasil temu bual tersebut.

A. Perhatikan gambar di bawah. Kenal pasti cara murid mematuhi peraturan sekolah dan jelaskan kesannya dengan mengisi jadual yang disediakan.



Perkara	Mematuhi peraturan sekolah	Kesan
Rambut	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendek</li><li>• Disikat kemas</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kelihatan cantik dan segak</li></ul>

- B. Lengkapkan ikrar di bawah dengan maklumat yang sesuai. Lafazkan Ikrar Mematuhi Peraturan Sekolah di bawah.**

## **PANDUAN MELAFAZ IKRAR**

1. Berdiri tegak.
2. Angkat tangan kanan separas dengan bahu dan jari dirapatkan.
3. Lafaz ikrar dengan sebutan yang jelas dan bersemangat.



### **Ikrar Mematuhi Peraturan Sekolah**

Saya \_\_\_\_\_ Tingkatan \_\_\_\_\_, berjanji akan mematuhi peraturan sekolah seperti yang berikut:

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

2. Saya tidak akan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah demi:

- Kecemerlangan diri,
- \_\_\_\_\_ (sekolah)
- \_\_\_\_\_ (menjalin perpaduan)

Yang benar,

( \_\_\_\_\_ )

Murid

Disaksikan oleh,

( \_\_\_\_\_ )

Ibu/bapa/penjaga

Disahkan,

( \_\_\_\_\_ )

Guru

- C. Reka bentuk Ikrar Mematuhi Peraturan Sekolah secara kreatif dengan menggunakan komputer. Tampalkan ikrar tersebut dalam buku tulis anda.**

- D. Teliti dan fahami situasi di bawah. Jelaskan tindakan mematuhi peraturan yang sepatutnya dilakukan.**

**Zahariah:** Saya tidak suka akan tajuk ini. Susah betul. Saya tidak akan membuat latihan yang diberikan oleh cikgu.

**Kareena:** Saya juga sama seperti kamu.

Tindakan yang patut dilakukan oleh Zahariah dan Kareena:

---

**Razid:** Bolehkah saya masuk ke tandas dahulu? Saya sakit perut.

**Sharan:** Boleh tetapi kamu perlu membayar RM1.00.

**Ryan:** Sharan, kamu tidak patut bercakap begitu. Kasihan Razid. Biarlah dia menggunakan tandas dahulu.

Tindakan yang patut dilakukan oleh Razid:

---

**Nicky:** Safiyah, jangan tutup kipas itu. Tutup lampu sahaja.

**Safiyah:** Cikgu sudah berpesan, sewaktu rehat, semua suis perlu ditutup. Mengapakah kamu melarang saya berbuat demikian?

**Nicky:** Selepas rehat, kita akan balik ke kelas semula. Biarlah, supaya kelas kita lebih sejuk.

Tindakan yang patut dilakukan oleh Safiyah:

---

- E. Lakonkan tindakan murid yang mematuhi peraturan sekolah berdasarkan situasi tersebut.**



Orang yang melakukan kesalahan dan tidak membaikinya telah melakukan satu kesalahan lagi.

**Jawab soalan di bawah.**

1. Ketika perhimpunan rasmi diadakan, semua murid tekun mendengar pesanan pengetua. Bagaimanapun, Haikal dan Tze Meng telah ditegur oleh rakan sekelas mereka, Chandran kerana berbual sehingga menyebabkannya tidak dapat mendengar pesanan pengetua dengan jelas.

- a. Wajarkah Chandran menegur rakannya? Berikan alasan anda.

---

---

- b. Apakah akibat daripada perbuatan Haikal dan Tze Meng yang berbual semasa pengetua memberikan pesanan?

---

---

- c. Nyatakan tiga peraturan yang patut diamalkan oleh murid semasa perhimpunan.

---

---

2. Beberapa orang murid Tingkatan Satu Bernas telah ditangkap oleh guru disiplin kerana perbuatan membuli.

- a. Terangkan kesan yang akan diterima oleh murid yang melakukan perbuatan membuli.

---

---

- b. Cadangkan dua cara anda dapat membantu pihak sekolah memantapkan disiplin di sekolah.

---

---

3. Berdasarkan kempen di bawah, bincangkan dua kepentingan kempen yang diadakan di sekolah.

---

---



# Unit 16

## KENALI HAK KANAK-KANAK



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- hak asasi kanak-kanak.
- kepentingan melindungi hak asasi kanak-kanak demi kesejahteraan hidup.
- badan kerajaan dan bukan kerajaan yang melindungi hak asasi kanak-kanak.
- cara badan kerajaan dan badan bukan kerajaan melindungi hak asasi kanak-kanak demi kesejahteraan masyarakat.
- cara menzahirkan perasaan apabila hak kanak-kanak dilindungi oleh pelbagai pihak tanpa mengira kaum.
- cara mengambil tindakan untuk melindungi hak kanak-kanak.

### NILAI

- Hormat
- Rasional
- Baik Hati
- Keberanian
- Kasih Sayang
- Bertanggungjawab

Kanak-kanak merupakan antara populasi penduduk yang besar di negara kita. Mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak merupakan seseorang yang berumur di bawah 18 tahun, memerlukan kasih sayang, penjagaan dan perlindungan. Mengikut Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat empat hak kanak-kanak, iaitu:



### Hak Kanak-Kanak dari Segi Kehidupan

- Hak untuk hidup dan membesar dengan sihat.
- Hak untuk mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna.
- Hak untuk mendapatkan rawatan sekiranya sakit.

### Hak Kanak-Kanak dari Segi Perlindungan

- Hak untuk dilindungi daripada dadah, penjahat dan kecederaan.
- Hak untuk dilindungi daripada semua pihak seperti ibu bapa, orang dewasa dan agensi kerajaan.





## Hak Kanak-Kanak dari Segi Perkembangan

- Hak untuk belajar di sekolah.
- Hak untuk belajar menjadi seorang dewasa yang cerdik.
- Hak untuk belajar dengan sempurna.

## Hak Kanak-Kanak dari Segi Penyertaan

- Hak untuk berjumpa dengan kanak-kanak lain.
- Hak untuk menyertai kelab atau persatuan.
- Hak untuk berbincang bersama-sama rakan dengan bebas.



Kanak-kanak akan berasa gembira dan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik sekiranya segala hak mereka ditunaikan. Antara kepentingan menjaga dan melaksanakan hak kanak-kanak termasuklah:

- membolehkan kanak-kanak hidup dan membesar dengan sempurna.
- menghindari dan melindungi kanak-kanak daripada sebarang anasir jahat.
- menjadikan kanak-kanak orang yang berilmu pengetahuan dan aset negara.
- mengasah bakat dan potensi serta meningkatkan kemahiran interaksi kanak-kanak dengan orang lain.

Bagi menjaga hak kanak-kanak, semua pihak perlu memainkan peranan. Antara pihak yang menjaga kepentingan kanak-kanak ialah badan kerajaan seperti yang berikut.

### Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jabatan  
**KEBAJIKAN**  
Masyarakat



- Menyediakan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak daripada bahaya seperti terbiar, penganiayaan dan penderaan.
- Memberikan penekanan kepada perkembangan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi, sosial dan mental.
- Memberikan bantuan kewangan kepada kanak-kanak miskin dan istimewa.
- Menyediakan tempat tinggal dan bantuan-bantuan lain yang sesuai bagi kanak-kanak tersebut.

*Imbas Saya*



Jabatan Kebajikan  
Masyarakat

### Polis Diraja Malaysia



- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi kanak-kanak.
- Menahan, menyiasat dan mengumpul bukti sesuatu kes berkaitan dengan kanak-kanak.
- Menyerahkan pendakwaan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan.

*Imbas Saya*



Polis Diraja Malaysia

### Kementerian Dalam Negeri



كُنْتَرِينِ دَالْمِ نَكْرِي

- Meningkatkan tahap kesedaran tentang keperluan membanteras pemerdangangan manusia dan penyeludupan migran, terutamanya kanak-kanak.
- Memperkuuh prosedur penguatkuasaan dan meningkatkan kerjasama pelbagai pihak.

*Imbas Saya*



Majlis Antipemerdagangan Orang  
dan Antipenyeludupan Migran

Selain badan kerajaan, badan bukan kerajaan juga turut memainkan peranan menjaga hak kanak-kanak. Yang berikut merupakan antara badan bukan kerajaan yang terlibat dan peranannya.

### Tabung Darurat Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu



- Mengumpul sokongan politik untuk turut membuat pelaburan kepada kebajikan kanak-kanak.
- Menangani pelbagai isu penderitaan dan pencabulan hak kanak-kanak.

*Imbas Saya*



UNICEF

### Yayasan Salam Malaysia



- Melaksanakan program kesedaran berkaitan dengan keselamatan diri kanak-kanak di rumah, sekolah dan tempat awam.
- Memberikan semangat dan motivasi kepada kanak-kanak yang bermasalah kembali ke pangkal jalan.

*Imbas Saya*



Yayasan Salam Malaysia

### Yayasan Chow Kit



- Menyediakan beberapa pusat aktiviti yang selamat untuk kanak-kanak dan remaja.
- Membantu untuk membentuk potensi diri melalui pelbagai program.

*Imbas Saya*



Yayasan Chow Kit

### Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Hulu Langat



Persatuan Kanak-Kanak Istimewa

- Menyediakan terapi dan latihan bantuan diri kepada anak kelainan upaya.
- Memberikan kesedaran tentang keperluan orang kurang upaya.

*Imbas Saya*



Persatuan Kanak-Kanak  
Istimewa Hulu Langat

### A. Baca dan fahami cerita di bawah.

Nama saya Amran. Saya berusia 13 tahun. Saya mempunyai tiga orang adik. Ibu saya bekerja mengambil upah menjaga budak kecil. Ayah pula bekerja sebagai pemandu teksi. Keluarga saya tinggal di rumah yang sederhana.

Setiap pagi, ibu menyediakan sarapan untuk saya sebelum ke sekolah. Walaupun pendapatan ibu bapa saya sederhana, tetapi mereka mampu menyediakan keperluan persekolahan saya dan adik-beradik. Kadangkala ayah membawa kami bermain di padang permainan dan juga pergi melancong.

Pada waktu malam, kami akan makan bersama-sama. Selepas makan, ayah dan ibu membantu dan membimbing kami mengulang kaji pelajaran. Saya dan adik-adik berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Saya dan adik-adik berasa sangat gembira walaupun kami tidak semewah keluarga lain, tetapi kami mewah dengan kasih sayang ibu bapa.



### SOALAN

1. Kenal pasti hak asasi kanak-kanak yang dinikmati oleh Amran.
2. Apakah kebaikan yang diperoleh oleh Amran apabila mendapat hak asasi yang sewajarnya? Jelaskan.
3. Anda mendapati seorang kawan sering tidak ke kantin ketika waktu rehat. Kawan tersebut daripada keluarga yang miskin. Apakah tindakan yang boleh anda lakukan?

### B. Lengkapkan senarai semak di bawah tentang hak kanak-kanak yang telah anda peroleh.

Nama: \_\_\_\_\_ Umur: \_\_\_\_\_

Bil.	Pernyataan	Ya/Tidak	Alasan Jika Tidak
1.	Anda dapat membesar dengan sihat.		
2.	Anda mendapat makanan yang berkhasiat.		
3.	Anda disediakan pakaian yang sempurna.		
4.	Anda diberi rawatan sekiranya sakit.		
5.	Anda mendapat tempat tinggal yang selesa.		
6.	Anda dilindungi daripada sebarang bahaya dan anasir jahat.		
7.	Anda dilindungi oleh orang di sekeliling anda dengan sewajarnya.		
8.	Anda mendapat pendidikan yang sempurna.		
9.	Anda diberi hak untuk bermain bersama-sama rakan.		
10.	Anda diberi hak untuk menyertai aktiviti persatuan.		

**C. Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan sebuah bahagian yang memainkan peranan khusus berkaitan dengan hak kanak-kanak. Baca dan fahami peranan bahagian tersebut.**



### SOALAN

Mengapakah Bahagian Kanak-kanak ini penting dalam usaha melindungi hak asasi kanak-kanak?

**D. Dapatkan maklumat lanjut tentang setiap peranan yang dimainkan oleh Bahagian Kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam usaha menjaga dan melindungi hak asasi kanak-kanak. Bentangkan dapatan anda secara kreatif.**



Apakah yang akan berlaku sekiranya hak kanak-kanak tidak dilindungi?

*Imbas Saya*



Suhakam

### A. Baca dan teliti maklumat di bawah.

Kebelakangan ini banyak kanak-kanak yang hilang, diculik atau lebih malang lagi diperkosa dan dibunuh. Sebagai ibu bapa, sudah pasti perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana kejadian ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Ibu bapa berperanan memberikan perlindungan kepada anda daripada berlakunya perkara yang tidak diingini. Walaupun demikian, anda sendiri, ibu bapa, pengasuh atau penjaga kanak-kanak perlu bekerjasama memainkan peranan bagi melindungi keselamatan anda. Yang berikut ialah panduan sekiranya anda berada di luar rumah.



#### SOALAN

1. Bincangkan secara berkumpulan panduan lain bagi menjamin keselamatan diri anda ketika berada di dalam dan di luar rumah.
2. Senaraikan pihak lain yang boleh melindungi keselamatan diri anda.

### B. Hasilkan satu brosur mengenai panduan keselamatan diri anda ketika berada di luar rumah.



Bagaimakah panduan menjaga keselamatan diri dapat membantu menjaga keselamatan orang lain?

#### *Refleksi Diri:*

Mengapakah anda perlu mengatakan tidak kepada orang yang tidak dikenali?

### C. Hasilkan kain rentang untuk menimbulkan kesedaran Hak Asasi Kanak-kanak.

#### Cara Menghasilkan Kain Rentang

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diminta untuk berbincang tentang mesej yang perlu dimasukkan dalam kain rentang.
3. Tulis mesej tersebut pada kain rentang secara kreatif.
4. Minta warga sekolah menurunkan tandatangan pada kain rentang tersebut sebagai sokongan kepada hak asasi kanak-kanak.
5. Gantung kain rentang yang mempunyai tandatangan di sekitar kawasan sekolah.

Contoh

### HENTIKAN PENDERERAAN TERHADAP KANAK-KANAK

#### INGAT!

LINDUNGI HAK KANAK-KANAK  
BERTINDAKLAH SEKARANG!



Hubungi Talian Kasih 15999



#### RENUNGAN

Kanak-kanak ibarat permata yang perlu dijaga kerana tanpa kanak-kanak tiadalah generasi akan datang.

#### Refleksi Diri:

Apakah perasaan anda apabila mesej anda mendapat sokongan daripada warga sekolah?

#### NOTA GURU

Bantu murid menyediakan peralatan dan hadiah dengan merujuk Panitia Pendidikan Moral di sekolah.

**D. Teliti maklumat tentang rumah perlindungan kanak-kanak di bawah. Rancang secara berkumpulan aktiviti lawatan ke salah sebuah pusat perlindungan kanak-kanak yang berhampiran. Bentangkan laporan tersebut.**

Golongan kanak-kanak yang ditempatkan di rumah perlindungan kanak-kanak

- Anak yatim, anak yatim piatu atau anak tidak sah taraf.
- Kanak-kanak terbiar atau ditinggalkan ibu bapa.
- Kanak-kanak mangsa penderaan atau pengabaian.
- Kanak-kanak di bawah perintah mahkamah.



Kemudahan dan aktiviti yang disediakan di rumah perlindungan kanak-kanak

- Segala keperluan asas disediakan.
- Pendidikan formal sama seperti kanak-kanak di luar.
- Latihan kemahiran sesuai dengan potensi dan bakat mereka.
- Program bimbingan dan kaunseling untuk membentuk personaliti dan tingkah laku yang baik dan cemerlang.

### **Cara Menjalankan Aktiviti**

1. Menyediakan senarai ahli jawatankuasa dan ahli yang akan terlibat.
2. Mendapatkan maklumat seperti nama dan latar belakang pusat yang akan dilawati.
3. Mengenal pasti kategori kanak-kanak yang diberi perlindungan.
4. Mendapatkan surat kebenaran daripada pihak yang terlibat.
5. Merancang aktiviti yang akan dijalankan semasa lawatan.
6. Menyediakan barang atau bantuan yang akan diberikan.
7. Merancang persediaan lain yang perlu dibuat.



Bagaimakah anda boleh membantu pusat perlindungan kanak-kanak?

#### *Refleksi Diri:*

Jelaskan perasaan anda apabila berjaya mengadakan lawatan dan melihat nasib kanak-kanak yang tinggal di rumah perlindungan tersebut.

### A. Baca dan lakonkan dialog di bawah.

- Ryan: Saya dapati Tong Min selalu tidak hadir ke sekolah. Adakah kamu berdua tahu sebabnya?
- Naidu: Saya pun perasan juga. Dua hari lepas saya ternampak kesan calar pada tangannya. Dalam kelas pula, dia sering keletihan dan kadangkala tertidur semasa guru mengajar.
- Amir: Apa kata kita pergi ke rumahnya. Mungkin kita dapat tahu akan perkara yang sebenar.
- Ryan: Bagus juga cadangan itu. Mari kita ke rumahnya petang ini.



Ketika dalam perjalanan ke rumah Tong Min, mereka ternampak Tong Min sedang menjual kuih di hadapan pasar raya. Mereka memanggil nama Tong Min. Mereka bertanya kepada Tong Min sebab dia tidak hadir ke sekolah dan bekerja di situ. Tong Min tidak menjawab persoalan mereka. Setelah dipujuk, akhirnya Tong Min menceritakan keadaan yang sebenarnya. Dia terpaksa bekerja bagi membantu ibunya kerana ibu bapanya telah berpisah.

### B. Secara berkumpulan, bincangkan cara anda boleh membantu Tong Min.



Apakah kesan yang akan berlaku sekiranya Tong Min tidak dibantu oleh sesiapa?

C. Sekolah anda akan mengadakan sambutan Hari Kanak-kanak. Bersempena dengan sambutan tersebut, Kelab Pendidikan Moral bercadang untuk menjual penanda buku bermaklumat. Hasil kutipan jualan tersebut akan disumbangkan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Hasilkan penanda buku tersebut secara kreatif.

Contoh penanda buku bermaklumat.

The illustration features four creative book markers shaped like children's faces, each containing text and images related to children's rights:

- Hak Kanak-Kanak dari Segi Kehidupan**  
• Hak untuk hidup dan membesar dengan sihat.
- Hak Kanak-Kanak dari Segi Perlindungan**  
• Hak dilindungi oleh semua pihak.
- Hak Kanak-Kanak dari Segi Penyertaan**  
• Hak untuk berjumpa dengan rakan lain.
- Hak Kanak-Kanak dari Segi Perkembangan**  
• Hak untuk mengembangkan potensi diri.

#### NOTA GURU

Bimbang murid menghasilkan penanda buku. Galakkan murid membawa alatan sendiri dan menghasilkan penanda buku yang kreatif.

**D. Lengkapkan dialog di bawah. Lakonkan cara untuk mempertahankan hak anda bagi menyertai kelab badminton.**

Suraj bercadang untuk menyertai kelab badminton sekolah. Walau bagaimanapun, tindakan Suraj dihalang oleh Aiman kerana menganggap Suraj tidak pandai bermain badminton.

Aiman, pada tahun ini saya memilih untuk menyertai kelab badminton. Bolehkah saya menyertainya?

Jika tidak pandai, inilah masanya untuk saya belajar.

Tetapi kamu tidak mempunyai bakat untuk bermain badminton.



**SOALAN**

1. Wajarkah Aiman menghalang tindakan Suraj menyertai kelab badminton? Jelaskan.
2. Ceritakan perasaan anda sekiranya hak anda dinafikan.

● *Refleksi Diri:*

Mengapa anda perlu menghormati hak asasi kanak-kanak lain?

**A. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan yang diberikan.**

Akta Kanak-kanak telah dikuatkuasakan untuk menjaga hak kanak-kanak. Antara kandungan akta tersebut adalah untuk menjelaskan hak kanak-kanak, bentuk perlindungan dan hukuman bagi mereka yang melanggarnya.

1. Dengan berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan empat hak anda sebagai kanak-kanak yang patut dinikmati dalam kehidupan.
  - i. \_\_\_\_\_
  - ii. \_\_\_\_\_
  - iii. \_\_\_\_\_
  - iv. \_\_\_\_\_
2. Kenal pasti satu contoh pihak di bawah yang menjaga kepentingan hak kanak-kanak. Nyatakan peranannya.
  - i. Badan Kerajaan  
\_\_\_\_\_
  - ii. Badan Bukan Kerajaan  
\_\_\_\_\_
3. Terangkan satu sebab hak kanak-kanak perlu dilindungi.  
\_\_\_\_\_
4. Jelaskan perasaan anda jika dapat membantu melindungi hak kanak-kanak.  
\_\_\_\_\_

**B. Soalan Esei**

Bagaimanakah anda boleh membantu melindungi kanak-kanak yang diabaikan hak mereka?

# Unit 17

## RASUAH MUSUH NEGARA



Dalam unit ini, saya belajar tentang:

- menjelaskan maksud rasuah.
- menjelaskan perbuatan rasuah dengan contoh.
- menghuraikan kesan perbuatan rasuah.
- menyarankan cara untuk membanteras rasuah demi kesejahteraan masyarakat.
- melahirkan rasa benci kepada perbuatan rasuah demi keharmonian hidup.
- menghindari perbuatan rasuah dalam kehidupan harian.

### NILAI

- Rasional
- Kejujuran
- Harga Diri
- Keberanian
- Patriotisme
- Bertanggungjawab
- Kepercayaan kepada Tuhan



## TAHUKAH ANDA APA ITU RASUAH?

Rasuah bermaksud penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan kepada seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

Dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, istilah rasuah disebut sebagai suapan. Antara bentuk suapan adalah seperti yang terdapat dalam rajah di bawah.



### BENTUK SUAPAN

*Imbas Saya*



Suruhanjaya Pencegahan  
Rasuah Malaysia



Di Malaysia, rasuah juga dikenali sebagai *kaw tim*, duit minyak, duit kopi, makan suap, tumbuk rusuk, pelincir, bunga emas dan *under counter money*.

Kesalahan utama berkaitan dengan rasuah menurut akta ini adalah seperti yang berikut.

## Kesalahan

## Contoh Perbuatan Rasuah

### Meminta dan menerima rasuah

Seorang pengarah meminta wang suapan daripada seorang kontraktor sebagai dorongan memastikan syarikat milik kontraktor tersebut dipilih bagi melaksanakan projek pembinaan sebuah sekolah.

Seorang kerani menerima komisen daripada pembekal bagi setiap barang yang dibelinya untuk syarikat.

### Menawarkan dan memberikan rasuah

Seorang pembekal menawarkan sejumlah wang kepada pengurus kewangan sebuah syarikat bagi mempercepatkan proses bayaran terhadap pembekalan yang telah dibuat.

Seorang pengusaha gerai menawarkan makanan percuma selama sebulan kepada seorang pelanggannya agar tidak membuat aduan kepada pihak berkuasa mengenai tahap kebersihan gerainya.

### Mengemukakan tuntutan palsu

Seorang pembekal menghantar 80 buah komputer ke sebuah sekolah, tetapi menuntut bayaran bagi 100 buah komputer.

Seorang pekerja membuat tuntutan palsu berkaitan perjalanan rasmi ke luar daerah walaupun sebenarnya beliau tidak melakukan perjalanan itu.

### Menyalahgunakan kedudukan

Seorang pegawai kerajaan menyalahgunakan kedudukannya dengan memberikan projek kepada syarikat milik anaknya, walaupun terdapat syarikat lain yang lebih berkelayakan.

Seorang pengarah jabatan kerajaan menggunakan kuasanya untuk melantik syarikat milik isteri bagi mengusahakan kafeteria di bangunan pejabatnya.

Yang turut menjadi kesalahan ialah sebarang percubaan atau bersubahat untuk melakukan kesalahan di atas.

Amalan rasuah walau sekecil mana pun adalah amat buruk dan akan menjasakan negara secara keseluruhannya. Yang berikut merupakan antara kesan perbuatan rasuah.

# KESAN RASUAH



## Negara

- Menjejaskan pentadbiran negara.
- Keselamatan dan kesejahteraan rakyat terancam.

## Individu

- Hilang pekerjaan.
- Dihukum penjara.

## Keluarga

- Maruah keluarga terjejas.
- Hilang tempat bergantung

## Masyarakat

- Hilang kepercayaan dalam kalangan masyarakat.
- Harga barang dan perkhidmatan naik.

Oleh itu, semua pihak perlu berusaha dan bekerjasama untuk menangani perbuatan tersebut.

## CARA MEMBANTERAS RASUAH

### INDIVIDU

- Mempunyai pegangan agama dan jati diri
- Menanamkan sifat membenci rasuah

### MASYARAKAT

- Bersedia melaporkan sebarang kegiatan rasuah
- Tidak menggalakkan amalan menyogok untuk memperoleh sesuatu

### KERAJAAN

- **Penguatkuasaan Undang-undang**
  - i. Mendakwa pesalah rasuah tanpa mengira kedudukan mereka
  - ii. Mengenakan hukuman atau denda yang lebih berat dan penjara
- **Pendidikan Pencegahan Rasuah**
  - i. Memasukkan elemen membenci rasuah dalam mata pelajaran di sekolah
  - ii. Mengadakan kempen iklan yang efektif dengan menggunakan pelbagai media massa
- **Inisiatif Lain**
  - i. Menubuhkan Institut Integriti Malaysia
  - ii. Mewujudkan Pangkalan Data Pesalah Rasuah
  - iii. Mewujudkan Mahkamah Khas Rasuah
  - iv. Mewujudkan talian khas 1-800-88-6000

Rasuah tidak mungkin berlaku jika tiada yang memberi dan tiada pula yang sanggup menerima. Usaha menangani rasuah harus bermula dalam diri setiap individu. Mulakan langkah awal dalam diri dengan menzahirkan kebencian terhadap jenayah rasuah dan mengatakan tidak kepada amalan rasuah.

- A. Berdasarkan pandangan tentang perbuatan rasuah menurut perspektif pelbagai agama, bincang bersama-sama rakan mengenai perlunya menjauhi perbuatan rasuah dalam kehidupan seharian.

### **Agama Islam**

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan kamu pula menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Surah al-Baqarah, ayat 188

### **Agama Kristian**

Janganlah menerima rasuah sebab membutakan mata orang untuk mengetahui apa yang benar.

Keluaran 23:8

### **Agama Hindu**

Kepapaan orang-orang yang berbudi lebih jauh baiknya daripada kekayaan yang dikumpulkan dengan cara-cara keji.

Kural – 657

### **Agama Sikh**

Mereka yang mengamalkan sebarang jenis rasuah ialah orang yang telah lupa pada Tuhan dan ajaran sebenar.

Shri Guru Granth Sahib Ji

### **Agama Buddha**

Seseorang yang tidak sompong dan bebas daripada rasuah akan dipandang tinggi oleh dewa-dewa.

Dhammapada



### **SOALAN**

Mengapakah setiap agama melarang perbuatan rasuah?

## B. Baca dan fahami cerita Rohi dan Wira.

### Cerita Rohi

Rohi berusia 34 tahun dan bekerja sebagai seorang penjawat awam. Dia telah ditahan oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di kediamannya kerana kesalahan meminta wang rasuah sebanyak RM5000.00 dan menerima wang rasuah sebanyak RM3000.00. Seterusnya, Rohi didakwa di mahkamah dan dibicarakan dengan dua pertuduhan. Hasil daripada perbicaraan, Rohi didapati bersalah dan telah dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun dan denda berjumlah RM40 000.00

Rohi cuba membuat rayuan tetapi rayuannya telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan. Semasa berada di penjara, Rohi berasa sedih dan menyesal dengan perbuatannya. Dia dihina oleh masyarakat. Keluarganya juga dipulaukan oleh masyarakat setempat. Dia tidak menyangka akibat sikap tamaknya, telah menyebabkan keluarganya menanggung malu.

Melalui perintah parol, Rohi telah dibebaskan lebih awal. Selepas dibebaskan dari penjara, dia telah menghasilkan sebuah buku tentang bahaya amalan rasuah hasil daripada pengalamannya sendiri. Rohi berikrar untuk membantu bagi menyedarkan masyarakat agar tidak terjebak dalam jenayah rasuah.



#### GERBANG MINDA

Parol bermaksud pembebasan seseorang banduan sebelum habis tempoh menjalani hukuman penjara kerana berkelakuan baik.



## Cerita Wira

Wira seorang penjawat awam yang mempunyai kedudukan tinggi di sebuah jabatan. Ketika mengadakan lawatan kerja ke luar negara, beliau telah terlupa untuk membawa ubat gigi dan krim rambut. Dia telah meminta pembantunya untuk membelikan barang-barang tersebut. Sewaktu menyerahkan barang tersebut, pembantunya memberitahu bahawa bil pembelian akan dimasukkan dalam tuntutan perbelanjaan perjalanan Wira.

Sebagai seorang penjawat awam yang jujur dan amanah, dia telah menegur pembantunya bahawa perbuatan tersebut adalah salah. Masih segar lagi di ingatannya tentang ikrar yang dilafazkan ketika memegang jawatan supaya tidak menyalahgunakan kuasa dan wang kerajaan atas tujuan peribadi. Pembantunya memohon maaf dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya. Sikap Wira yang berintegriti berjaya mengangkat maruah dirinya serta patut menjadi teladan kepada kita semua.



### SOALAN

1. Jelaskan rasuah yang dilakukan oleh Rohi.
2. Terangkan kebaikan sikap Wira yang perlu dicontohi.
3. Dengan berdasarkan cerita tersebut, banding bezakan cerita Rohi dan Wira dalam bentuk peta pemikiran.
4. Bagaimanakah anda membantu mengatasi masalah rasuah?

- A. Berdasarkan kes di bawah, kenal pasti kesalahan rasuah dan bentuk suapan yang berlaku.



### KES 1

A merupakan seorang pengarah sebuah syarikat. Beliau telah meminta hadiah daripada seorang kontraktor jika mahu syarikat milik kontraktor tersebut berjaya mendapat projek daripada syarikatnya.

### KES 2

B merupakan jawatankuasa yang bertugas untuk mengutip derma daripada orang ramai. B telah mengambil sedikit wang derma tersebut untuk kegunaan sendiri. Perbuatannya diketahui oleh rakannya. Bagi mengelakkan rakannya melaporkan perbuatannya, B telah menghadiahkan seutas jam tangan yang mahal kepada rakannya.



### KES 3

C seorang pekerja kilang. Dia selalu menawarkan dirinya untuk membantu pihak kilang membeli peralatan untuk kegunaan kilang. Setiap kali membuat tuntutan terhadap pembelian peralatan, C akan memberikan resit palsu kepada majikannya.



#### SOALAN

1. Jelaskan perbuatan rasuah dengan berdasarkan situasi di atas.
2. Ramalkan kesan yang berlaku sekiranya amalan rasuah itu dilakukan.



Mengapakah ada individu dalam kalangan masyarakat sanggup memberikan rasuah?

- B. Main peranan bagi menunjukkan anda menolak perbuatan rasuah tersebut.

### C. Buat penyelesaian terbaik bagi menangani situasi di bawah.

Ranjit memandu kereta dengan kelajuan 140 km/jam di lebuh raya yang mempunyai had laju 90 km/jam kerana dia terlewat ke pejabat.



Seorang pegawai polis mendapati Ranjit memandu melebihi had laju dan mengarahkannya berhenti di tepi jalan. Dengan perasaan gementar, Ranjit memberhentikan kereta lalu mengeluarkan kad pengenalan dan lesen memandu.



#### Tindakan Ranjit

Menerima saman

Memberikan rasuah

Kesan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

Kesan

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_



#### Keputusan Ranjit



Dengan berdasarkan undang-undang negara, pesalah rasuah akan dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan atau RM10 000.00 atau mana-mana yang lebih tinggi. Adakah anda setuju dengan hukuman itu? Bincangkan.

### D. Hasilkan risalah tentang kesan rasuah kepada diri, keluarga dan negara.

**E. Usaha memerangi rasuah memerlukan setiap orang memahami erti sebenar rasuah. Adakan lawatan ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang berhampiran dan hasilkan buku skrap bermaklumat.**



### Maklumat yang Perlu Ada dalam Buku Skrap

1. Latar belakang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
2. Peranan dan tanggungjawab Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
3. Memahami maksud rasuah dengan lebih jelas.
4. Bentuk hukuman yang dikenakan kepada pesalah rasuah.
5. Mengetahui peranan anda untuk membantu agensi terbabit.




### RENUNGAN

Apabila kita mengambil sesuatu yang bukan menjadi hak kita, ingatlah kita sebenarnya mengundang kecelakaan. Kita mungkin akan mendapat apa-apa yang kita inginkan seperti duit, harta dan keseronokan. Namun demikian, kita pasti tidak akan memperoleh ketenangan dan kebahagiaan.

### NOTA GURU

Bimbing murid untuk melaksanakan aktiviti lawatan ke SPRM. Bagi yang tidak dapat melaksanakannya, dapatkan maklumat daripada pelbagai sumber yang sesuai.

A. Lengkapkan teka silang kata antirasuah di bawah dengan berpandukan soalan-soalan yang diberikan.



MELINTANG

1. Istilah rasuah disebut sebagai \_\_\_\_.
  2. Orang yang terlibat dalam rasuah akan hilang \_\_\_\_ diri.
  3. Semua hasil daripada perbuatan rasuah dianggap sebagai \_\_\_\_.
  4. Setiap individu yang menjadi \_\_\_\_ perbuatan rasuah akan dilindungi.
  5. Mereka yang bersubahat dalam rasuah turut akan menerima \_\_\_\_.

MENEGAK

6. Sebagai pengawas sekolah, Muhammin mencatat setiap wang yang dikutip dan tidak menggunakanannya untuk kepentingan peribadi. Muhammin seorang yang bersikap \_\_\_\_\_.
  7. Semua pihak akan berasa \_\_\_\_\_ sekiranya kita terlibat dalam rasuah.
  8. Nama ringkas bagi agensi yang bertanggungjawab membanteras rasuah.
  9. Salah satu kesalahan rasuah ialah membuat tuntutan \_\_\_\_\_.

**B. Baca dan hayati lirik di bawah.**

Rasuanohrasuan!  
Mari kita tolak rasuan!  
Mari semua adik abang  
Tidak kira tua muda  
Mari kita berganding bahu  
Tolak rasuanah pemusnah negara

Rasuanohrasuan!  
Mari kita tolak rasuan!  
Ingatlah kita sebelum terima  
Tidak kira hadiah atau duit  
Silap terima hati gundah gulana  
Kesal kemudian tiada guna

Rasuanohrasuan!  
Mari kita tolak rasuan!  
Marilah mari... mari semua  
Ingat-mengingati antara kita  
Jauhi rasuanah pemusnah bangsa  
Merosak jiwa, juga negara  
Hancur semua, tua dan muda

Rasuanohrasuan!  
Mari kita tolak rasuan!  
Ayuh semua kita berganding bahu  
Lapor segera segala rasuan  
Tidak kira kecil atau besar  
Negara selamat rakyat terbela

Rasuanohrasuan!  
Mari kita tolak rasuan!

## **TOLAK RASUAH PEMUSNAH BANGSA**



### **SOALAN**

1. Kenal pasti perbuatan rasuanah yang ingin disampaikan.
2. Jelaskan kesan perbuatan rasuanah terhadap diri, keluarga dan negara.

**C. Persembahkan dikir barat tersebut secara kreatif. Kumpulan terbaik akan mempersembahkannya di tapak perhimpunan semasa perhimpunan sekolah.**

**A. Berdasarkan situasi di bawah, jawab soalan yang diberikan.**

Hilmie terlihat Bon Seng meniru ketika menjawab soalan peperiksaan. Setelah peperiksaan tamat, Bon Seng telah berjumpa Hilmie dan berjanji untuk memberikannya hadiah dengan syarat Hilmie merahsiakan perbuatannya daripada pengetahuan guru.

1. Jelaskan tindakan yang patut Hilmie lakukan.

---

2. Apakah kesalahan rasuah yang cuba dilakukan oleh Bon Seng?

---

---

3. Sekiranya perbuatan Bon Seng diketahui oleh guru, ramalkan kesan perbuatannya terhadap:

- i. dirinya

---

- ii. keluarganya

---

4. Jelaskan cara anda membantu rakan untuk meningkatkan kesedaran agar menjauhi perbuatan rasuah.

---

---

**B. Soalan Esei**

Perbuatan pencegahan rasuah perlu bermula sejak awal lagi. Anak-anak perlu diberi pendidikan tentang bahaya amalan rasuah. Adakah anda setuju dengan kenyataan ini? Jelaskan.

## SENARAI RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff, 1999. *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Abdullah Zhidi Omar et al., 2014. *Pengantar Pendidikan Moral*. Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail. 2008. *Kurang Berdisiplin? Anda Boleh Mengubahnya*. Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Armstrong, Thomas, 1993. *Seven Kinds of Smart: Identifying and Developing Your Many Intelligences*. New York. Plume.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015. *Pedagogi Bahasa Melaya Abad 21*. Modul Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002. *Konsep dan Manual Sekolah Selamat*. Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2007. *Panduan Pengurusan 3K*. Percetakan Info Meditasi, Sdn. Bhd.
- Durkheim, Emile, 1973. *Moral Education: A Study in the Theory & Application of the Sociology of Education*. New York: The Free Press.
- Eow, B.H., 2000. *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Fleetham, Mike, Charles, Roanne dan Sheppard, Kate, 2006. *Multiple Intelligences In Practice: Enhancing Self-Esteem and Learning in the Classroom*. Stafford: Network Continuum Education.
- Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah, 1992. *Badan Pencegah Rasuah Malaysia 1967-1992: Sejarah Penubuhan dan Perkembangannya*. Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jabatan Pendidikan Selangor, 2013. *Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Koo, Kee Peng dan Tang, Chee Yee, 1990. *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Masyhur, Kahar, 1986. *Meninjau Berbagai Ajaran; Budipekerti/Etika dengan Ajaran Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.
- Mel Siberian, 2004. Diterjemah oleh Zainab Ahmad. *Pembelajaran Aktif: 101 Strategi untuk Mengajar Apa Jua Subjek*. Kuala Lumpur: Insitut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Mohamad Tarmize Abdul Manaf, 2014. *Nota Pencegahan Rasuah*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Malaysia.
- Mohd Firdaus Ramlan, 2015. *Tersugung Dek Rasuah*. Selangor: Bahtera Publishing.
- Mohd Hasril Amiruddin dan Alias Masek, 2014. *Inovasi dalam Teknologi Pendidikan: Isu dan Cabaran*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Mohd Shahman Selamat. “Cabaran Pelajar Menyahut KBAT” dlm. Dewan Masyarakat, Disember 2015.
- Mok, Soon Sang, 2010. *Psikologi Pendidikan*. Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nizar Parman, “Berfikiran Positif dan Matang” dlm. Dewan Siswa, November 2015.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001. *Aplikasi Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001. *Belajar cara Belajar*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001. *Penilaian Kendalian Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Razlie Silam, “Selamatkah anak kita?” dlm. Dewan Masyarakat, Oktober 2015.
- Rosinah Edinin, 2014. *Kemahiran Belajar*. Kuala Lumpur: Freeminds Horizons.

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2009. *Undang-undang Malaysia: Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009* (Akta 694). Kuala Lumpur: Pencetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, 2014, FAQ, Soalan Lazim, Putrajaya, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Malaysia.
- Tam, Yeow Kwai, 1996. *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Tam, Yeow Kwai, 2006. *Pendidikan Moral Konsep, Konsep dan Pedagogi Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Vishalache Balakrishnan, 2009. *Pendidikan Moral, Untuk Universiti dan Kolej*. Shah Alam: Arah Pendidik Sdn. Bhd.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah, 2013. *Permainan dan Simulasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Hasmah Wan Mamat, Sangeetajit Kaur Jag Singh dan Chua Chu Tee, 2014. *Cabaran Remaja Membina Integriti Diri*. Institut Integriti Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

## ORANG SUMBER

- Pengarah Bahagian Kanak-kanak, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Putrajaya.
- Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.
- Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## LAMAN WEB

- <http://ditaramayant.blogspot.my/2012/05/etika-komunikasi-menggunakan-media.html>  
<http://pengurusanetika.blogspot.my/>  
<http://psksksd.blogspot.my/2010/05/pesta-keamatan-perayaan-etnik-sabah.html>  
<http://seputarduniaanak.blogspot.my/2011/11/cara-membuat-origami-bentuk-hati-heart.html>  
<http://www.infosihat.gov.my/infosihat/isusemasa/Bahaya%20Merokok.php>  
<http://www.lkdsb.net/program/elementary/intermediate/di/files/Multiple%20Intelligences%20Checklist.pdf>  
<http://www.pkki.org/>  
<http://www.salam.org.my/>  
<http://www.srigranth.org/servlet/gurbani.gurbani?S=y>  
<http://www.thirukkural.com/>  
<http://www.unicef.org/malaysia/>  
<http://www.yck.org.my/>

# INDEKS

## A

agama 2, 36, 39, 41, 45, 46, 136, 205, 206  
Aidiladha 36  
Aidilfitri 36, 41  
ajaran 39, 41, 136  
akta 188, 200, 202, 203  
aktiviti 59, 61, 62, 69, 72  
alam 123, 124, 126, 130, 131  
amalan 35, 38, 43  
aman 46  
amanah 136  
ancaman 54, 101, 108

## B

bahasa 51  
baik 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 10, 11, 12, 13  
bangsa 136  
barang larangan 82  
benar 1, 3, 4, 5, 6, 7, 10, 11, 12  
beragama 35, 36, 37,  
berakhlak 38  
berbohong 78  
berdoa 37  
beretika 88  
berhemah 17, 28  
berkat 35, 41, 57  
berketurunan 38  
bermaklumat 98  
bermoral 2, 3, 5, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 25, 26, 7, 28, 29, 31, 33, 34  
berpuasa 38  
bersederhana 39  
bersembahyang 36, 37, 38, 39  
bersyukur 39, 112  
bertanggungjawab 35, 47, 59, 111, 123  
bertapa 37  
berterima kasih 46, 59, 111  
bicara berirama 40  
Buddha 36, 40  
buku skrap 58

## C

ceria 88, 89, 90, 91

## D

Deepavali 41  
dilema 18  
doa 44, 45  
 dorongan 74

dosa 205, 206,  
drastik 165

## E

etiket 148, 149, 150, 151, 156

## F

forum 83

## G

ganjaran 46  
gaya hidup 162  
gejala sosial 76, 103  
gerbang minda 60  
gereja 36, 40  
ghaib 39  
gian 162, 163  
gurdwara 37, 40

## H

harga diri 47, 135  
hari lahir 82  
hari persahabatan sedunia 84  
harmoni 88, 94  
hemah tinggi 35, 47, 59  
Hindu 37, 40  
hormat 35, 40, 59

## I

Iban 42  
ikhlas 64, 136  
ikrar 184  
Injil 36  
inovasi 49  
insan 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 24,  
integriti 24, 205  
Internet 49  
interpersonal 51  
intrapersonal 51  
Islam 36, 40

## J

jati diri 137  
jelajah ilmu 157  
jenayah 100, 102  
jujur 136

## K

Kaamatian 38  
Kadazan 38  
kafe siber 79, 81

kanak-kanak 188, 189, 190, 191, 192, 193, 194, 195, 196, 198, 200

kasih sayang 31, 59, 71, 123, 188, 192

kaum 46

kaunseling 80

kawalan keselamatan 92

KBAT 53, 120, 131, 138

keagamaan 35, 36, 37, 38, 43

kebenaran 84

Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3k) 95

kehendak 77

keikhlasan 78

kejujuran 47

kelkeluargaan 80

keluarga 36, 37, 45, 59, 60, 71, 72, 116

kemakmuran 41

kemudahan awam 111, 112, 114, 119, 120, 121, 122

kepercayaan 35, 36, 38, 39, 43, 45, 136

kepercayaan kepada Tuhan 35, 123

kerajinan 47

kerjasama 111, 123

kerjaya 51

kesederhanaan 47, 111

kesejahteraan 38, 45, 47, 92

kesejahteraan sejagat 25

ketagihan Internet 164, 165

ketagihan arak 165, 166

ketagihan rokok 162, 163

keterlaluan 77

kinestetik 51

*kinorohingan* 38

kitab 36

kitar semula 95, 98

komuniti 88

kondusif 88, 90

kraf 95

kreatif 40, 44, 48, 98

Krismas 41

Kristian 36, 40

kuil 37, 40

## L

logika matematik 51

## M

magavau 38

main peranan 66, 141

majlis 43, 62, 68

mantera 43

maruah diri 151, 169  
masjid 40  
masyarakat 2, 12, 13, 15, 17, 25, 29,  
34, 188, 193, 204, 209,  
matlamat 41  
media massa 100  
meditasi 36  
melayari Internet 162  
melindungi 187, 188, 192, 193, 194,  
200  
memantapkan 88  
meminta 203, 207, 208  
meminta izin 77  
menerima 203, 206, 207, 210, 212  
mengabaikan 77, 79  
menjaga perasaan 82  
mores 2, 12  
muafakat 41  
mulia 137  
muzikal 51

## N

naturalis 51  
negara 36, 41, 111, 136, 137, 145  
negatif 74, 80, 81  
nescaya 39  
nilai murni 150  
*nyanik* 39  
*nyenang* 39

## O

orang asli 39  
orang kurang upaya 116  
origami 70, 71

## P

patriotisme 111, 123  
patut 1, 3, 4, 5, 6, 7, 10, 11, 12  
pecah rumah 100  
pemanasan global 127  
pencapaian sekolah 89  
pencemaran 126  
penceroboh 93  
pendorong 79  
penghargaan 84  
penipisan lapisan ozon 127  
penyalahgunaan 181  
peragut 108  
perasaan 45, 46, 55, 57, 59, 71, 111,  
116, 119, 130, 139  
perasaan 77  
peraturan 2, 9, 203, 204  
peraturan sekolah 173, 174, 175  
perayaan 36, 37, 39, 41, 42, 46  
peribumi 40  
perpaduan 25, 29, 35, 40, 41, 75, 88

persekitaran 88, 94, 95  
Pesta Gawai 41  
Pesta Kaamatan 38, 41  
plagiat 178  
ponteng 78  
positif 74, 75, 81  
poster 121, 130  
potensi 47, 52, 53, 56, 57  
prihatin 74, 80  
program 5R 125  
program gotong-royong 130  
program kitar semula 130  
projek 98

## R

rakan 38, 53, 65  
rakyat 36, 40, 41, 112, 116  
Ramadan 36  
rasional 35, 123  
rasuah 201, 202, 203, 204, 205, 206,  
207, 208, 209, 210, 210, 211,  
212, 213  
reka cipta 49, 55  
remaja 135, 136, 137, 138, 140,  
141, 142, 143, 146  
renungan 42, 54, 137  
risiko 49  
Rukun Tetangga 101, 106  
rumah terbuka 42

## S

sahabat 74, 75  
salam 40  
segmen santai 45  
sejahtera 88, 97  
semai 39  
semangat 38  
semangat kejiranan 107  
senarai semak 52  
sengketa 41  
sikap 57, 58, 64  
sikh 37, 40  
silaturahim 75  
Skim Rondaan Sukarela 101  
slogan 121  
soal selidik 105  
sokongan moral 60  
sokongan sosial 166  
syaitan 38  
syukur 74

## T

teknologi 136  
telefon bimbit 9, 31, 209  
tempat beribadat 46  
temu bual 131

terjebak 76  
tinjauan 118, 119  
toleransi 35, 59  
tuhan 37, 38, 45, 46, 124

## U

upacara 36, 37, 38, 43

## V

Vaisakhi 37, 41  
vandalisme 97, 111, 114, 115, 117,  
121, 122  
visual ruang 51

## W

warga sekolah 88, 90, 97  
wat 36, 40  
Wesak 36, 41

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

<b>Skim Pinjaman Buku Teks</b>			
<b>Sekolah</b> _____			
Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima
Nombor Perolehan: _____			
Tarikh Penerimaan: _____			
<b>BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL</b>			